


LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2016

PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN
DAN PENGURUSAN
KEWANGAN
KEMENTERIAN/
JABATAN/BADAN
BERKANUN
PERSEKUTUAN



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2016

**PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
DAN PENGURUSAN KEWANGAN
KEMENTERIAN/JABATAN/BADAN BERKANUN
PERSEKUTUAN**

Jabatan Audit Negara Malaysia



Kandungan

	Muka Surat
KATA PENDAHULUAN	ix
INTISARI LAPORAN	xv
 BAHAGIAN I	
PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN	
1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016	3
 BAHAGIAN II	
PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN	
2. Prestasi Kewangan Secara Menyeluruh	7
 BAHAGIAN III	
PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	
3. Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan (Indeks Akauntabiliti)	47
4. Pengurusan Kewangan Pejabat Perwakilan Malaysia di Luar Negara	133
5. Pengurusan Kewangan Pejabat Perwakilan Badan Berkanun Persekutuan di Luar Negara	143
6. Pengauditan Mengejut di Kementerian	150
7. Pengauditan Mengejut di Badan Berkanun Persekutuan Ibu Pejabat, Negeri dan Daerah	155
 BAHAGIAN IV	
PENGLIBATAN JABATAN AUDIT NEGARA DALAM PENILAIAN KHAS BAGI MENINGKATKAN AKAUNTABILITI PENGURUSAN WANG AWAM	
8. Penilaian Khas Terhadap Prestasi Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi	163
 PENUTUP	167
 LAMPIRAN	
LAMPIRAN A1 - Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016	171
LAMPIRAN A2 - Pernyataan Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Akauntan Negara Malaysia	175

- Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016	176
- Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016	177
- Penyata Prestasi Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016	179
- Penyata Akaun Memorandum pada 31 Disember 2016	180
- Nota kepada Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016	181



Kata Pendahuluan

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan empat (4) jenis pengauditan seperti yang berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

1.2. Pengauditan Pematuhan - untuk menilai sama ada pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

1.3. Pengauditan Prestasi - untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti/program/projek Kerajaan Persekutuan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang ditetapkan; dan

1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan - untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan dengan cekap, teratur dan mencapai objektif penubuhannya.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2016 mengandungi perkara berikut:

Bahagian I : Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

Bahagian II : Pengurusan Kewangan Kerajaan Persekutuan

Bahagian III : Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan

Bahagian IV : Penglibatan Jabatan Audit Negara dalam Penilaian Khas bagi Meningkatkan Akauntabiliti Pengurusan Wang Awam

3. Pengauditan yang dijalankan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2016 mendapati penyata tersebut pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan

Kerajaan Persekutuan seperti pada 31 Disember 2016, hasil operasi dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut serta rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Hasil pengauditan terhadap pengurusan kewangan pula mendapati beberapa Kementerian/Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan masih tidak mematuhi peraturan kewangan dengan sepenuhnya. Kelemahan ini antaranya adalah disebabkan oleh kecuai dalam mematuhi peraturan/prosedur kewangan yang ditetapkan; kekurangan kakitangan dan latihan dalam aspek pengurusan kewangan serta ketiadaan penyeliaan dan pemantauan yang rapi.

4. Semua Ketua Jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam Laporan ini untuk pengesahan mereka. Jabatan Audit Negara juga telah mengambil beberapa pendekatan untuk membantu Kementerian/Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan memperbaiki kelemahan pengurusan kewangan. Antara pendekatan yang telah diambil adalah seperti yang berikut:


4.1. Melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti (IA). Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi setiap elemen kawalan utama akan diberikan markah. Elemen yang dinilai bagi Kementerian dan Jabatan Persekutuan adalah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Perolehan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan. Manakala elemen yang dinilai bagi Badan Berkanun Persekutuan adalah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit, Pengurusan Aset Kerajaan dan Stor, Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan. Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan yang diberi tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai *role model* kepada Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan yang lain. Ini boleh meningkatkan lagi tahap motivasi Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan agar lebih gigih memperbaiki dan memperkasakan prestasi pengurusan kewangan masing-masing.

4.2. Menjalankan pengauditan pengurusan kewangan di Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara bagi menilai sama ada pengurusan kewangan di pejabat perwakilan tersebut adalah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan. Pada tahun 2016, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan di enam (6) pejabat perwakilan di bawah Kementerian Luar Negeri dan tujuh (7) Pejabat Perwakilan Badan Berkanun Persekutuan di luar negara dengan memberi tumpuan kepada lima (5) elemen kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Deposit/Pendahuluan serta Pengurusan Aset dan Stor. Semakan juga telah dijalankan terhadap pengurusan Sistem Perakaunan Luar Negeri.

4.3. Arahan Perbendaharaan menetapkan Ketua Kementerian/Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan menyimpan wang awam, setem atau barangan berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas lain. Ketua Kementerian/Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk menilai sejauh mana peraturan ini dipatuhi, Jabatan Audit Negara juga telah menjalankan pengauditan secara mengejut di 265 Pusat Tanggungjawab(PTJ)/Pusat Kos(PK) Kerajaan Persekutuan di bawah 20 Kementerian seluruh negara dan di 148 pejabat di bawah 47 Badan Berkanun Persekutuan.

4.4. Jabatan Audit Negara juga turut terlibat dalam membuat penilaian khas terhadap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah kawalan Ketua Jabatan yang memegang Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) bagi tujuan pengesahan jawatan mereka. Pada tahun 2016, penilaian telah dibuat terhadap pengurusan kewangan di bawah kawalan 63 Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Agensi. Penilaian ini secara tidak langsung telah menyumbang kepada pengukuhan pengurusan kewangan Kerajaan memandangkan urusan kenaikan pangkat Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan hanya akan dipertimbangkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam setelah Jabatan Audit Negara dan Perbendaharaan Malaysia mengesahkan bahawa pegawai berkaitan telah mengambil tindakan pembetulan terhadap kelemahan pengurusan kewangan yang dibangkitkan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan ini dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha dengan gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

8 Mei 2017



Intisari Laporan

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

1. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 telah menunjukkan satu gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dan rekod perakaunannya juga telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Prestasi Kewangan Secara Menyeluruh

2. Pada tahun 2016, Kerajaan Persekutuan (Kerajaan) memperoleh hasil berjumlah RM212.421 bilion iaitu berkurangan sejumlah RM6.668 bilion (3.0%) berbanding dengan tahun 2015 yang berjumlah RM219.089 bilion. Perbendaharaan Malaysia telah mengeluarkan Waran Am Bil. 1 Tahun 2016 bagi tujuan perbelanjaan mengurus berjumlah RM215.224 bilion. Peruntukan ini telah ditambah sejumlah RM2.279 bilion melalui peruntukan khas berjumlah RM1.446 bilion dan pendahuluan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka yang berjumlah RM0.833 bilion. Perbendaharaan Malaysia juga telah mengeluarkan waran penyekatan peruntukan berjumlah RM5.203 bilion. Oleh itu, peruntukan muktamad untuk perbelanjaan mengurus bagi tahun 2016 adalah berjumlah RM212.300 bilion dan sejumlah RM210.173 bilion (99.0%) daripada jumlah peruntukan tersebut telah dibelanjakan. Manakala bagi perbelanjaan pembangunan, secara keseluruhannya Kementerian/Jabatan Persekutuan telah membelanjakan sejumlah RM41.995 bilion (97.7%) daripada peruntukan yang diluluskan yang berjumlah RM43.003 bilion. Kerajaan mengalami defisit berjumlah RM38.400 bilion dengan nisbah defisit kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada paras 3.12%. Defisit tersebut ditampung dengan pinjaman dalam negeri dan luar negeri yang berjumlah RM99.859 bilion. Selain daripada membiayai perbelanjaan pembangunan, pinjaman ini juga digunakan untuk membayar balik hutang dan membiayai Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan.


Pengurusan Kewangan di Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan

3. Pada tahun 2016, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan (Indeks Akauntabiliti) di 25 Kementerian dan 18 Jabatan Persekutuan yang diaudit secara tahunan dan 38 Badan Berkanun Persekutuan yang diaudit secara pusingan tiga (3) tahun untuk menilai sama ada pengurusan kewangan mereka telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.

Berdasarkan pengauditan tersebut, prestasi pengurusan kewangan di peringkat Kementerian pada keseluruhannya menunjukkan peningkatan bagi tahun 2016 berbanding dua (2) tahun sebelumnya. Pada tahun 2016, semua 25 (100%) Kementerian mencapai tahap **Cemerlang** berbanding 16 (64.0%) dan 20 (83.3%) daripada 25 Kementerian pada tahun 2015 dan 24 Kementerian pada tahun 2014. Prestasi pengurusan kewangan di 18 Jabatan Persekutuan yang diaudit secara tahunan pula menunjukkan peningkatan di mana 16 jabatan (88.9%) telah mencapai tahap **Cemerlang** dan dua (2) di tahap **Baik**. Prestasi pengurusan kewangan di 38 BBP yang diaudit secara pusingan tiga (3) tahun sekali menunjukkan 16 BBP (42.1%) berada pada tahap **Cemerlang**, 19 (50.0%) pada tahap **Baik** dan tiga (3) BBP (7.9%) pada tahap **Memuaskan**. Pengauditan juga telah dijalankan di Jabatan Belia dan Sukan Ibu Pejabat dan 15 JBS Negeri serta 13 Pejabat PERKESO Negeri di seluruh negara. Selain itu, pengauditan telah dijalankan di enam (6) buah pejabat perwakilan Malaysia di luar negara di bawah Kementerian Luar Negeri dan di tujuh (7) Pejabat Perwakilan Badan Berkanun Persekutuan di luar negara.

4. Jabatan Audit Negara juga telah menjalankan pengauditan secara mengejut di 265 Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos Kerajaan Persekutuan di peringkat Negeri dan Daerah di bawah 20 Kementerian serta 148 pejabat di bawah 47 Badan Berkanun Persekutuan. Hasil daripada pengauditan ini, beberapa kes telah dikesan seperti daftar setem, buku tunai dan buku panjar wang runcit tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini; pemeriksaan mengejut tidak dilaksanakan seperti yang ditetapkan dan penurunan kuasa tidak diberi kepada pegawai yang memegang kunci dan nombor kombinasi peti besi. Laporan yang berkaitan telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan Peringkat Ibu Pejabat dan Negeri yang berkenaan untuk tindakan susulan.

5. Selain daripada menjalankan pengauditan bagi memenuhi kehendak undang-undang, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan penilaian khas terhadap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah kawalan Ketua Jabatan yang memegang Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA). Bagi tahun 2016, penilaian telah dibuat terhadap pengurusan kewangan di bawah kawalan Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Agensi yang melibatkan 63 Ketua Jabatan



Bahagian I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

**1. PENGESAHAN TERHADAP PENYATA KEWANGAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

1.1. PENDAHULUAN

1.1.1. Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara untuk pengauditan sebelum 31 Julai tahun berikutnya seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 9, Akta Audit 1957. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan oleh Akauntan Negara Malaysia berasaskan perakaunan tunai ubah suai.

1.1.2. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 telah dikemukakan untuk pengauditan pada 27 Februari 2017. Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan tahun 2016 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.1.2.1. Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am.

1.1.2.2. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan aliran masuk dan aliran keluar wang tunai serta kesetaraan tunai. Aliran Tunai Masuk terdiri daripada hasil, terimaan pinjaman dalam negeri dan luar negeri, bantuan luar negeri, terimaan modal dan terimaan amanah. Manakala Aliran Tunai Keluar adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, bayaran balik pinjaman dalam negeri dan luar negeri, bantuan luar negeri serta perbelanjaan amanah.

1.1.2.3. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan kedudukan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya.

1.1.2.4. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan sebahagian aset kewangan dan liabiliti Kerajaan Persekutuan. Aset Kewangan Kerajaan terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Manakala liabiliti pula terdiri daripada Hutang Awam dan Pelbagai Liabiliti.

1.2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

1.2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan Penyata Kewangan ini telah dilaksanakan berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan.

1.2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen (pengauditan interim) telah dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2016. Pemerhatian Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan Kementerian/Jabatan Persekutuan yang berkenaan melalui surat pengurusan sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

1.3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

1.3.1. Bagi mengesahkan ketepatan baki sesuatu akaun, dokumen sokongan seperti Sijil Pengesahan Baki, Senarai Baki Perseorangan dan Penyata Penyesuaian yang menjelaskan perbezaan antara baki yang ditunjukkan di Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dengan baki yang ada di rekod Kementerian/Jabatan Persekutuan adalah diperlukan. Sehubungan dengan ini, pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat telah mengemukakan dokumen sokongan berkenaan dan pengauditan yang dijalankan mendapati baki yang ditunjukkan di Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan adalah bersamaan dengan baki yang ditunjukkan di dokumen tersebut.

1.3.2. Pada pendapat saya, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan pada keseluruhannya memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan seperti pada 31 Disember 2016 serta hasil operasi dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.



Bahagian II

PENGURUSAN KEWANGAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN

2. PRESTASI KEWANGAN SECARA MENYELURUH

Di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2016, Jabatan Audit Negara juga membuat analisis terhadap data kewangan tahun 2016 dan tahun sebelumnya bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan secara menyeluruh. Selain itu, temu bual dengan pegawai dan pengesahan daripada pihak ketiga turut dijalankan bagi tujuan pengesahan maklumat kewangan. Hasil analisis Audit adalah seperti berikut:

2.1. TERIMAAN DAN PENGGUNAAN DANA


Sumber utama dana Kerajaan Persekutuan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman dalam negeri, bantuan luar negeri serta terimaan lain. Dana ini digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus, perbelanjaan pembangunan, bayaran balik pinjaman dan perbelanjaan lain. Hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2016 adalah berjumlah RM212.421 bilion manakala terimaan balik pinjaman dan pelbagai terimaan adalah berjumlah RM1.347 bilion. Perbelanjaan mengurus adalah berjumlah RM210.173 bilion manakala perbelanjaan pembangunan adalah berjumlah RM41.995 bilion. Kerajaan Persekutuan mengalami defisit berjumlah RM38.400 bilion dengan nisbah defisit kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada paras 3.12%. Defisit tersebut ditampung dengan pinjaman dari dalam dan luar negeri yang berjumlah RM99.859 bilion. Selain daripada membiayai perbelanjaan pembangunan, pinjaman ini juga telah digunakan untuk membayar balik hutang.

2.1.1. Hasil

2.1.1.1. Hasil Kerajaan Persekutuan terdiri daripada hasil cukai, hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan hasil Wilayah Persekutuan. Kutipan hasil menunjukkan trend peningkatan antara tahun 2012 hingga 2014 dan seterusnya menunjukkan trend penurunan sehingga tahun 2016. Hasil cukai meningkat sejumlah RM3.902 bilion (2.4%), terimaan bukan hasil meningkat sejumlah RM823.66 juta (63.9%) dan hasil Wilayah Persekutuan menunjukkan peningkatan sejumlah RM66.55 juta (7.5%). Bagaimanapun, hasil bukan cukai menunjukkan pengurangan yang ketara iaitu sejumlah RM11.461 bilion (22.3%) menjadikan hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2016 secara keseluruhannya berkurangan sejumlah RM6.668 bilion (3.0%). Pada tahun 2016, hasil Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM212.421 bilion berbanding dengan tahun 2015 yang berjumlah RM219.089 bilion. Penyumbang utama


kepada hasil Kerajaan Persekutuan adalah cukai pendapatan yang berjumlah RM102.350 bilion dan cukai barangan dan perkhidmatan yang berjumlah RM41.206 bilion. Kutipan hasil bagi tempoh tahun 2012 hingga 2016 adalah seperti di **Carta 2.1**. manakala trend kutipan hasil bagi tempoh tahun 2012 hingga 2016 mengikut jenis hasil adalah seperti di **Carta 2.2**.

CARTA 2.1
KUTIPAN HASIL BAGI TEMPOH TAHUN 2012 HINGGA 2016



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2012 hingga 2016

CARTA 2.2
KUTIPAN HASIL MENGIKUT JENIS HASIL
BAGI TEMPOH TAHUN 2012 HINGGA 2016



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2012 hingga 2016

2.1.1.2. Kutipan Cukai Pendapatan Individu menunjukkan peningkatan sejumlah RM1.245 bilion (4.7%). Selain itu, Cukai Barangan dan Perkhidmatan Import dan Tempatan meningkat sejumlah RM14.194 bilion manakala pulangan balik perbelanjaan juga meningkat sejumlah RM825 juta (65.2%). Bagaimanapun, pengurangan Cukai Pendapatan Petroleum sejumlah RM3.137 bilion (27.1%), Royalti Petroleum sejumlah RM1.481 bilion (28.8%) dan Faedah dan Perolehan daripada Pelaburan sejumlah RM11.413 bilion (34.8%) menyumbang kepada pengurangan hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2016. Kejatuhan harga minyak mentah dunia memberi kesan yang besar kepada

kutipan hasil. Contoh hasil yang menunjukkan peningkatan/(penurunan) yang ketara pada tahun 2016 berbanding dengan tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 2.1**.

JADUAL 2.1
PENINGKATAN/PENURUNAN HASIL YANG KETARA

JENIS HASIL	PUNGUTAN HASIL (Tahun)		PENINGKATAN/ (PENURUNAN)		PUNCA PENINGKATAN/PENURUNAN
	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
Hasil Cukai					
Cukai Pendapatan Individu	26,321.44	27,566.11	1,244.67	4.7	Peningkatan kutipan cukai melalui potongan cukai bulanan (PCB) dan kutipan pelarasan cukai hasil daripada pengauditan yang dijalankan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).
Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) Import	12,972.70	15,232.66	2,259.96	17.4	Peningkatan kutipan daripada operasi mengenal pasti dan mendaftarkan syarikat yang sepatutnya membayar GST serta aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).
Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) Tempatan	14,039.65	25,973.41	11,933.76	85.0	
Cukai Pendapatan Petroleum	11,558.70	8,421.52	(3,137.18)	(27.1)	Kejatuhan berterusan harga minyak mentah dunia.
Hasil Bukan Cukai					
Royalti Petroleum	5,142.35	3,661.14	(1,481.21)	(28.8)	Kejatuhan berterusan harga minyak mentah dunia.
Faedah dan Perolehan daripada Pelaburan	32,838.05	21,425.29	(11,412.76)	(34.8)	Pembayaran dividen yang lebih rendah oleh syarikat Kerajaan.
Terimaan Bukan Hasil					
Pulangan Balik Perbelanjaan	1,265.28	2,090.28	825.00	65.2	Peningkatan adalah melibatkan terimaan bayaran balik tahun-tahun lalu, bayaran balik pinjaman daripada Akaun Hasil Disatukan/Kumpulan Wang Pinjaman serta Pulangan Balik Imbuan Tetap Perumahan (ITP) dan Bantuan Sara Hidup (COLA).

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2012 hingga 2016

2.1.1.3. Hasil Kerajaan Persekutuan digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan sekiranya ada lebihan hasil, lebihan tersebut dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan. Adalah didapati lebihan hasil yang dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2015 dan 2016 menunjukkan trend peningkatan. Pada tahun 2016, sejumlah RM2.248 bilion lebihan hasil telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan berbanding RM2.091 bilion pada tahun 2015.

2.1.1.4. Pada akhir tahun 2016, Kerajaan Persekutuan mengalami defisit berjumlah RM38.400 bilion dengan nisbah defisit kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada paras 3.12%. Nisbah defisit kepada KDNK ini menunjukkan trend penurunan setiap tahun iaitu daripada 4.47% pada akhir tahun 2012 kepada 3.12% pada akhir tahun 2016. Defisit Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2012 hingga 2016 adalah seperti di **Jadual 2.2**.

JADUAL 2.2
DEFISIT KERAJAAN PERSEKUTUAN
PADA AKHIR TAHUN 2012 HINGGA 2016

PERKARA	TAHUN				
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)
Hasil	207,912.75	213,370.21	220,625.67	219,088.76	212,421.10
Perbelanjaan Mengurus	(205,537.08)	(211,270.34)	(219,589.14)	(216,997.53)	(210,172.66)
Lebihan Hasil	2,375.67	2,099.87	1,036.53	2,091.23	2,248.44
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	2,634.97	1,569.43	1,113.77	1,482.58	1,346.58
Jumlah	5,010.64	3,669.30	2,150.30	3,573.81	3,595.02
Perbelanjaan Pembangunan	(46,932.45)	(42,209.80)	(39,503.49)	(40,767.71)	(41,995.04)
Defisit	(41,921.81)	(38,540.50)	(37,353.19)	(37,193.90)	(38,400.02)
KDNK	937,532	984,453	1,070,008	1,156,881	1,229,382
Nisbah Defisit Kepada KDNK (%)	4.47	3.91	3.49	3.22	3.12


Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2012 hingga 2016

Nota: KDNK - Keluaran Dalam Negeri Kasar

2.1.2. Pinjaman Dan Jaminan Berkanun

2.1.2.1. Kerajaan Persekutuan telah membuat pinjaman dari dalam dan luar negeri bagi menampung defisit perbelanjaan pembangunan, membiayai Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan kakitangan awam dan membayar balik pinjaman. Terimaan dan bayaran balik pinjaman serta pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan bagi tempoh tahun 2012 hingga 2016 adalah seperti di **Carta 2.3**.

CARTA 2.3
TERIMAAN DAN BAYARAN BALIK PINJAMAN SERTA PINDAHAN KEPADA
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN DAN PINJAMAN PERUMAHAN
PADA TAHUN 2012 HINGGA 2016



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2012 hingga 2016

2.1.2.2. Pada tahun 2016, Kerajaan telah membuat pinjaman berjumlah RM99.859 bilion terdiri daripada pinjaman luar negeri berjumlah RM5.982 bilion (6.0%) dan pinjaman dalam negeri berjumlah RM93.877 bilion (94.0%). Secara keseluruhannya, pinjaman pada tahun 2016 berkurangan sejumlah RM21.505 bilion (17.7%) berbanding dengan tahun 2015 yang berjumlah RM121.364 bilion. Pengurangan pinjaman antaranya disebabkan Kerajaan tidak lagi membuat pinjaman bagi membiayai pinjaman perumahan kakitangan awam apabila Bahagian Pinjaman Perumahan dikorporatkan. Selain itu, obligasi Kerajaan untuk membuat bayaran balik pinjaman dalam negeri pada tahun 2016 berkurangan kerana sebahagian pinjaman belum mencapai tempoh matang untuk tebusan semula dan sebahagian lagi belum mula tempoh bayaran balik.

2.1.2.3. Bayaran balik pinjaman pada tahun 2016 adalah berjumlah RM61.342 bilion iaitu berkurangan sejumlah RM16.279 bilion (21.0%) berbanding tahun 2015 yang berjumlah RM77.621 bilion. Sejumlah RM56.194 bilion (91.6%) adalah bayaran balik pinjaman dalam negeri manakala bakinya RM5.148 bilion (8.4%) adalah bayaran balik pinjaman luar negeri. Selain itu, pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan yang berjumlah RM46.579 bilion juga menunjukkan pengurangan sejumlah RM2.670 bilion (5.4%) berbanding dengan tahun 2015 yang berjumlah RM49.249 bilion. Manakala pada tahun 2016 tiada pindahan kepada Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan apabila Bahagian Pinjaman Perumahan dikorporatkan.

2.1.2.4. Hutang Kerajaan Persekutuan terdiri daripada hutang dalam negeri berjumlah RM624.822 bilion (96.4%) dan hutang luar negeri berjumlah RM23.653 bilion (3.6%). Secara keseluruhannya Hutang Kerajaan Persekutuan menunjukkan peningkatan sejumlah RM17.935 bilion (2.8%) daripada RM630.540 bilion pada akhir tahun 2015 kepada RM648.475 bilion pada akhir tahun 2016. Peningkatan jumlah hutang ini disumbangkan oleh peningkatan hutang dalam negeri sejumlah RM15.759 bilion dan hutang luar negeri sejumlah RM2.176 bilion. **Nisbah Hutang Kerajaan Persekutuan kepada KDNK pada akhir tahun 2016 adalah pada paras 52.75% iaitu berkurangan pada kadar 1.75% berbanding dengan tahun 2015.** Kedudukan Hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2012 hingga 2016 adalah seperti **Carta 2.4.** dan nisbah Hutang Kerajaan Persekutuan kepada KDNK pada akhir tahun 2012 hingga 2016 adalah seperti **Jadual 2.3.**

CARTA 2.4
KEDUDUKAN HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN
PADA AKHIR TAHUN 2012 HINGGA 2016



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2012 hingga 2016

JADUAL 2.3
NISBAH HUTANG AWAM KEPADA KELUARAN DALAM NEGERI KASAR
PADA AKHIR TAHUN 2012 HINGGA 2016


PERKARA	2012	2013	2014	2015	2016
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
Jumlah Hutang Awam	501,617	539,858	582,828	630,540	648,475
KDNK	937,532	984,453	1,070,008	1,156,881	1,229,382
Nisbah Hutang Awam Kepada KDNK (%)	53.50	54.84	54.47	54.50	52.75

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2012 hingga 2016

Nota: KDNK - Keluaran Dalam Negeri Kasar

2.1.2.5. Perbelanjaan kerana hutang negara (kos bagi mendapatkan pinjaman dan faedah pinjaman) juga menunjukkan peningkatan bagi tempoh lima (5) tahun berturut-turut. Pada tahun 2015, perbelanjaan kerana hutang negara adalah berjumlah RM24.283 bilion dan meningkat sejumlah RM2.197 bilion (9.0%) kepada RM26.480 bilion pada tahun 2016. Kedudukan perbelanjaan kerana hutang negara pada tahun 2016 dan empat (4) tahun sebelumnya adalah seperti di **Carta 2.5**.


CARTA 2.5.
PERBELANJAAN KERANA HUTANG NEGARA
BAGI TEMPOH TAHUN 2012 HINGGA 2016



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2012 hingga 2016

2.1.2.6. Kerajaan Persekutuan juga memberi jaminan kepada pinjaman yang dibuat oleh badan berkanun/syarikat seperti yang dibenarkan oleh Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965. Pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan juga menunjukkan trend peningkatan setiap tahun. Pada akhir tahun 2016, amaun belum selesai pinjaman dalam dan luar negeri yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan bagi empat (4) badan berkanun dan 25 syarikat secara keseluruhannya adalah berjumlah RM187.234 bilion iaitu meningkat sejumlah RM9.506 bilion (5.3%) berbanding dengan tahun 2015 yang berjumlah RM177.728 bilion. Antara pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan yang menunjukkan peningkatan yang ketara adalah pinjaman oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dengan kenaikan berjumlah RM5.15 bilion (14.6%) dan DanaInfra Nasional Berhad dengan kenaikan berjumlah RM9 bilion (43.4%). Selain itu mulai tahun 2016, Kerajaan juga telah memberi jaminan kepada pinjaman oleh Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam yang berjumlah RM4 bilion. Manakala pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan bagi beberapa syarikat menunjukkan pengurangan berbanding dengan tahun 2015 antaranya pinjaman oleh Khazanah Malaysia Berhad berkurangan sejumlah RM2 bilion (10.0%); K.L International Airport Berhad (KLIA) berkurangan sejumlah RM2.229 bilion (88.5%); Penerbangan Malaysia Berhad berkurangan sejumlah RM4.326 bilion (86.7%) dan Sarawak Hidro Sdn. Bhd. berkurangan sejumlah RM4.64 bilion (82.3%). Kedudukan pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2016 dan empat (4) tahun sebelumnya adalah seperti di **Carta 2.6**.

CARTA 2.6
KEDUDUKAN PINJAMAN YANG DIJAMIN OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN
PADA AKHIR TAHUN 2012 HINGGA 2016



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2012 hingga 2016

2.1.3. Perbelanjaan Mengurus

2.1.3.1. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada perbelanjaan tanggungan (Vot T) dan bekalan (Vot B). Pada tahun 2016, Perbendaharaan Malaysia telah mengeluarkan Waran Am Bil. 1 Tahun 2016 bagi tujuan perbelanjaan mengurus berjumlah RM215.224 bilion. Peruntukan ini telah ditambah sejumlah RM2.279 bilion melalui peruntukan khas berjumlah RM1.446 bilion dan pendahuluan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka yang berjumlah RM0.833 bilion. Dalam tempoh yang sama, Perbendaharaan Malaysia juga telah mengeluarkan waran penyekatan peruntukan berjumlah RM5.203 bilion. Dengan ini, peruntukan muktamad bagi tahun 2016 adalah berjumlah RM212.300 bilion. Perbelanjaan mengurus pada tahun 2016 adalah berjumlah RM210.173 bilion (99.0%) daripada jumlah yang diperuntukkan. Perbelanjaan mengurus tahun 2016 berkurangan sejumlah RM6.825 bilion (3.1%) berbanding dengan tahun 2015 yang berjumlah RM216.998 bilion. Penyumbang utama pengurangan perbelanjaan tahun 2016 adalah pengurangan perbelanjaan pemberian dan kenaikan bayaran tetap serta perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan. Perbandingan peruntukan dan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2015 dan 2016 adalah seperti di **Jadual 2.4**.

JADUAL 2.4
PERBANDINGAN PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS
BAGI TAHUN 2015 DAN 2016


PERKARA	TAHUN 2015 (RM Juta)	TAHUN 2016 (RM Juta)
Peruntukan		
i. Asal	223,440.00	215,224.00
ii. Waran Khas dan Pendahuluan Daripada Peruntukan Luar Jangka	3,377.57	2,279.42
JUMLAH	226,817.57	217,503.42
Waran Penyekatan Peruntukan	(5,090.81)	(5,202.87)
JUMLAH	221,726.76	212,300.55
Perbelanjaan Sebenar*	216,997.53	210,172.66
Peratus Perbelanjaan	97.9%	99%

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2015 dan 2016

Nota : (*) - Tidak Termasuk Pindahan Kepada Kumpulan Wang Pembangunan

2.1.3.2. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2016 berjumlah RM210.173 bilion meliputi pemberian dan kenaikan bayaran tetap berjumlah RM105.405 bilion; emolumen berjumlah RM73.108 bilion; perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM30.071 bilion; aset berjumlah RM0.676 bilion dan perbelanjaan lain berjumlah RM0.913 bilion. Perbelanjaan bagi pemberian dan kenaikan bayaran tetap merupakan perbelanjaan terbesar Kerajaan Persekutuan. Jumlah perbelanjaan mengurus mengikut jenis perbelanjaan bagi tahun 2012 hingga 2016 adalah seperti di **Carta 2.7**.

CARTA 2.7
PERBELANJAAN MENGRUS MENGIKUT JENIS PERBELANJAAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2012 HINGGA 2016



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2012 Hingga 2016

2.1.4. Perbelanjaan Pembangunan

2.1.4.1. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM260 bilion sebagai peruntukan pembangunan yang akan diagihkan setiap tahun sepanjang tahun pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) yang merupakan rancangan lima tahun pembangunan Malaysia (2016 - 2020). Sejumlah RM50 bilion telah diluluskan sebagai anggaran asal perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2016. Kerajaan juga telah meluluskan peruntukan daripada Simpanan Luar Jangka berjumlah RM0.988 bilion sebagai tambahan kepada peruntukan asal tersebut. Bagi tempoh yang sama, Kerajaan telah mengeluarkan Waran Penyekatan Peruntukan berjumlah RM7.985 bilion. Dengan ini, peruntukan muktamad untuk pembangunan adalah berjumlah RM43.003 bilion. Sehingga akhir tahun 2016, secara keseluruhannya Kementerian/Jabatan Persekutuan telah membelanjakan sejumlah RM41.995 bilion (97.7%) daripada peruntukan yang diluluskan. Perbandingan peruntukan dan perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2015 dan 2016 adalah seperti di **Jadual 2.5**.

JADUAL 2.5
PERBANDINGAN PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
PADA TAHUN 2015 DAN 2016

PERKARA	TAHUN 2015 (RM Juta)	TAHUN 2016 (RM Juta)
Peruntukan:		
- Anggaran Asal*	48,499.99	50,000.00
- Tambahan Pertama/Pendahuluan daripada Peruntukan Luar Jangka	391.00	987.76
JUMLAH	48,890.99	50,987.76
Waran Penyekatan Peruntukan	(7,865.83)	(7,985.10)
JUMLAH	41,025.16	43,002.66
Perbelanjaan Sebenar	40,767.71	41,995.04
Peratus Perbelanjaan	99.4%	97.7%

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2015 dan 2016

Nota: (*) - Tidak Termasuk Peruntukan Simpanan Luar Jangka yang Berjumlah RM2 Bilion.

2.1.4.2. Analisis Audit terhadap perbelanjaan pembangunan tahun 2016 bagi 25 Kementerian/Jabatan mendapati ada kelemahan dalam pengurusan peruntukan pembangunan seperti peruntukan tidak dibelanjakan, peruntukan dibelanjakan kurang daripada 50% dan tambahan/pindah peruntukan tidak dibelanjakan. Butiran mengenai kelemahan pengurusan perbelanjaan pembangunan adalah seperti di **Jadual 2.6**.

JADUAL 2.6
KELEMAHAN PENGURUSAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

PERKARA	2016		
	BIL. KEMENTERIAN/ JABATAN	BIL. PROJEK TERLIBAT	JUMLAH (RM Juta)
Peruntukan Tidak Dibelanjakan	6	11	35.18
Peruntukan Dibelanjakan Kurang Daripada 50%	11	20	68.04
Tambahan/Pindah Peruntukan Tidak Dibelanjakan	6	8	41.32

Sumber : Dokumen Dan Rekod Di Peringkat Kementerian/Jabatan

- a. Sejumlah RM35.18 juta yang diluluskan pada tahun 2016 bagi membiayai 11 projek di enam (6) Kementerian tidak dibelanjakan langsung. Butirannya adalah seperti di **Jadual 2.7**.

JADUAL 2.7
PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN

KEMENTERIAN	BIL. PROJEK TERLIBAT	PERUNTUKAN TAHUN 2016 (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR TAHUN 2016 (RM Juta)
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia	4	20.76	0.00
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	2	7.87	0.00
Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	1	3.60	0.00
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	2	2.20	0.00
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	1	0.41	0.00
Kementerian Dalam Negeri	1	0.34	0.00
JUMLAH	11	35.18	0.00

Sumber : Dokumen dan Rekod Di Peringkat Kementerian/Jabatan

- b. Sejumlah RM93.25 juta yang diluluskan pada tahun 2016 bagi membiayai 20 projek di 11 Kementerian/Jabatan telah dibelanjakan kurang daripada 50%. Semakan Audit mendapati **hanya sejumlah RM25.21 juta (27.0%) daripada RM93.25 juta peruntukan yang diluluskan telah dibelanjakan**. Butirannya adalah seperti di **Jadual 2.8**.

JADUAL 2.8
PERUNTUKAN DIBELANJAKAN KURANG DARIPADA 50%

PERATUS PERBELANJAAN (%)	BIL. KEMENTERIAN/JABATAN TERLIBAT	BIL. PROJEK TERLIBAT	JUMLAH PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR TAHUN 2016 (RM Juta)	JUMLAH PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN (RM Juta)
< 10	3	4	22.21	1.02	21.19
10 ≤ 20	1	1	0.18	0.03	0.15
20 ≤ 30	5	6	34.69	8.62	26.07
30 ≤ 40	2	2	3.86	1.48	2.38
40 ≤ 50	5	7	32.31	14.06	18.25
JUMLAH		20	93.25	25.21	68.04

Sumber : Dokumen dan Rekod Di Peringkat Kementerian/Jabatan

- c. Sejumlah RM41.32 juta telah ditambah/dipindah peruntukan bagi membiayai lapan (8) projek di enam (6) Kementerian di mana tambahan/pindah peruntukan tersebut tidak dibelanjakan malah perbelanjaan sebenar bagi projek berkenaan adalah kurang daripada peruntukan asal. Butirannya adalah seperti di **Jadual 2.9**.

JADUAL 2.9
TAMBAHAN/PINDAH PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN

KEMENTERIAN/JABATAN	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN ASAL (RM Juta) (a)	PINDAH PERUNTUKAN (RM Juta) (b)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta) (c)	PERUNTUKAN ASAL TIDAK DIBELANJAKAN (RM Juta) (d) = [(a) - (c)]	JUMLAH PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN (RM Juta) [(b) + (d)]
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	3	472.26	17.30	386.31	85.95	103.25
Kementerian Pengangkutan	1	94.00	12.50	42.39	51.61	64.11
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	1	191.72	5.00	169.85	21.87	26.87
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	1	26.41	5.35	11.96	14.45	19.80
Kementerian Belia dan Sukan	1	5.00	0.18	2.46	2.54	2.72
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	1	32.53	0.99	30.07	2.46	3.45
JUMLAH	8	821.92	41.32	643.04	178.88	220.20

Sumber : Dokumen Dan Rekod Di Peringkat Kementerian/Jabatan

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 21 April 2017

Peruntukan tidak/kurang dibelanjakan adalah disebabkan perubahan skop kerja, tuntutan lewat dikemukakan oleh kontraktor, bekalan/kerja belum/tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi dan proses perolehan belum selesai.

2.1.5. Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor

2.1.5.1. Wang Pendahuluan kepada Kontraktor adalah bayaran pendahuluan yang dibenarkan kepada kontraktor tempatan yang memerlukan modal untuk melaksanakan kerja awalan. Semua bayaran pendahuluan dicaj terus kepada vot projek berkenaan. Kementerian/Jabatan perlu menyelenggara akaun subsidiari mengenainya bagi merekodkan bayaran pendahuluan ini yang akan diselaraskan melalui potongan yang dibuat daripada bayaran kemajuan projek. Peraturan dan syarat bagi bayaran pendahuluan ini dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia 1PP - PK4.

2.1.5.2. Semakan Audit mendapati Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus, pembangunan dan akaun amanah yang belum diimbuh/dikutip balik pada akhir tahun 2016 adalah berjumlah RM946.40 juta iaitu meningkat sejumlah RM7.39 juta (0.8%) berbanding tahun sebelumnya. Baki Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor yang belum diimbuh/dikutip balik pada akhir tahun 2012 hingga 2016 adalah seperti di **Jadual 2.10**.

JADUAL 2.10
KEDUDUKAN BAKI WANG PENDAHULUAN KEPADA KONTRAKTOR
YANG BELUM DIKUTIP BALIK
PADA AKHIR TAHUN 2012 HINGGA 2016

TAHUN	BAKI WANG PENDAHULUAN KEPADA KONTRAKTOR (RM Juta)	PENINGKATAN/(PENURUNAN)	
		(RM Juta)	(%)
2012	1,045.27	-	-
2013	1,106.32	61.05	5.8
2014	948.97	(157.35)	(14.2)
2015	939.01	(9.96)	(1.0)
2016	946.40	7.39	0.8


Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2012 hingga 2016

2.1.5.3. Kutipan Balik Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor

- Pekeliling Perbendaharaan Malaysia 1PP - PK4 menyatakan bahawa Kementerian/Jabatan dinasihatkan supaya berhati-hati dan mengawasi kemajuan pelaksanaan sesuatu kontrak bagi memastikan semua pendahuluan kepada kontraktor dapat dikutip balik selewat-lewatnya semasa kerja siap pada tahap 75%. Sekiranya pihak kontraktor gagal melaksanakan projek, bayaran wang pendahuluan yang belum dikutip balik hendaklah dituntut daripada bank/syarikat kewangan/insurans/takaful yang mengeluarkan jaminan bagi maksud tersebut.
- Baki Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor yang belum diimbuh/dikutip balik walaupun projek telah ditamatkan/terbengkalai atau kemajuan kerja telah melebihi 75% pada akhir tahun 2016 berkurangan sejumlah RM4.46 juta kepada RM102.68 juta berbanding pada akhir tahun 2015. Kedudukan

baki Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor yang belum dikutip balik walaupun kemajuan kerja telah mencapai 75% atau projek terbengkalai/ditamatkan pada akhir tahun 2012 hingga 2016 adalah seperti di **Carta 2.8**. Manakala **Jadual 2.11** adalah senarai Kementerian yang masih belum mengutip balik baki bayaran pendahuluan berjumlah RM102.68 juta daripada 38 syarikat pada akhir tahun 2016 walaupun projek telah ditamatkan/terbengkalai atau kemajuan kerja telah melebihi 75%.

CARTA 2.8
KEDUDUKAN BAKI WANG PENDAHULUAN KEPADA KONTRAKTOR
YANG BELUM DIKUTIP BALIK WALAUPUN KEMAJUAN KERJA TELAH
MENCAPAI 75% ATAU PROJEK TERBENGKALAI/DITAMATKAN
PADA AKHIR TAHUN 2012 HINGGA 2016



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2012 hingga 2016


JADUAL 2.11
BAKI WANG PENDAHULUAN KEPADA KONTRAKTOR
YANG BELUM DIKUTIP BALIK WALAUPUN KEMAJUAN KERJA
TELAH MENCAPAI 75% ATAU PROJEK TERBENGKALAI/DITAMATKAN

KEMENTERIAN	KEMAJUAN KERJA TELAH MENCAPAI 75%	PROJEK TERBENGKALAI/ DITAMATKAN		BAKI WANG PENDAHULUAN YANG MASIH BELUM DIKUTIP/DIIMBUH BALIK (RM Juta)
	BIL. SYARIKAT	BIL. SYARIKAT	TAHUN KONTRAK DITAMATKAN	
Kementerian Pertahanan	1	2	2009	17.97
Kementerian Dalam Negeri	-	2	2008 - 2009	4.45
Kementerian Pendidikan Malaysia	11	3	2011 - 2015	28.49
Kementerian Pengangkutan	-	2	Kontrak Belum Ditamatkan	13.51
Kementerian Kerja Raya	1	16	2006 - 2014	38.26
JUMLAH	13	25		102.68

Sumber : Dokumen dan Rekod Di Peringkat Kementerian/Jabatan

- c. Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor yang belum diimbuh balik bagi projek Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah ditamatkan/terbengkalai/siap melebihi 75% menunjukkan pengurangan sejumlah RM13.26 juta (31.8%) berbanding tahun 2015. Pengurangan ini adalah kerana Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuat kutipan balik Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor tersebut. Manakala baki Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor bagi Kementerian Pengangkutan pula menunjukkan peningkatan sejumlah RM7.76 juta (135%) kepada RM13.51 juta berbanding tahun sebelum kerana terdapat satu projek telah gagal untuk diteruskan dan jaminan bank telah tamat tempoh. Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor belum dikutip balik bagi Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri pula tidak menunjukkan perubahan dari tahun 2012 sehingga 2016 kerana kes tersebut masih dalam tindakan mahkamah atau dalam proses timbang tara. Trend baki Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor yang belum dikutip balik bagi projek yang terbengkalai/ditamatkan/siap melebihi 75% mengikut Kementerian adalah seperti di **Carta 2.9**.

CARTA 2.9
BAKI WANG PENDAHULUAN KEPADA KONTRAKTOR
YANG BELUM DIKUTIP WALAUPUN KEMAJUAN KERJA
TELAH MENCAPAI 75% ATAU PROJEK TERBENGKALAI/DITAMATKAN



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2012 hingga 2016

Nota :

PERTAHANAN – Kementerian Pertahanan
 KDN – Kementerian Dalam Negeri
 KKR – Kementerian Kerja Raya

PENGANGKUTAN – Kementerian Pengangkutan
 KPM – Kementerian Pendidikan Malaysia

Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 9 Mei 2017

Perbendaharaan Malaysia sedang mengkaji semula Pekeliling Perbendaharaan 1PP/PK4 berkaitan kemudahan bayaran pendahuluan kepada kontraktor sama ada masih relevan untuk diteruskan.

2.1.6. Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 59

2.1.6.1. Pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 59 (AP 59) hanya boleh dilakukan dengan kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia atas pengesahan pihak Kementerian/Jabatan bahawa perkhidmatan atau barang yang dipesan dan dibekalkan dengan suci hati kepada Kerajaan telah diterima dengan sempurna. Pembayaran ini akan dipertanggungjawabkan kepada Akaun Kumpulan Wang Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) sementara menunggu siasatan dijalankan oleh Kementerian/Jabatan. Pada tahun 2016, Perbendaharaan Malaysia telah meluluskan 69 permohonan Pendahuluan Diri berjumlah RM16.81 juta kepada 11 Kementerian/Jabatan bagi pembayaran di bawah AP 59. Adalah didapati Pendahuluan Diri bagi pembayaran di bawah AP 59 yang diluluskan pada tahun 2016 telah berkurangan sejumlah RM11.30 juta (40.2%) berbanding dengan tahun 2015 yang berjumlah RM28.11 juta. Bagaimanapun, bilangan kes Pendahuluan Diri di bawah AP 59 yang diluluskan pada tahun 2016 telah meningkat sebanyak 19 kes berbanding tahun 2015. Butirannya adalah seperti di **Jadual 2.12**.

JADUAL 2.12
PEMBAYARAN DI BAWAH AP 59 YANG DILULUSKAN
OLEH PERBENDAHARAAN MALAYSIA PADA TAHUN 2015 DAN 2016

KEMENTERIAN/JABATAN	KELULUSAN PADA TAHUN 2015		KELULUSAN PADA TAHUN 2016	
	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia	2	0.22	29	9.41
Polis DiRaja Malaysia	10	3.34	7	4.15
Kementerian Dalam Negeri	-	-	2	1.74
Kementerian Pendidikan Malaysia	3	0.66	4	0.54
Kementerian Pertahanan	3	8.85	1	0.19
Kementerian Pengangkutan	1	0.16	10	0.27
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	8	0.51	9	0.26
Kementerian Kerja Raya	6	12.47	-	-
Jumlah Kecil	33	26.21	62	16.56
Kementerian/Jabatan Lain	17	1.90	7	0.25
JUMLAH KESELURUHAN	50	28.11	69	16.81

Sumber : Dokumen dan Rekod Di Peringkat Kementerian/Jabatan

2.1.6.2. Selaras dengan AP 59, Pegawai Pengawal adalah dikehendaki mengemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia laporan siasatan lengkap dengan menghuraikan bagaimana penyimpangan peraturan biasa boleh berlaku dalam tempoh 60 hari daripada tarikh pendahuluan diluluskan. Semakan Audit terhadap 89 laporan siasatan yang dikemukakan pada tahun 2016 mendapati 12 (13.5%) daripadanya telah lewat dikemukakan antara 11 hingga 517 hari. Butirannya adalah seperti di **Jadual 2.13**.

JADUAL 2.13
KELEWATAN MENGEMUKAKAN LAPORAN SIASATAN
KEPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KEMENTERIAN/JABATAN	LAPORAN SIASATAN DIKEMUKAKAN PADA TAHUN 2016		
	BIL. KES	AMAUN (RM Juta)	TEMPOH KELEWATAN* (Hari)
Jabatan Imigresen Malaysia	2	0.24	444 - 517
Polis DiRaja Malaysia	4	0.48	33 - 89
Kementerian Pendidikan Malaysia	3	0.50	34 - 72
Kementerian Dalam Negeri	1	0.25	46
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia	1	0.04	37
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia	1	8.09	11
JUMLAH/TEMPOH	12	9.60	11 - 517

Sumber : Dokumen dan Rekod Di Peringkat Kementerian/Jabatan

Nota : (*) - Tempoh Dikira Selepas 60 Hari Daripada Tarikh Kelulusan Pelarasan Dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia

Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 9 Mei 2017

Perbendaharaan Malaysia memaklumkan tindakan telah diambil bagi memantau kelewatan mengemukakan laporan siasatan dengan mengeluarkan surat peringatan dan teguran berulang kali kepada Kementerian/Jabatan supaya mengemukakan laporan dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, Perbendaharaan Malaysia juga memaklumkan bagi kes-kes tertentu, kebenaran diberi kepada Kementerian/Jabatan untuk melanjutkan tempoh mengemukakan laporan siasatan sekiranya jawatankuasa siasatan menghadapi masalah mendapatkan maklumat yang lengkap di peringkat Jabatan/Agensi atau daerah atau kes-kes lama bagi membolehkan laporan yang adil dibuat.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 21 April 2017

Kementerian memaklumkan laporan siasatan lewat dikemukakan kerana berlaku pertukaran pegawai dan jawatankuasa siasatan menghadapi kekangan untuk mengumpul maklumat/dokumen sokongan bagi melengkapkan laporan siasatan.

2.1.6.3. Sehingga akhir tahun 2016, baki pendahuluan yang belum diselaraskan adalah berjumlah RM44.33 juta melibatkan 20 Kementerian/Jabatan. Sejumlah RM23.39 juta daripada RM44.33 juta yang belum diselaraskan adalah merupakan baki yang dibawa ke hadapan dari tahun-tahun sebelumnya melibatkan 10 Kementerian/Jabatan. Pendahuluan Diri bagi pembayaran di bawah AP 59 yang diluluskan pada tahun 2015 dan sebelumnya tetapi belum diselaraskan sehingga penghujung tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 2.14**. Antara punca Pendahuluan Diri tersebut belum diselaraskan adalah disebabkan pihak Kementerian/Jabatan lewat mengemukakan laporan siasatan kepada Perbendaharaan Malaysia atau laporan yang dikemukakan tidak lengkap.

JADUAL 2.14
PENDAHULUAN DIRI DI BAWAH AP 59 TAHUN 2015 DAN SEBELUMNYA
YANG BELUM DISELARASKAN PADA AKHIR TAHUN 2016

KEMENTERIAN/JABATAN	BAKI BELUM DISELARASKAN (RM Juta)	KELULUSAN PENDAHULUAN TAHUN
Polis DiRaja Malaysia	17.19	2005 - 2015
Kementerian Pertahanan	2.15	2015
Kementerian Pendidikan Malaysia	1.10	2006 - 2015
Jabatan Pendaftaran Negara	1.01	2014
Jabatan Imigresen Malaysia	0.74	2009 - 2015
Kementerian Pendidikan Tinggi	0.43	2013 - 2014
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia	0.28	2013 - 2015
Jabatan Kastam Diraja Malaysia	0.18	2015
Kementerian Kesihatan Malaysia	0.17	2014 - 2015
Kementerian Dalam Negeri	0.14	2010 - 2014
JUMLAH/TEMPOH	23.39	2005 - 2015

Sumber : Dokumen dan Rekod Di Peringkat Kementerian/Jabatan

Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 9 Mei 2017

Perbendaharaan Malaysia akan mengeluarkan surat pelarasan selewat-lewatnya pada 12 Mei 2017 untuk diambil tindakan oleh Kementerian/Jabatan terlibat.

Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Pada 19 April hingga 3 Mei 2017

Kementerian/Jabatan memaklumkan pelarasan masih belum dibuat kerana Kementerian/Jabatan masih menunggu kelulusan pelarasan daripada Perbendaharaan Malaysia.


2.2. TUNGGAKAN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

Antara langkah proaktif yang boleh diambil oleh Kerajaan bagi menambah hasil Kerajaan Persekutuan adalah dengan mendapatkan balik tunggakan hasil termasuk tunggakan bayaran balik pinjaman daripada Kerajaan Negeri; Perbadanan Kemajuan Negeri; Badan Berkanun; Pihak Berkuasa Tempatan; Koperasi; Syarikat dan Pelbagai Agensi dalam tempoh yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

2.2.1. Akaun Belum Terima

2.2.1.1. Akaun Belum Terima (ABT) adalah sejumlah wang yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan pada sesuatu masa tetapi masih belum diterima. Akaun Belum Terima terdiri daripada tunggakan hasil, tunggakan bayaran balik pinjaman dan tunggakan hutang lain. Secara keseluruhannya ABT Kerajaan Persekutuan menunjukkan pengurangan sejumlah RM1.565 bilion (6.9%) iaitu daripada RM22.631 bilion pada tahun 2015 kepada RM21.066 bilion pada tahun 2016. Kedudukan Akaun Belum Terima (bersih) pada akhir tahun 2012 hingga 2016 adalah seperti di **Carta 2.10**.


CARTA 2.10
KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA (BERSIH)
PADA AKHIR TAHUN 2012 HINGGA 2016



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2012 hingga 2016

2.2.1.2. Perbendaharaan Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) masih kekal sebagai Kementerian/Jabatan yang mempunyai ABT tertinggi bagi tempoh tahun 2012 hingga 2016. **Carta 2.11** menunjukkan peratusan jumlah ABT (bersih) Kementerian/Jabatan pada akhir tahun 2016.

CARTA 2.11
KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA (BERSIH) MENGIKUT
KEMENTERIAN/JABATAN PADA AKHIR TAHUN 2016



Sumber : Dokumen Dan Rekod Di Peringkat Kementerian/Jabatan

Nota :

Perbendaharaan	- Perbendaharaan Malaysia	KKM	- Kementerian Kesihatan Malaysia
LHDNM	- Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia	JPA	- Jabatan Perkhidmatan Awam
JKDM	- Jabatan Kastam Diraja Malaysia	KPM	- Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	- Kementerian Pendidikan Tinggi	Lain-Lain	- Kementerian/Jabatan Lain


2.2.1.3. Akaun Belum Terima (ABT) yang dihapus kira pada tahun 2016 adalah berjumlah RM0.863 bilion iaitu pengurangan sejumlah RM1.470 bilion berbanding tahun 2015. Sebahagian besar ABT yang dihapus kira pada tahun 2016 adalah ABT yang berusia melebihi enam (6) tahun. Kesannya ABT berusia melebihi enam (6) tahun berkurangan daripada RM6.530 bilion kepada RM5.504 bilion. Antara sebab ABT dihapus kira adalah penghutang tidak berjaya dikesan, penghutang diisytihar muflis atau tidak mempunyai keupayaan membayar balik hutang. Lima (5) hapus kira ABT melebihi tempoh enam (6) tahun yang tertinggi adalah seperti di **Jadual 2.15**. Manakala **Carta 2.12** menunjukkan kedudukan jumlah kasar ABT, jumlah yang telah dihapus kira dan jumlah ABT yang berusia melebihi enam (6) tahun pada akhir tahun 2012 hingga 2016.

JADUAL 2.15
HAPUS KIRA AKAUN BELUM TERIMA BERUSIA MELEBIHI 6 TAHUN
YANG TERTINGGI PADA TAHUN 2016

KEMENTERIAN/JABATAN	JUMLAH (RM Juta)
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia	609.80
Perbendaharaan Malaysia	227.07
Kementerian Kesihatan Malaysia	22.14
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia	0.39
Kementerian Pertahanan	0.24

Sumber : Dokumen Dan Rekod Di Peringkat Kementerian/Jabatan

CARTA 2.12
KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA KASAR, DIHAPUS KIRA
DAN BERUSIA MELEBIHI 6 TAHUN
PADA AKHIR TAHUN 2012 HINGGA 2016



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2012 hingga 2016

Nota : ABT - Akaun Belum Terima

2.2.1.4. Semakan Audit selanjutnya mendapati lebih 50% daripada ABT bersih bagi lima (5) Kementerian/Jabatan pada akhir tahun 2016 telah berusia

melebihi tempoh enam (6) tahun. Butirannya adalah seperti di **Jadual 2.16**. Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan bagi mengutip balik ABT antaranya mengambil tindakan undang-undang, mengeluarkan surat amaran kepada penghutang dan menjalinkan kerjasama dengan agensi berkaitan seperti Jabatan Pendaftaran Negara dan LHDNM bagi mengesan penghutang.

JADUAL 2.16
LEBIH 50% DARIPADA ABT (BERSIH) TELAH BERUSIA MELEBIHI 6 TAHUN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2016

KEMENTERIAN/JABATAN	JUMLAH BERSIH ABT	ABT MELEBIHI TEMPOH 6 TAHUN	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Kementerian Pendidikan Tinggi	563.91	413.24	73.3
Jabatan Perkhidmatan Awam	150.70	82.40	54.7
Kementerian Kerja Raya	20.49	19.24	93.9
Jabatan Perdana Menteri	33.64	18.89	56.2
Kementerian Luar Negeri	2.26	1.92	85.0

Sumber : Dokumen dan Rekod Di Peringkat Kementerian/Jabatan

Nota : ABT - Akaun Belum Terima

2.2.2. Mendapatkan Bayaran Balik Pinjaman Yang Tertunggak

2.2.2.1. Kerajaan Persekutuan adalah pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan perolehan pinjaman daripada sumber dalam dan luar negeri. Pinjaman yang diperolehi ini disalurkan kepada Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun, Koperasi, Syarikat Kerajaan dan Bukan Kerajaan, Perseorangan serta Pelbagai Agensi untuk membiayai pelbagai tujuan. Baki pinjaman belum selesai (baki pokok) pada akhir tahun 2016 tidak termasuk baki pinjaman perseorangan adalah berjumlah RM54.386 bilion.

2.2.2.2. Semakan Audit terhadap rekod pinjaman Kerajaan Negeri, Syarikat, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, Pelbagai Agensi, Perbadanan Kemajuan Negeri dan Koperasi mendapati 517 (46.6%) daripada 1,109 pinjaman mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan tempoh tunggakan antara satu hingga 36 tahun. Tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2016 meningkat sejumlah RM0.674 bilion (7.5%) menjadi RM9.653 bilion berbanding dengan RM8.979 bilion pada akhir tahun 2015. Tunggakan bayaran balik pinjaman syarikat adalah tidak termasuk tunggakan pinjaman syarikat Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. berjumlah RM673.81 juta di mana Kerajaan telah memutuskan untuk menyediakan peruntukan hapus kira berjumlah RM100 juta setiap tahun mulai tahun 2012 dan dijangka selesai pada tahun 2027.

2.2.2.3. Peningkatan jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman ini antaranya adalah disebabkan oleh peminjam membuat bayaran balik kurang daripada

amaun anuiti tahun 2016 dan kenaan faedah lewat bayaran balik pinjaman. Walaupun pada tahun 2016 terdapat peminjam yang membayar anuiti tertunggak tahun sebelumnya, pinjaman dihapus kira dan penjadualan semula pinjaman, namun jumlah tersebut adalah kurang berbanding anuiti yang sepatutnya dijelaskan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 2.17**.

JADUAL 2.17.
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN
PADA AKHIR TAHUN 2016

PEMINJAM	BAKI PINJAMAN BELUM SELESAI PADA 31.12.2016* (RM Juta)	PINJAMAN ADA TUNGGAKAN							
		BIL.	ADA TUNGGAKAN		TUNGGAKAN BAYARAN BALIK 31.12.2015 (RM Juta)	TUNGGAKAN BAYARAN BALIK 31.12.2016 (RM Juta)	TAMBAHAN/ (KURANGAN) (RM Juta)	(%)	TEMPOH** (Tahun)
			BIL.	(%)					
Kerajaan Negeri	17,049.69	906	432	47.7	3,985.33	4,224.58	239.25	6.0	1 - 22
Syarikat***	28,633.88	104	35	33.7	3,261.67	3,534.44	272.77	8.4	1 - 9
Badan Berkanun	6,357.47	35	12	34.3	1,057.68	1,447.91	390.23	36.9	1 - 21
Pihak Berkuasa Tempatan	305.15	41	23	56.1	436.23	220.67	(215.56)	(49.4)	23 - 24
Pelbagai Agensi	1,735.08	10	4	40.0	150.93	161.70	10.77	7.1	2 - 6
Perbadanan Kemajuan Negeri	46.64	2	1	50.0	47.82	47.82	-	-	14
Koperasi	258.30	11	10	90.9	39.11	15.75	(23.36)	(59.7)	19 - 36
JUMLAH/TEMPOH	54,386.21	1,109	517	46.6	8,978.77	9,652.87	674.10	7.5	1 - 36

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2015 dan 2016

Nota: (*) - Baki Pinjaman Belum Selesai adalah merupakan Baki Pokok Pinjaman tidak termasuk faedah dan Kenaan faedah lewat

(**) - Tempoh Tunggakan Ansuran di Jadual Bayaran Balik Hingga Tahun Penyata Kewangan Diaudit

(***) - Tidak Termasuk Tunggakan Syarikat Pinjaman Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.

Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 9 Mei 2017

Perbendaharaan Malaysia sentiasa berusaha untuk meningkatkan kutipan bayaran balik pinjaman bagi mengurangkan tunggakan antaranya mengadakan perjumpaan dengan peminjam dan mengenakan syarat pinjaman yang lebih ketat bagi pinjaman baru seperti penyediaan sekuriti atas pinjaman.

a. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Kerajaan Negeri

Pada akhir tahun 2016, sebanyak 432 (47.7%) daripada 906 pinjaman Kerajaan Negeri tidak dibayar balik mengikut jadual yang ditetapkan di dalam jadual bayaran balik. Tempoh tunggakan adalah antara satu hingga 22 tahun. Tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri telah meningkat sejumlah RM0.240 bilion (6.0%) iaitu daripada RM3.985 bilion pada akhir tahun 2015 menjadi RM4.225 bilion pada akhir tahun 2016. Peningkatan tunggakan ini melibatkan pinjaman Negeri Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perlis, Sabah dan Terengganu manakala tunggakan bayaran balik pinjaman bagi Negeri Johor, Perak, Sarawak dan Selangor telah berkurangan. Sejumlah RM0.482 bilion (9.8%) telah dibayar balik oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2016 berbanding dengan RM4.898 bilion yang sepatutnya dibayar balik (tunggakan dan anuiti tahun 2016). Bayaran balik pinjaman berjumlah RM0.482 bilion ini adalah termasuk:

- i. Penyelesaian penuh pinjaman oleh Kerajaan Negeri Johor bagi enam (6) projek dan pembayaran anuiti tahun 2015 berjumlah RM4.67 juta yang dilaporkan pada tahun 2016.
- ii. Pembayaran anuiti tahun 2015 oleh Kerajaan Negeri Kedah berjumlah RM3.70 juta yang dilaporkan pada tahun 2016.
- iii. Bayaran balik pokok dan faedah bagi pinjaman luar negeri Kerajaan Negeri Sarawak berjumlah RM11.45 juta.

Pengiraan tunggakan adalah mengambil kira perkara berikut:

- Pelarasan pengambilalihan 18 pinjaman Kerajaan Negeri Perak berjumlah RM258.81 juta oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB).
- Hapuskira pinjaman Kerajaan Negeri Pulau Pinang berjumlah RM1.49 juta.
- Penjadualan semula dua (2) pinjaman Negeri Kedah dan empat (4) pinjaman Kerajaan Negeri Johor.
- Kenaan faedah lewat bayaran balik pinjaman Negeri Johor.

Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 2.18**.

JADUAL 2.18
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN KERAJAAN NEGERI
PADA AKHIR TAHUN 2016

KERAJAAN NEGERI	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2015 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2016 (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN (RM Juta)	31.12.2016 (RM Juta)	TEMPOH (Tahun)
		BIL.	%						
Kedah	92	83	90.2	1,027.69	118.80	(35.64)	(82.00)	1,028.85	1 - 17
Pahang	139	122	87.8	929.85	160.81	(2.73)	-	1,087.93	1 - 15
Terengganu	92	85	92.4	465.43	52.02	(15.09)	-	502.36	1 - 18
Melaka	59	58	98.3	337.84	75.19	(8.00)	-	405.03	1 - 11
Kelantan	42	27	64.3	348.09	47.74	(3.94)	-	391.89	1 - 11
Johor	47	4	8.5	404.25	23.45	(29.23)	(63.93)	334.54	1
Negeri Sembilan	22	9	40.9	156.73	47.94	(7.94)	(0.02)	196.71	1 - 15
Perlis	38	32	84.2	157.34	15.77	(1.67)	-	171.44	2 - 22
Sarawak	204	2	1.0	43.13	171.90	(178.49)	-	36.54	9
Sabah	100	2	2.0	30.18	144.36	(143.78)	-	30.76	2 - 8
Perak	46	6	13.0	56.22	21.44	(10.06)	(43.74)	23.86	1 - 20
Selangor	12	2	16.7	27.09	29.31	(41.73)	-	14.67	1
Pulau Pinang	13	0	0.0	1.49	4.14	(4.14)	(1.49)	TT	-
JUMLAH/TEMPOH	906	432	47.7	3,985.33	912.87	(482.44)	(191.18)	4,224.58	1 - 22

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2015 dan 2016

Nota: TT - Tiada Tunggakan

Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 5 Mei 2017

Perbendaharaan Malaysia memaklumkan kebanyakan pinjaman Kerajaan Negeri yang mempunyai tunggakan adalah melibatkan Projek Bekalan Air, Projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR), Projek Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) dan projek pelbagai. Isu berkaitan tunggakan bayaran balik pinjaman bagi projek bekalan air dijangka akan dapat diatasi setelah projek-projek yang berkaitan siap dan diambil alih oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) secara berperingkat mengikut negeri. Perbendaharaan Malaysia akan berunding dengan Kerajaan Negeri bagi tujuan penyelesaian tunggakan pinjaman PAKR, PKEN dan pelbagai.

b. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Syarikat

Pada 31 Disember 2016, sebanyak 35 (33.7%) daripada 104 pinjaman yang disalurkan kepada 25 syarikat kerajaan/bukan kerajaan mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan tempoh tunggakan antara satu (1) hingga sembilan (9) tahun. Tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2016 adalah berjumlah RM3.534 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM272.77 juta (8.4%) berbanding RM3.262 bilion pada akhir tahun 2015. Adalah didapati peningkatan tunggakan ini disebabkan syarikat hanya membuat bayaran balik pinjaman berjumlah RM0.342 bilion (7.5%) berbanding dengan RM4.580 bilion yang sepatutnya dibayar balik (tunggakan dan anuiti tahun 2016). Pengiraan tunggakan pinjaman adalah mengambil kira perkara berikut:

- i. Penjadualan semula pinjaman Yayasan TEKUN Nasional, UDA Holdings Berhad, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan Malaysia Technology Development Corporation Sdn. Bhd. (MTDC).
- ii. Hapus kira faedah lewat bayaran balik pinjaman PUNB, MTDC dan SRC International Sdn. Bhd.
- iii. Pemulangan balik lebihan dana oleh Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) berjumlah RM9.04 juta dan lebihan bayaran anuiti berjumlah RM0.05 juta.
- iv. Kenaan faedah lewat bayaran balik pinjaman Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK), Cyberview Sdn. Bhd., MTDC, Malaysia Venture Capital Management Berhad, Perwaja Steel Sdn. Bhd., Equal Concept Sdn. Bhd., SRC International Sdn. Bhd., Keretapi Tanah Melayu Berhad, National Feedlot Corporation Sdn. Bhd., JKP Sdn. Bhd., Airport Limo (M) Sdn. Bhd., SME Ordnance Sdn. Bhd., M.Y. Ikan Sdn. Bhd., Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan SESB.

Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman syarikat kerajaan/bukan kerajaan pada akhir tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 2.19**.

JADUAL 2.19
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN
SYARIKAT KERAJAAN/BUKAN KERAJAAN
PADA AKHIR TAHUN 2016

SYARIKAT	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2015 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2016 (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN (RM Juta)	31.12.2016 (RM Juta)	TEMPOH (Tahun)
		BIL.	%						
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK)	3	3	100	991.24	328.92	TBB	61.15	1,381.31	2 - 6
Cyberview Sdn. Bhd.	4	1	25	560.01	7.91	(7.91)	11.31	571.32	7
Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd.	7	4	57.1	16.20	460.34	(15.28)	(27.92)	433.34	1
Syarikat Perumahan Negara Berhad	1	1	100	223.40	-	TBB	-	223.40	9
Malaysia Venture Capital Management Berhad	2	1	50	260.03	-	(37.08)	(28.86)	194.09	6
Perwaja Steel Sdn. Bhd.	1	1	100	137.46	-	TBB	9.37	146.83	9
Equal Concept Sdn. Bhd.	1	1	100	96.04	-	TBB	6.67	102.71	9
SRC International Sdn. Bhd.	2	1	50	-	91.31	TBB	0.01	91.32	1
Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)	5	3	60	44.42	20.49	TBB	4.18	69.09	3
Malaysia Building Society Berhad	1	1	100	61.63	-	(0.59)	-	61.04	7
Premium Agro Products Sdn. Bhd.	1	1	100	44.79	11.20	TBB	-	55.99	5
National Feedlot Corporation Sdn. Bhd.	1	1	100	36.01	17.50	TBB	1.04	54.55	3
Lebuhraya Shapadu Sdn. Bhd.	1	1	100	35.32	-	(1.83)	-	33.49	5
PKPS Agro Industries Sdn. Bhd.	3	3	100	25.77	5.31	(0.21)	-	30.87	6
JKP Sdn. Bhd.	2	1	50	15.14	3.62	(0.44)	1.24	19.56	5
Airport Limo (M) Sdn. Bhd.	1	1	100	10.75	3.60	(1.20)	0.12	13.27	7
SME Ordnance Sdn. Bhd.	1	1	100	11.08	-	TBB	0.77	11.85	6
White Heron Dairy Farm Sdn. Bhd.	1	1	100	11.39	-	TBB	-	11.39	7
M.Y. Ikan Sdn. Bhd.	1	1	100	6.14	1.90	TBB	0.46	8.50	4
Agro Qas Sdn. Bhd.	1	1	100	8.36	-	TBB	-	8.36	6
A-Winn Global Market Services Sdn. Bhd.	1	1	100	5.53	-	TBB	-	5.53	7
MIMOS Berhad	1	1	100	2.85	-	TBB	-	2.85	6
Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB)	13	2	15.4	11.83	14.33	(26.16)	1.57	1.57	1 - 3
Warisan Jengka Holdings (M) Sdn. Bhd.	1	1	100	1.29	0.65	(0.74)	-	1.20	2
Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB)	22	1	4.5	-	37.38	(45.46)	9.09	1.01	1
Yayasan Tekun Nasional	11	0	0	275.20	52.60	(50.00)	(277.80)	TT	-
UDA Holdings Berhad	8	0	0	261.29	37.01	(27.16)	(271.14)	TT	-
Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)	7	0	0	108.50	223.88	(127.94)	(204.44)	TT	-
JUMLAH/TEMPOH	104	35	33.7	3,261.67	1,317.95	(342.00)	(703.18)	3,534.44	1 - 9

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2015 dan 2016
Nota: TBB - Tiada Bayaran Balik TT - Tiada Tunggakan

Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 5 Mei 2017

Perbendaharaan Malaysia memaklumkan antara tindakan yang diambil untuk mengurangkan tunggakan adalah mengadakan perjumpaan dengan peminjam bagi membincangkan mengenai penyelesaian tunggakan bayaran balik pinjaman. Bagi pinjaman baru, Perbendaharaan Malaysia akan mengenakan syarat pinjaman yang lebih ketat seperti penyediaan sekuriti atas pinjaman dan memastikan kutipan bayaran balik dilaksanakan mengikut jadual.

c. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Badan Berkanun

Pada akhir tahun 2016, empat (4) Badan Berkanun mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM1.448 bilion iaitu meningkat sejumlah RM0.390 bilion (36.9%) berbanding RM1.058 bilion pada akhir tahun 2015. Peningkatan ini disebabkan Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) dan Perbadanan Aset Keretapi (PAK) tidak membuat bayaran balik pada tahun 2016. Majlis Amanah Rakyat (MARA) hanya membayar sebahagian anuiti tahun 2016 manakala Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) hanya membayar sebahagian tunggakan pinjaman. Tunggakan pada akhir tahun 2016 adalah melibatkan 12 pinjaman dengan tempoh tunggakan antara satu hingga 21 tahun. Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman yang tertinggi berjumlah RM959.11 juta iaitu 66.2% daripada jumlah keseluruhan tunggakan pinjaman. Butirannya adalah seperti di **Jadual 2.20**.

JADUAL 2.20
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN
BADAN BERKANUN PADA AKHIR TAHUN 2016

BADAN BERKANUN	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2015 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2016 (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN (RM Juta)	31.12.2016 (RM Juta)	TEMPOH (Tahun)
		BIL.	%						
Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK)	3	3	100.0	637.48	321.63	TBB	-	959.11	2 - 4
Perbadanan Aset Keretapi (PAK)	6	6	100.0	403.50	2.34	TBB	-	405.84	12
Majlis Amanah Rakyat (MARA)	4	1	25.0	TT	146.10	(73.35)	-	72.75	1
Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)	5	2	40.0	13.82	2.05	(5.66)	-	10.21	1 - 21
Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)	10	-	-	2.41	2.03	(4.44)	-	TT	-
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)	7	-	-	0.47	0.47	(0.94)	-	TT	-
JUMLAH/TEMPOH	35	12	34.3	1,057.68	474.62	(84.39)	-	1,447.91	1 - 21

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2015 dan 2016

Nota: TBB - Tiada Bayaran Balik

TT - Tiada Tunggakan

Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 5 Mei 2017

Perbendaharaan Malaysia memaklumkan MARA telah diberi kelulusan penangguhan bayaran balik sehingga 10 November 2017 dan perjanjian

penstrukturan semula baki pinjaman LPK dijangka dimuktamadkan pada akhir Disember 2017. Manakala, PAK dipohon untuk mengemukakan unjuran aliran tunai baharu yang lebih realistik dengan status semasa PAK bagi tujuan penstrukturan semula pinjaman. Selain itu, Perbendaharaan Malaysia memaklumkan KETENGAH masih dalam proses mengemukakan permohonan pewartaan tanah kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG).

d. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Pihak Berkuasa Tempatan

Pada akhir tahun 2016, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM220.67 juta melibatkan 23 pinjaman dengan tempoh tunggakan pinjaman antara 23 hingga 24 tahun. Manakala, tunggakan pinjaman bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang berjumlah RM215.56 juta telah dihapus kira pada tahun 2016 apabila proses pengambilalihan projek berkaitan sistem pembentungan oleh Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) selesai sepenuhnya pada tahun 2016. Butirannya adalah seperti di **Jadual 2.21**.

JADUAL 2.21
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN PADA AKHIR TAHUN 2016

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2015 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2016 (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN (RM Juta)	31.12.2016 (RM Juta)	TEMPOH (Tahun)
		BIL.	%						
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	26	23	88.5	220.67	8.65	(8.65)	-	220.67	23 - 24
Majlis Perbandaran Seberang Perai	3	-	-	187.35	-	TBB	(187.35)	TT	-
Majlis Perbandaran Pulau Pinang	12	-	-	28.21	-	TBB	(28.21)	TT	-
JUMLAH/TEMPOH	41	23	56.1	436.23	8.65	(8.65)	(215.56)	220.67	23 - 24

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2015 dan 2016

Nota: TBB - Tiada Bayaran Balik

TT - Tiada Tunggakan

Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 5 Mei 2017

Perbendaharaan Malaysia memaklumkan pinjaman DBKL masih belum selesai kerana dua (2) tapak tanah loji pembentungan masih dalam proses pewartaan. Jabatan Akauntan Negara Malaysia akan membuat pelarasan pinjaman bagi tujuan hapus kira setelah tanah tapak loji diwartakan kepada JKPTG.

e. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Pelbagai Agensi

Semakan Audit mendapati dua agensi mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM161.70 juta yang mana meningkat sejumlah RM10.77 juta (7.1%) berbanding pada akhir tahun 2015 dengan tempoh tunggakan bayaran balik pinjaman antara dua (2) hingga enam (6) tahun. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh anuiti tahun 2016 belum dibayar dan faedah lewat bayar

berjumlah RM1.74 juta telah dikenakan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 2.22**.

JADUAL 2.22
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN
PELBAGAI AGENSI PADA AKHIR TAHUN 2016

PELBAGAI AGENSI	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2015 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2016 (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN (RM Juta)	31.12.2016 (RM Juta)	TEMPOH (Tahun)
		BIL.	%						
Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)	8	3	37.5	144.13	10.00	TBB	0.13	154.26	2 – 4
Yayasan Amanah Saham Anak Langkawi (YASAL)	2	1	50.0	6.80	0.97	TBB	(0.33)	7.44	6
JUMLAH/TEMPOH	10	4	40.0	150.93	10.97	TBB	(0.20)	161.70	2 - 6

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2015 dan 2016

Nota: TBB - Tiada Bayaran Balik

Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 5 Mei 2017

Perbendaharaan Malaysia memaklumkan permohonan AIM untuk menstruktur semula pinjaman sedang dalam pertimbangan dan dijangka dimuktamadkan pada akhir Disember 2017. Manakala, YASAL telah diminta untuk mengemukakan cadangan penjadualan semula pinjaman berdasarkan aliran tunai terkini.

f. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Perbadanan Kemajuan Negeri

Semakan Audit mendapati satu pinjaman di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Perlis (PKENPs) masih mempunyai tunggakan bayaran balik berjumlah RM47.82 juta dengan tempoh tunggakan selama 14 tahun. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 2.23**.

JADUAL 2.23
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2016

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2015 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2016 (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN (RM Juta)	31.12.2016 (RM Juta)	TEMPOH (Tahun)
		BIL.	%						
Perlis (PKENPs)	2	1	50.0	47.82	-	TBB	-	47.82	14

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2015 Dan 2016

Nota: TBB - Tiada Bayaran Balik

Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 5 Mei 2017

Perbendaharaan Malaysia memaklumkan PKENPs akan mengemukakan cadangan penjadualan semula pinjaman.

g. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Koperasi

Pada akhir tahun 2016, dua (2) koperasi mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM15.75 juta.

Koperasi Belia Nasional Berhad (KOBENA) dan Koperasi Pembangunan Belia Negara Berhad (KPBPN) masih belum membuat bayaran balik pinjaman walaupun ada antara pinjaman tersebut telah tertunggak selama 36 tahun. Manakala, pinjaman bagi Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad (KPDMB) telah distrukturkan semula pada tahun 2016. Butirannya adalah seperti di **Jadual 2.24**.

JADUAL 2.24
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK
PINJAMAN KOPERASI PADA AKHIR TAHUN 2016

KOPERASI	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2015 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2016 (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN (RM Juta)	31.12.2016 (RM Juta)	TEMPOH (Tahun)
		BIL.	%						
Koperasi Belia Nasional Berhad (KOBENA)	9	9	100.0	9.69	-	TBB	-	9.69	30 - 36
Koperasi Pembangunan Belia Negara Berhad (KPBPN)	1	1	100.0	6.06	-	TBB	-	6.06	19
Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad (KPDMB)	1	-	-	23.36	11.70	(11.70)	(23.36)	TT	-
JUMLAH/TEMPOH	11	10	90.9	39.11	11.70	(11.70)	(23.36)	15.75	19 - 36

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2015 dan 2016

Nota: TBB - Tiada Bayaran Balik

TT - Tiada Tunggakan

Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 5 Mei 2017

Perbendaharaan Malaysia memaklumkan KOBENA telah diambil alih oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan KOBENA telah diminta untuk mengemukakan cadangan bayaran balik tunggakan pinjaman Kerajaan serta laporan kewangan beraudit setakat 31 Disember 2016. Selain itu, Perbendaharaan Malaysia telah mengemukakan surat kepada SKM pada 31 Mac 2017, selaku pentadbir KPBPN untuk mendapatkan status terkini peminjam.

2.3. PELABURAN

2.3.1. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am

Pelaburan Kerajaan Persekutuan terdiri daripada pelaburan kumpulan wang amanah dan pelaburan am. Pelaburan yang dibuat daripada kumpulan wang amanah adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 9 dan 10 Akta Tatacara Kewangan, 1957 serta peraturan yang berkuat kuasa. Manakala pelaburan am ialah pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada kumpulan wang amanah. Pada akhir tahun 2016, secara keseluruhannya nilai buku pelaburan telah berkurangan sejumlah RM2.444 bilion (9.5%) kepada RM23.310 bilion berbanding RM25.754 bilion pada akhir tahun 2015. Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri bagi kedua-dua pelaburan Kumpulan Wang Amanah

dan Pelaburan Am menunjukkan pengurangan sejumlah RM1.665 bilion dan RM1.736 bilion. Butirannya adalah seperti di **Jadual 2.25**.

JADUAL 2.25
KEDUDUKAN PELABURAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
PADA AKHIR TAHUN 2015 DAN 2016

PERIHAL	NILAI BUKU		PENINGKATAN/(PENURUNAN)	
	31.12.2015 (RM Juta)	31.12.2016 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
PELABURAN KUMPULAN WANG AMANAH				
Depositi Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3 – 12 Bulan	7,459.46	5,794.25	(1,665.21)	(22.3)
Sekuriti Kerajaan Luar Negeri	6,457.37	6,956.15	498.78	7.7
Sekuriti Kerajaan Malaysia	2,467.10	3,013.27	546.17	22.1
Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri	440.11	440.11	-	-
Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri	0.67	0.67	-	-
Pelbagai	188.04	0.00	(188.04)	(100.0)
Jumlah Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	17,012.75	16,204.45	(808.30)	(4.8)
PELABURAN AM				
Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri	6,617.76	6,717.76	100.00	1.5
Depositi Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3 – 12 Bulan	2,122.19	385.99	(1,736.20)	(81.8)
Pelbagai	1.67	1.67	-	-
Jumlah Pelaburan Am	8,741.62	7,105.42	(1,636.20)	(18.7)
JUMLAH KESELURUHAN	25,754.37	23,309.87	(2,444.50)	(9.5)

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2015 dan 2016

2.3.2. Pelaburan Dalam Badan Berkanun Persekutuan, Syarikat Dan Agensi

2.3.2.1. Pada akhir tahun 2016, Kerajaan Persekutuan mempunyai kepentingan di dalam 109 agensi yang terdiri daripada satu (1) agensi antarabangsa, enam (6) Badan Berkanun Persekutuan dan 102 syarikat. Nilai buku pegangan saham Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2016 adalah berjumlah RM30.926 bilion iaitu meningkat sejumlah RM0.610 bilion (2.0%) berbanding dengan RM30.316 bilion pada akhir tahun 2015. Penyumbang utama peningkatan nilai buku pelaburan adalah peningkatan pelaburan dalam Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) apabila lebihan geran yang diberikan kepada SPNB ditukar kepada ekuiti. Kedudukan pegangan saham Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2015 dan 2016 adalah seperti di **Jadual 2.26**.

JADUAL 2.26
KEDUDUKAN PEGANGAN SAHAM OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN
PADA AKHIR TAHUN 2015 DAN 2016

KATEGORI	BILANGAN		NILAI BUKU SAHAM		PENINGKATAN	
	2015	2016	31.12.2015 (RM Juta)	31.12.2016 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Agensi Antarabangsa	1	1	38.58	38.58	-	-
Badan Berkanun Persekutuan	6	6	1,218.85	1,218.85	-	-

KATEGORI	BILANGAN		NILAI BUKU SAHAM		PENINGKATAN	
	2015	2016	31.12.2015 (RM Juta)	31.12.2016 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Syarikat	102	102	29,058.73	29,668.86	610.13	2.1
JUMLAH	109	109	30,316.16	30,926.29	610.13	2.0

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2015 dan 2016

2.4. PENGURUSAN KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN, KUMPULAN WANG AMANAH AWAM DAN DEPOSIT

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Sebahagian Kumpulan Wang ini merupakan kumpulan wang pusingan manakala yang lain adalah bayaran langsung. Peruntukan yang disalurkan dalam Kumpulan Wang Amanah ini perlu dikendalikan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh undang-undang ataupun Surat Ikatan Amanah yang berkaitan. Kumpulan Wang Amanah Awam pula ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengaunkan sumbangan wang daripada badan dan orang perseorangan kepada Kerajaan bagi tujuan tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang berkenaan. Manakala deposit pula merupakan wang yang diterima oleh Kerajaan khusus bagi sesuatu maksud yang ditetapkan di bawah undang-undang atau perjanjian. Deposit hendaklah dikembalikan melalui bayaran balik atau pelarasan apabila mencapai maksud yang ditetapkan.

2.4.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dikategorikan kepada tiga (3) Kumpulan Wang iaitu Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Pada tahun 2016, Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan telah ditutup apabila Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) ditubuhkan dan mengambil alih pengurusan pinjaman perumahan penjawat awam. Baki ketiga-tiga Kumpulan Wang pada akhir tahun 2015 dan 2016 adalah seperti di **Jadual 2.27**.

JADUAL 2.27
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN
PADA AKHIR TAHUN 2015 DAN 2016

KATEGORI AKAUN	PADA 31.12.2015 (RM Juta)	BAKI PADA 31.12.2016 (RM Juta)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
			(RM Juta)	(%)
Kumpulan Wang Pembangunan	(41,856.37)	(33,677.14)	8,179.23	19.5
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	1,784.38	0.00	(1,784.38)	(100)
Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	29,980.19	23,091.81	(6,888.38)	(23.0)
JUMLAH	(10,091.80)	(10,585.33)	(493.53)	(4.9)

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2015 dan 2016

2.4.1.1. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pada akhir tahun 2016, baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan adalah berjumlah RM23.092 bilion, iaitu berkurangan sejumlah RM6.888 bilion (23.0%) berbanding dengan tahun 2015 yang berjumlah RM29.980 bilion. Penyumbang utama kepada pengurangan baki ini adalah pengurangan baki akaun Pinjaman Kepada Badan Berkanun dan Badan Lain di bawah kategori Akaun Pinjaman sejumlah RM3.212 bilion apabila dua (2) syarikat membuat penyelesaian penuh pinjaman. Selain itu, baki dua (2) akaun di bawah kategori Kumpulan Wang lain juga menunjukkan pengurangan pada akhir tahun 2016 iaitu Akaun Kumpulan Wang Bayaran Balik Cukai Dan Perkhidmatan disebabkan peningkatan tuntutan *input tax* oleh syarikat dan Akaun Tabung Bayaran Balik Cukai disebabkan peningkatan pulangan balik pendapatan bercukai individu dan syarikat. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2015 dan 2016 mengikut lima (5) kategori akaun utama adalah seperti di **Jadual 2.28**.

JADUAL 2.28
KEDUDUKAN PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN
PADA AKHIR TAHUN 2015 DAN 2016

KATEGORI AKAUN UTAMA	BAKI PADA 31.12.2015 (RM Juta)	BAKI PADA 31.12.2016 (RM Juta)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
			(RM Juta)	(%)
Akaun Penyelesaian	2,243.62	4,353.84	2,110.22	94.1
Akaun Perniagaan	77.38	78.17	0.79	1.0
Akaun Pinjaman	7,559.00	3,677.31	(3,881.69)	(51.4)
Kumpulan Wang Luar Jangka	409.93	667.02	257.09	62.7
Pelbagai Kumpulan Wang	19,690.26	14,315.47	(5,374.79)	(27.3)
JUMLAH	29,980.19	23,091.81	(6,888.38)	(23.0)

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2015 dan 2016

2.4.2. Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada Akaun Amanah Khas dan Akaun Amanah Am. Pada akhir tahun 2016, baki kumpulan wang telah berkurangan sejumlah RM1.236 bilion (13.1%) berbanding dengan tahun 2015. Pengurangan baki ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh pengurangan baki Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta (PFI II) apabila pembayaran telah dibuat bagi projek-projek yang telah/sedang dilaksanakan dan pengurangan baki Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI I) apabila projek-projek yang dirancang di bawah program ini telah hampir sepenuhnya dapat disiapkan dan bayaran telah dibuat. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Awam pada akhir tahun 2015 dan 2016 adalah seperti di **Jadual 2.29**.

JADUAL 2.29
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH AWAM
PADA AKHIR TAHUN 2015 DAN 2016

KATEGORI AKAUN	BAKI PADA 31.12.2015 (RM Juta)	BAKI PADA 31.12.2016 (RM Juta)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
			(RM Juta)	(%)
Amanah Khas				
Akaun Amanah Estet Kebankrapan	1,644.14	1,850.00	205.86	12.5
Akaun Amanah Am Pelikuidasi	344.88	300.94	(43.94)	(12.7)
Kumpulan Wang Dius Api	343.84	373.92	30.08	8.7
Faedah Atas Pelaburan Untuk Deposit Mahkamah	231.16	231.74	0.58	0.3
Pelbagai Amanah Khas	141.90	111.33	(30.57)	(21.5)
Jumlah Amanah Khas	2,705.92	2,867.93	162.01	6.0
Amanah Am				
Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta (PFI II)	1,736.75	1,269.79	(466.96)	(26.9)
Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI I)	1,429.29	614.20	(815.09)	(57.0)
Akaun Amanah Dana Khas	851.45	689.39	(162.06)	(19.0)
Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik	543.31	616.72	73.41	13.5
Akaun Amanah Membangun/Menaik Taraf Sistem Pembetulan Untuk Pembangunan Baru	424.15	420.57	(3.58)	(0.8)
Pelbagai Amanah Am	1,765.55	1,742.01	(23.54)	(1.3)
Jumlah Amanah Am	6,750.50	5,352.68	(1,397.82)	(20.7)
JUMLAH KESELURUHAN	9,456.42	8,220.61	(1,235.81)	(13.1)

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2015 dan 2016

2.4.2.1. Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI I)

- a. Sehingga akhir tahun 2016, sejumlah RM20 bilion telah diterima daripada Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd. di mana RM19.412 bilion (97.1%) daripadanya telah dibelanjakan. Berdasarkan minit mesyuarat Jawatankuasa Induk Akaun Amanah Pelaksanaan Projek Di Bawah Rancangan Malaysia Ke-9 Menerusi Inisiatif Pembiayaan Swasta (Kod Amanah 885508) Bilangan 2 Tahun 2016 yang bersidang pada 19 Disember 2016, mesyuarat dimaklumkan penutupan akaun amanah ini adalah pada 31 Disember 2016. Bagaimanapun, penutupan akaun amanah ini tidak dapat dilaksanakan kerana pembayaran masih perlu dibuat terhadap 208 projek di peringkat bayaran muktamad dan tujuh (7) projek yang masih di peringkat pelaksanaan. Status pelaksanaan projek setakat 14 April 2017 adalah seperti di **Jadual 2.30**.

JADUAL 2.30
KEDUDUKAN PELAKSANAAN PROJEK PFI I SETAKAT 14 APRIL 2017

KEMENTERIAN/JABATAN	BILANGAN PROJEK			
	KESELURUHAN	TELAH SIAP	PERINGKAT BAYARAN MUKTAMAD	DALAM PELAKSANAAN
Jabatan Perdana Menteri	27	24	3	-
Kementerian Kewangan	17	10	6	1
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	1	1	-	-
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	4	3	1	-
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	4	3	1	-
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	4	4	-	-
Kementerian Kerja Raya	1	-	1	-
Kementerian Pengangkutan	7	6	1	-
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	3	3	-	-
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia	5	5	-	-
Kementerian Kesihatan Malaysia	1	-	1	-
Kementerian Sumber Manusia	3	2	-	1
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia	7	7	-	-
Kementerian Pertahanan	20	7	13	-
Kementerian Dalam Negeri	87	78	8	1
Kementerian Pendidikan Malaysia	269	95	170	4
Kementerian Pendidikan Tinggi	89	86	3	-
Jumlah	549	334	208	7

Sumber : Dokumen dan Rekod Di Peringkat Kementerian/Jabatan

Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 9 Mei 2017

Perbendaharaan Malaysia memaklumkan Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI I) dijangka hanya boleh ditutup pada 31 Disember 2018 setelah 208 projek yang di peringkat bayaran muktamad dan tujuh (7) projek di peringkat pelaksanaan disiapkan dan bayaran sepenuhnya dibuat (termasuk defect liability period).

- b. Semakan Audit terhadap Laporan Prestasi Perbelanjaan di bawah Projek Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI I) pada 31 Disember 2016 mendapati perkara berikut:
 - i. Dua (2) Kementerian telah berbelanja melebihi peruntukan yang diluluskan bagi 25 projek seperti di **Jadual 2.31**.

JADUAL 2.31
PERBELANJAAN MELEBIHI PERUNTUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2016

KEMENTERIAN	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN* (RM Juta)	PERBELANJAAN	
			SEBENAR (RM Juta)	MELEBIHI PERUNTUKAN (RM Juta)
Kementerian Dalam Negeri	4	91.85	116.39	24.54
Kementerian Pendidikan Malaysia	21	907.61	930.29	22.68

Sumber : Dokumen Dan Rekod Di Peringkat Kementerian/Jabatan

Nota : (*) - Peruntukan Diluluskan Mengikut Surat Kuasa Berbelanja

Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 9 Mei 2017

Perbendaharaan Malaysia memaklumkan Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengemukakan Notice of Changes (NOC) bagi tujuan penyelarasan semula siling projek-projek berkenaan.

- ii. Prestasi perbelanjaan bagi tiga (3) projek di dua (2) Kementerian adalah kurang memuaskan iaitu antara 16.8% hingga 44.0%. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.32**.

JADUAL 2.32
PERBELANJAAN KURANG 50% BERBANDING PERUNTUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2016

KEMENTERIAN	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN MENGIKUT SURAT KUASA BERBELANJA (RM Juta)	PRESTASI PERBELANJAAN	
			(RM Juta)	(%)
Kementerian Pendidikan Malaysia	2	11.34	1.90	16.8
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia	1	3.00	1.32	44.0

Sumber : Dokumen dan Rekod Di Peringkat Kementerian/Jabatan

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 25 April 2017

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) memaklumkan perbelanjaan yang dibuat adalah kos perkhidmatan perunding bagi reka bentuk dan baki yang tinggal adalah tidak mencukupi untuk meneruskan projek ke peringkat pelaksanaan. Manakala Kementerian Pendidikan Malaysia memaklumkan permohonan NOC sedang dalam tindakan.

2.4.2.2. Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta (PFI II)

- a. Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta (PFI II) telah ditubuhkan pada 23 Disember 2011. Sehingga 31 Disember 2016, sejumlah RM10 bilion telah diterima daripada Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd. Sejumlah RM9.635 bilion (96.4%) daripada RM10 bilion tersebut telah diperuntukkan kepada 16 Kementerian/Jabatan untuk melaksanakan

336 projek dan sehingga 31 Disember 2016 sejumlah RM8.958 bilion (93.0%) telah dibelanjakan.

- b. Semakan Audit terhadap Laporan Prestasi Perbelanjaan bagi PFI II pada 31 Disember 2016 dan Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) mendapati perkara berikut:
 - i. Dua (2) Kementerian telah berbelanja melebihi peruntukan yang diluluskan seperti di **Jadual 2.33**.

JADUAL 2.33
PERBELANJAAN MELEBIHI PERUNTUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2016

KEMENTERIAN	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN* (RM Juta)	PERBELANJAAN	
			SEBENAR (RM Juta)	MELEBIHI PERUNTUKAN (RM Juta)
Kementerian Pendidikan Malaysia	1	150.00	154.00	4.00
Kementerian Kesihatan Malaysia	1	6.00	6.05	0.05

Sumber : Dokumen Dan Rekod Di Peringkat Kementerian/Jabatan

Nota : (*) - Peruntukan Diluluskan Mengikut Surat Kuasa Berbelanja

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 25 April 2017

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan lebih peruntukan berjumlah RM0.05 juta sepatutnya ditampung di bawah peruntukan pembangunan dan tindakan penyelarasan semula lebih perbelanjaan tersebut sedang dibuat oleh Jabatan Kerja Raya.

- ii. Surat Kuasa Berbelanja berjumlah RM1.10 juta telah dikeluarkan kepada Kementerian Dalam Negeri pada 5 Februari 2013 bagi membiayai projek *Access Control And Security Control System* dan RM134.50 juta dikeluarkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia pada 16 Mac 2016 bagi membiayai projek Kompleks Dewan Bedah, ICU dan Wad Tambahan. Bagaimanapun, peruntukan bagi kedua-dua projek masih belum dibelanjakan.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 25 April 2017

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan projek belum dilaksanakan kerana bangunan sedia ada yang dikenal pasti adalah tidak sesuai dan tidak selamat untuk diubahsuai, pertukaran kaedah perolehan dan peningkatan anggaran kos projek dan perubahan/pertambahan skop projek atas keperluan operasi. Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan peningkatan kos projek kepada RM198 juta dan KKM menjangkakan projek dapat dilaksanakan selewat-lewatnya pada bulan November 2017. Kementerian Dalam Negeri (KDN) pula memaklumkan pembekalan dan pemasangan belum dilaksanakan kerana proses perpindahan bangunan mengambil masa yang terlalu lama, kerosakan kecil yang perlu dibaiki serta keperluan peralatan dan skop kerja yang berbeza.

KDN sedang dalam tindakan pelaksanaan perolehan secara rundingan terus dan akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan.

- iii. Prestasi perbelanjaan bagi Projek Padang Bola Sepak Sintetik SMK Pulau Pangkor di bawah Kementerian Belia dan Sukan adalah kurang memuaskan iaitu 32.9% berbanding peruntukan yang diluluskan. Semakan Audit mendapati masalah pembekalan rumput sintetik menyebabkan projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu pada 17 November 2016.

Maklum Balas Kementerian Belia dan Sukan Yang Diterima Pada 25 April 2017

Liquidated and Ascertained Damages (LAD) telah dikenakan kepada kontraktor.

2.4.3. Akaun Deposit

Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am adalah wang yang diterima untuk maksud tertentu seperti Wang Jaminan Pelaksanaan dan Deposit Mahkamah Tinggi. Pada akhir tahun 2016, Deposit Am yang dipegang oleh Kerajaan adalah berjumlah RM8.889 bilion iaitu meningkat sejumlah RM238.39 juta (2.8%) berbanding baki pada akhir tahun 2015 yang berjumlah RM8.650 bilion. Manakala Deposit Pelarasan adalah akaun sementara yang diwujudkan sebelum bayaran atau pelarasan dibuat kepada akaun tertentu seperti Akaun Deposit Pelarasan Cek Terbatat, Akaun Pembatalan Bayaran Pindahan Dana Elektronik (EFT) dan Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan. Secara keseluruhannya baki Akaun Deposit Pelarasan menunjukkan peningkatan daripada RM463.31 juta pada akhir tahun 2015 kepada RM662.52 juta pada akhir tahun 2016. Butirannya adalah seperti di **Jadual 2.34**.

**JADUAL 2.34
AKAUN DEPOSIT
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2015 DAN 2016**

KATEGORI DEPOSIT	BAKI PADA 31.12.2015 (RM Juta)	BAKI PADA 31.12.2016 (RM Juta)	PENINGKATAN	
			(RM Juta)	(%)
Deposit Am	8,650.25	8,888.64	238.39	2.8
Deposit Pelarasan	463.31	662.52	199.21	43.0
JUMLAH	9,113.56	9,551.16	437.60	4.8

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2015 dan 2016

2.4.3.1. Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan

Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan diwujudkan untuk mengakaunkan terimaan yang belum diberi kod amanah atau belum ditentukan kegunaannya. Pada akhir tahun 2016, Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan berbaki RM502.04 juta iaitu meningkat sejumlah RM226.80 juta (82.4%) berbanding dengan akhir tahun 2015 yang berjumlah RM275.24 juta. Semakan Audit mendapati sejumlah RM19.70 juta daripada RM502.04 juta transaksi melibatkan

lima (5) Kementerian sepatutnya diselaraskan pada akhir tahun 2016 tetapi masih belum diselaraskan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 2.35**.

JADUAL 2.35
TRANSAKSI BELUM DISELARASKAN
PADA AKHIR TAHUN 2016

KEMENTERIAN	JUMLAH (RM Juta)
Kementerian Kerja Raya	9.58
Jabatan Perdana Menteri	7.08
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	2.88
Kementerian Luar Negeri	0.10
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	0.06
JUMLAH	19.70

Sumber : Dokumen dan Rekod Di Peringkat Kementerian/Jabatan

2.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

2.5.1. Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2016 adalah seperti berikut:

- Hasil adalah berjumlah RM212.421 bilion iaitu berkurangan sejumlah RM6.668 bilion (3.0%) berbanding tahun 2015.
- Perbelanjaan mengurus dan pembangunan adalah berjumlah RM252.168 bilion iaitu berkurangan sejumlah RM5.597 bilion berbanding tahun 2015.
- Kerajaan Persekutuan mengalami defisit berjumlah RM38.400 bilion dengan nisbah defisit kepada KDNK pada paras 3.12%.
- Kerajaan Persekutuan telah membuat pinjaman berjumlah RM99.859 bilion bagi membiayai perbelanjaan pembangunan serta membayar balik hutang.
- Hutang Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM648.475 bilion dengan nisbah hutang kepada KDNK pada paras 52.75%.
- Kos kewangan pinjaman adalah berjumlah RM26.480 bilion.
- Kerajaan Persekutuan memberi jaminan kepada pinjaman yang dibuat oleh badan berkanun/syarikat yang berjumlah RM187.234 bilion.
- Pelaburan Kerajaan Persekutuan dalam deposit, sekuriti dan pegangan saham syarikat/badan berkanun/agensi adalah berjumlah RM54.236 bilion.
- Akaun Belum Terima adalah berjumlah RM21.066 bilion. Sejumlah RM9.653 bilion daripada jumlah tersebut adalah merupakan tunggakan pinjaman boleh dituntut.

2.5.2. Adalah didapati terdapat peningkatan dalam prestasi pengurusan kewangan Kerajaan hasil tindakan penambahbaikan yang dijalankan oleh pihak Perbendaharaan Malaysia dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia dengan kerjasama Kementerian/Jabatan. Beberapa isu yang dibangkitkan sebelum ini seperti akaun pinjaman kenderaan/komputer berbaki kredit serta urus niaga Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan item di Penyata Penyesuaian Bank yang tidak dikenal pasti dan lama berlarutan telah berjaya dikurangkan dengan ketara. Bagaimanapun, masih ada beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian terutama berkaitan kutipan balik Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor bagi projek terbengkalai/ditamatkan atau kemajuan kerja projek telah mencapai 75%, pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 59 dan pengurusan perbelanjaan pembangunan.

2.5.3. Bagi meningkatkan hasil Kerajaan, setiap Kementerian/Jabatan perlu meningkatkan usaha mengutip balik ABT terutama tunggakan yang tertakluk di bawah Akta Had Masa bagi mengelakkan tunggakan tersebut dihapus kira. Hapus kira tunggakan merupakan satu kerugian kepada Kerajaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu melaksanakan pemantauan dengan rapi bagi memastikan pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan adalah teratur. Tindakan punitif/surcaj perlu diambil terhadap pegawai Kerajaan yang gagal melaksanakan tugas mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

2.5.4. Bagi merealisasikan aspirasi dan hasrat Kerajaan untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi, maju, kekal kukuh dan berdaya saing, setiap Kementerian/Jabatan perlu berusaha mencapai taraf prestasi pengurusan kewangan yang berkualiti dan cemerlang dengan mengambil langkah yang lebih proaktif, konsisten, berkesan dan menyeluruh. Penyediaan prosedur kerja yang jelas, pemahaman dan pematuhan kepada peraturan kewangan serta penyeliaan rapi terhadap tugas pegawai akan mewujudkan amalan dan budaya kerja yang berkualiti dan berintegriti.



Bahagian III

PENGURUSAN KEWANGAN
KEMENTERIAN/JABATAN/
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
(INDEKS AKAUNTABILITI)

3. INDEKS AKAUNTABILITI

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan pengurusan kewangan selaras dengan kehendak Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957. Pengauditan pengurusan kewangan dilaksanakan bagi menentukan sama ada Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta rekod berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Pengauditan ini membolehkan Jabatan Audit Negara memantau prestasi pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan yang diaudit dan memberi pandangan bagi menambah baik pengurusan kewangannya.

3.1.2. Jabatan Audit Negara telah melaksanakan sistem penarafan indeks akauntabiliti mulai tahun 2007 berdasarkan pengauditan pengurusan kewangan yang dijalankan. Ia sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan supaya lebih gigih memperbaiki, mempertingkatkan dan memperkasakan prestasi pengurusan kewangan.

3.1.3. Mulai tahun 2013, pengauditan ini dijalankan secara tahunan di semua 25 Kementerian dan 18 Jabatan Persekutuan yang diwajibkan. Manakala Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan lainnya diaudit secara pusingan tiga (3) atau empat (4) tahun sekali. Selain itu, Jabatan Audit Negara juga menjalankan pengauditan secara menyeluruh (Across The Board) terhadap satu (1) jabatan dan satu (1) Badan Berkanun Persekutuan yang mempunyai cawangan di semua negeri dan pemilihan jabatan adalah berbeza setiap tahun.

3.1.4. Selaras dengan Pekeliling Ketua Audit Negara Bilangan 1 Tahun 2016, Penarafan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Jabatan Audit Negara telah ditingkatkan penarafan daripada **Sangat Baik** (empat (4) bintang) kepada **Cemerlang** (lima (5) bintang). Selain itu, markah bagi penarafan **Tidak Memuaskan** (satu (1) bintang) dinaikkan daripada 49.9% kepada 59.9% ke bawah selaras dengan *Exit Policy* Kerajaan yang menetapkan markah minimum 60%.

3.1.5. Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi setiap aspek kawalan utama akan diberikan markah.

Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan yang mendapat tahap penarafan yang **Cemerlang** boleh dijadikan sebagai tanda aras kepada Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan yang lain. Secara umumnya, penarafan sesebuah Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan akan diberi berdasarkan markah keseluruhan seperti **Jadual 3.1**.

JADUAL 3.1
PEMARKAHAN TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

MARKAH KESELURUHAN (%)	TAHAP	PENARAFAN
90 hingga 100	Cemerlang	
80 hingga 89.9	Baik	
70 hingga 79.9	Memuaskan	
60 hingga 69.9	Kurang Memuaskan	
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan Indeks Akauntabiliti (AI) diberi kepada Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan, pengauditan terhadap pengurusan kewangan telah dijalankan bagi tujuan berikut:

- 3.2.1.** Menilai wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan;
- 3.2.2.** Menilai wujudnya kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan kewangan;
- 3.2.3.** Menentukan sama ada pengurusan kewangan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan;
- 3.2.4.** Menentukan sama ada rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini; dan
- 3.2.5.** Melaporkan penemuan dan kesimpulan kepada pihak yang berkaitan.

3.3. SKOP PENGAUDITAN

3.3.1. Bagi Kementerian/Jabatan Persekutuan, semakan Audit merangkumi lapan (8) kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan

Kenderaan Kerajaan. Transaksi yang disemak meliputi tempoh bulan Januari sehingga Disember 2016 melibatkan kategori yang berikut:

- a. Pengauditan Secara Tahunan – semua 25 Kementerian dan 18 Jabatan Persekutuan yang diwajibkan; dan
- b. Pengauditan Secara *Across The Board* – Jabatan Belia dan Sukan Malaysia.

3.3.2. Bagi Badan Berkanun Persekutuan (BBP), penilaian telah dibuat terhadap sembilan (9) aspek utama kawalan pengurusan kewangan iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor; Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan. Pengauditan telah dijalankan di 38 BBP berdasarkan pusingan sekali dalam tempoh tiga (3) tahun. Pengauditan telah dilaksanakan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2016 serta penyata kewangan BBP bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 di BBP berkenaan melibatkan kategori yang berikut:

- a. Pengauditan Secara Pusingan – 38 BBP; dan
- b. Pengauditan Secara *Across The Board* – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

3.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

3.4.1. Pengauditan dijalankan berpandukan Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan yang disediakan berasaskan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) yang diterima pakai oleh negara anggota *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI).

3.4.2. Semakan telah dijalankan terhadap rekod dan dokumen kewangan di peringkat Ibu Pejabat Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang berkaitan. Pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah diadakan bagi mengesahkan maklumat yang diperoleh dan memperkukuhkan ketepatan penemuan Audit.

3.4.3. Bagi tujuan pemarkahan dan penarafan, *Electronic Audit Rating System* (eARAS) digunakan untuk meningkatkan kecekapan serta menjana laporan dan statistik dengan lebih cepat dan tepat.

3.5. KAWALAN UTAMA YANG DIAUDIT

Pelaksanaan sistem penarafan bagi Kementerian/Jabatan Persekutuan adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap pengurusan kewangan mengikut lapan (8)

jenis kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Bagi Badan Berkanun Persekutuan, sembilan (9) jenis kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor; Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan. Penjelasan lanjut mengenai kawalan tersebut adalah seperti berikut:

3.5.1. Kawalan Pengurusan

Kawalan Pengurusan merupakan kawalan utama dan menyeluruh oleh pihak pengurusan untuk memastikan pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Mekanisme Kawalan Pengurusan meliputi struktur organisasi, sistem dan prosedur yang diwujudkan, keberkesanan jawatankuasa dan Unit Audit Dalam yang ditubuhkan serta pengurusan sumber manusia. Pihak pengurusan perlu memastikan pengurusan kewangan diurus dengan baik melalui sistem dan prosedur yang teratur, kawalan dalaman dan pemantauan yang berkesan.

3.5.2. Kawalan Bajet

Bajet adalah perancangan kewangan yang merupakan anggaran pendapatan dan perbelanjaan Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan bagi sesuatu tahun kewangan. Pengurusan bajet bertujuan memastikan sumber yang terhad dirancang dan diagih secara teratur mengikut kepentingan, mengawal operasi dan mengurus prestasi bagi mencapai objektifnya. Kawalan Bajet meliputi peringkat penyediaan, pindah peruntukan, kawalan dan pemantauan perbelanjaan hingga kepada pelaporan mengenai pencapaiannya.

3.5.3. Kawalan Terimaan

Pengurusan Terimaan merupakan prosedur yang diwujudkan bagi memastikan semua pungutan Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan diurus mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan serta diakaunkan dengan sempurna. Di samping itu, Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan perlu memastikan semua aspek keselamatan telah diambil kira bagi melindungi aset, wang, resit dan kaunter kutipan.

3.5.4. Pengurusan Perolehan

Pengurusan Perolehan meliputi kawalan am perolehan, kaedah perolehan dan pengurusan kontrak bagi menentukan sama ada pengurusan perolehan telah dibuat

mengikut peraturan yang ditetapkan. Semakan Audit dibuat terhadap perancangan perolehan, *Government Procurement Information System* (GPIS) dan ePerolehan. Selain itu, semakan dibuat terhadap kaedah perolehan iaitu pembelian terus, pengurusan sebut harga, pengurusan tender, rundingan terus dan pengurusan kontrak.

3.5.5. Kawalan Perbelanjaan

Kawalan Perbelanjaan meliputi proses bayaran dan perakaunan. Perbelanjaan dibuat melalui peruntukan mengurus dan pembangunan. Langkah Kawalan Perbelanjaan yang sempurna menjamin peruntukan dibelanjakan dengan cekap dan berhemat selaras dengan undang-undang serta peraturan yang telah ditetapkan. Pengurusan perbelanjaan yang cekap dan berkesan dapat mengelakkan berlakunya pembaziran, penyelewengan dan pemborosan.

3.5.6. Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit (Kementerian/Jabatan Persekutuan)

Semakan Audit dijalankan terhadap pengendalian Kumpulan Wang/Akaun Amanah dari segi penyediaan dan penyerahan Penyata Tahunan, kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun, tindakan susulan terhadap pemerhatian Audit mengenai akaun Amanah, jenis Sijil Audit serta tindakan penutupan akaun. Semakan Audit terhadap pengurusan Kumpulan Wang Pendahuluan Diri/Pelbagai dan Akaun Deposit adalah berdasarkan Pekeliling dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan dengan daftar/rekod, bayaran balik pendahuluan, penyediaan senarai baki dan deposit yang tidak dituntut.

3.5.7. Pengurusan Aset dan Stor

Pengurusan Aset dan Stor merangkumi perolehan, penggunaan, penyenggaraan, penyimpanan dan pelupusan. Ia hendaklah diurus secara cekap, teratur dan berhemat selaras dengan peraturan kewangan. Aset dan stor yang diperoleh untuk kegunaan pejabat perlu direkod, dikawal dan dipantau dengan sempurna. Rekod berkaitan perlu diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

3.5.8. Pengurusan Kenderaan Kerajaan (Kementerian/Jabatan Persekutuan)

Kenderaan yang diperolehi untuk kegunaan Kementerian/Jabatan Persekutuan perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran dan penyalahgunaan serta disimpan selamat. Semakan Audit adalah untuk menilai tahap pematuhan Kementerian/Jabatan Persekutuan kepada peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan berkenaan dengan penggunaan dan penyenggaraan kenderaan.

3.5.9. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit (Badan Berkanun Persekutuan)

Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit hendaklah dibuat mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod individu perlu diselenggara dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan.

3.5.10. Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman (Badan Berkanun Persekutuan)

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi satu tempoh untuk memperoleh kadar pulangan yang dikehendaki dengan mengambil kira risiko dan peraturan yang ditetapkan. Rekod perlu diselenggara dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negara, menampung perbelanjaan dan meningkatkan pembangunan sosioekonomi. Pinjaman hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dimohon.

3.5.11. Pengurusan Penyata Kewangan (Badan Berkanun Persekutuan)

1Pekeliling Perbendaharaan PA 3.1 menghendaki Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit tidak lewat dari 30 April setiap tahun. Ini bagi memastikan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangannya dikemukakan kepada Kementerian selewat-lewatnya pada 30 September dan dibentangkan di Parlimen dalam tempoh satu (1) tahun selepas berakhirnya tahun kewangan Badan Berkanun Persekutuan tersebut. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik. Di samping itu, pembentangan yang awal membolehkan *stakeholders* menilai prestasi kewangan dengan lebih jelas, lengkap dan relevan. Selain itu, penyediaan penyata kewangan menggunakan *Standard Accounting System For Government Agencies* (SAGA) turut dinilai. Selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 6 Tahun 2014, Badan Berkanun Persekutuan yang telah melaksanakan SAGA dan memenuhi kriteria pematuhan SAGA hendaklah memohon Sijil Pematuhan SAGA daripada Jawatankuasa Pemandu SAGA.


3.6. PENEMUAN AUDIT

3.6.1. Prestasi Kementerian

3.6.1.1. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di peringkat Kementerian bagi tahun kewangan 2016 menunjukkan peningkatan berbanding tahun-tahun sebelumnya. Pada tahun 2016, 25 (100%) Kementerian mencapai tahap **Cemerlang** berbanding 16 (64.0%) daripada 25 Kementerian pada tahun

2015 dan 20 (83.3%) daripada 24 Kementerian pada tahun 2014. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Kementerian secara keseluruhan bagi tempoh tahun 2014 sehingga 2016 adalah seperti **Carta 3.1**.


CARTA 3.1
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN
BAGI TAHUN 2014 SEHINGGA 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara

3.6.1.2 Pencapaian tahap prestasi pengurusan kewangan bagi 25 Kementerian yang dinilai pada tahun 2016 adalah seperti **Carta 3.2**.

CARTA 3.2
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN BAGI TAHUN 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara

3.6.1.3 Perbandingan prestasi pengurusan kewangan Kementerian bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 menunjukkan berlaku peningkatan dan penurunan terhadap prestasi pengurusan kewangan seperti **Jadual 3.2**. Bagaimanapun, perbandingan antara tahun 2015 dan 2016 menunjukkan peningkatan prestasi di 13 Kementerian dengan peningkatan markah antara 0.39% hingga 13.01% berbanding tahun 2015. Manakala 12 Kementerian mencatatkan penurunan prestasi dengan penyusutan markah antara 0.11% hingga 5.98% seperti **Carta 3.3** dan **Carta 3.4**.

JADUAL 3.2
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2014 SEHINGGA 2016

BIL	KEMENTERIAN	2014		2015		2016	
		(%)	K	(%)	K	(%)	K
1.	Wilayah Persekutuan	93.17	10 / 24	96.98	1 / 25	97.65	1/25
2.	Dalam Negeri	91.45	16 / 24	87.39	19 / 25	96.11	2/25
3.	Perdagangan Antarabangsa dan Industri	97.77	1 / 24	94.68	8 / 25	95.21	3/25
4.	Sumber Asli dan Alam Sekitar	96.95	3 / 24	93.88	10 / 25	95.09	4/25
5.	Jabatan Perdana Menteri	97.36	2 / 24	96.00	2 / 25	95.05	5/25
6.	Pengangkutan	88.59	22 / 24	95.21	7 / 25	94.49	6/25
7.	Pendidikan Tinggi	-	-	95.83	4 / 25	94.17	7/25
8.	Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	90.15	19 / 24	84.29	24 / 25	94.05	8/25
9.	Kewangan	92.53	13 / 24	93.93	9 / 25	93.63	9/25
10.	Pertahanan	94.23	6 / 24	95.60	5 / 25	93.41	10/25
11.	Sumber Manusia	93.42	9 / 24	95.37	6 / 25	93.34	11/25
12.	Luar Negeri	86.91	24 / 24	87.05	20 / 25	93.22	12/25
13.	Belia dan Sukan	93.86	8 / 24	85.02	22 / 25	92.36	13/25
14.	Pelancongan dan Kebudayaan	91.96	15 / 24	91.63	15 / 25	92.08	14/25
15.	Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	91.36	17 / 24	85.03	21 / 25	92.06	15/25
16.	Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	93.93	7 / 24	92.54	13 / 25	91.99	16/25
17.	Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	94.53	5 / 24	93.85	11 / 25	91.89	17/25
18.	Kesihatan	90.03	20 / 24	91.78	14 / 25	91.55	18/25
19.	Komunikasi dan Multimedia	88.31	23 / 24	89.20	18 / 25	91.34	19/25
20.	Perusahaan Perlindungan dan Komoditi	92.35	14 / 24	95.97	3 / 25	91.03	20/25
21.	Kerja Raya	95.14	4 / 24	80.30	25 / 25	90.60	21/25
22.	Pertanian dan Industri Asas Tani	90.21	18 / 24	84.60	23 / 25	90.20	22/25
23.	Sains, Teknologi dan Inovasi	92.63	12 / 24	89.62	17 / 25	90.11	23/25
24.	Pendidikan	92.74	11 / 24	90.40	16 / 25	90.05	24/25
25.	Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	89.49	21 / 24	93.11	12 / 25	90.03	25/25

Sumber: Jabatan Audit Negara


Nota: K - Kedudukan

■ Sangat Baik/Cemerlang (Bermula 2015)

■ Baik


■ Perubahan Nama Kementerian

CARTA 3.3
PENINGKATAN PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN 13 KEMENTERIAN
BAGI TAHUN 2016 BERBANDING 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara

CARTA 3.4
PENURUNAN PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN 12 KEMENTERIAN
BAGI TAHUN 2016 BERBANDING 2015




Sumber: Jabatan Audit Negara

3.6.1.4 Prestasi Kementerian Mengikut Kawalan


Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan mengikut kawalan bagi 25 Kementerian pada tahun 2016 mendapati enam (6) daripada lapan (8) kawalan berada pada tahap **Cemerlang** dan dua (2) kawalan berada pada tahap **Baik**. Tahap prestasi yang dimaksudkan adalah seperti **Carta 3.5**. Manakala, prestasi pengurusan kewangan mengikut kawalan bagi 25 kementerian pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti **Carta 3.6**.

CARTA 3.5
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN
MENGIKUT KAWALAN BAGI TAHUN 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara

CARTA 3.6
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN MENGIKUT KAWALAN
BAGI TAHUN 2016 BERBANDING TAHUN 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara


a. Kawalan Pengurusan

Secara keseluruhannya, sebanyak 24 Kementerian mencapai tahap **Cemerlang** dan satu (1) Kementerian berada di tahap **Baik**. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i. Proses kerja berkaitan pengurusan kewangan tidak dikemas kini di tiga (3) Kementerian;
- ii. Pemeriksaan dalaman mengikut kehendak AP308 tidak dilaksanakan terhadap sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan termasuk perakaunan aset awam di tiga (3) Kementerian;
- iii. Pemeriksaan mengejut mengikut kehendak AP309 tidak dijalankan sekurang-kurangnya setiap enam (6) bulan sekali melibatkan enam (6) Kementerian;
- iv. Laporan Suku Tahun Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun lewat dikemukakan kepada Perbendaharaan mengikut tempoh yang ditetapkan bagi tiga (3) Kementerian;
- v. Pusingan tugas bagi pegawai yang menjalankan tugas kewangan tidak dilaksanakan di empat (4) Kementerian; dan
- vi. Laporan Suku Tahun Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam tidak dihantar kepada Urus Setia Jabatan Perkhidmatan Awam mengikut tempoh yang ditetapkan bagi sembilan (9) Kementerian.

Pencapaian Kementerian dari aspek Kawalan Pengurusan bagi tahun 2016 adalah seperti **Carta 3.7**.

CARTA 3.7
PENCAPAIAN KAWALAN PENGURUSAN BAGI TAHUN 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara

b. Kawalan Bajet


Secara keseluruhannya, sebanyak 14 Kementerian mencapai tahap **Cemerlang**, sembilan (9) Kementerian berada di tahap **Baik** dan dua (2) Kementerian tahap **Memuaskan**. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i. Laporan Bajet Program dan Prestasi Tahun 2016 lewat dikemukakan ke Pejabat Belanjawan Negara, Perbendaharaan Malaysia oleh empat (4) Kementerian;

- ii. Tambahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan tidak dibenarkan bagi peruntukan pembangunan telah dibuat tanpa mendapat kelulusan daripada Perbendaharaan terlebih dahulu oleh tiga (3) Kementerian;
- iii. Unjuran Anggaran Keperluan Aliran Tunai Bulanan lewat dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia melibatkan tiga (3) Kementerian;
- iv. Data mengenai peruntukan tahunan, tambahan/kurangan siling/ peruntukan tahunan dan perbelanjaan tidak dikemas kini ke Sistem Pemantauan Projek (SPP) II melibatkan lima (5) Kementerian;
- v. Bagi perbelanjaan mengurus, peruntukan yang diterima melibatkan lapan (8) Kementerian dan peruntukan tambahan/khas/luar jangka/viremen melibatkan enam (6) Kementerian tidak dibelanjakan; dan
- vi. Bagi perbelanjaan pembangunan, peruntukan dibelanjakan kurang daripada 50% melibatkan sembilan (9) Kementerian dan peruntukan yang diterima tidak dibelanjakan melibatkan empat (4) Kementerian.

Pencapaian Kementerian dari aspek Kawalan Bajet bagi tahun 2016 adalah seperti **Carta 3.8**.

CARTA 3.8
PENCAPAIAN KAWALAN BAJET BAGI TAHUN 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara

c. Kawalan Terimaan

Secara keseluruhannya, sebanyak 22 Kementerian mencapai tahap **Cemerlang** dan tiga (3) Kementerian berada di tahap **Baik**. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:


- i. Borang hasil tidak direkodkan dengan kemas kini dalam Daftar Borang Hasil (Kew. 67) di empat (4) Kementerian, borang hasil dikeluarkan tidak mengikut susunan nombor yang berturutan di tiga (3) Kementerian dan

borang hasil yang telah dikeluarkan daripada stok tidak disemak sekurang-kurangnya setiap minggu di lima (5) Kementerian;

- ii. Terimaan sewaan tidak diakaunkan sebagai hasil Kerajaan melibatkan enam (6) Kementerian;
- iii. Resit rasmi dibatalkan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa secara bertulis melibatkan dua (2) Kementerian;
- iv. Hapus kira tidak dilaporkan dengan tepat melibatkan enam (6) Kementerian; dan
- v. Jumlah Akaun Belum Terima pada akhir tahun 2016 meningkat melebihi RM10 juta atau 50% berbanding tahun 2015 melibatkan enam (6) Kementerian.

Pencapaian Kementerian dari aspek Kawalan Terimaan bagi tahun 2016 adalah seperti **Carta 3.9**.

CARTA 3.9
PENCAPAIAN KAWALAN TERIMAAN BAGI TAHUN 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara

d. Pengurusan Perolehan


Secara keseluruhannya, sebanyak 22 Kementerian mencapai tahap **Cemerlang** dan tiga (3) Kementerian berada di tahap **Baik**. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti yang berikut:

- i. Perancangan Perolehan Tahunan tidak dikemukakan kepada Kementerian/Perbendaharaan Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan melibatkan enam (6) Kementerian;

- ii. Sebahagian perolehan secara pembelian terus, sebut harga dan tender tidak didaftarkan ke dalam Sistem Maklumat Perolehan Kerajaan (GPIS) melibatkan tujuh (7) Kementerian;
- iii. Bekalan melebihi RM20,000 setahun dibuat secara pembelian terus melibatkan 12 Kementerian;
- iv. Pesanan Kerajaan tidak dikeluarkan terlebih dahulu sebelum bekalan/perkhidmatan diterima melibatkan dua (2) Kementerian;
- v. Perolehan item yang melibatkan perbelanjaan tahunan melebihi RM20,000 hingga RM50,000 dan RM50,000 hingga RM500,000 tidak dibuat dengan mempelawa sebut harga melibatkan masing-masing satu (1) Kementerian;
- vi. Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga tidak dilantik secara bertulis oleh Ketua Jabatan/Bahagian yang menguruskan sebut harga melibatkan tiga (3) Kementerian;
- vii. Pelaksanaan *Integrity Pact* tidak dipatuhi sepenuhnya bagi proses sebut harga bernilai antara RM50,000 hingga RM500,000 di lapan (8) Kementerian;
- viii. Proses penilaian, pertimbangan dan keputusan tender tidak teratur melibatkan enam (6) Kementerian;
- ix. Proses penilaian, pertimbangan dan keputusan rundingan terus tidak teratur melibatkan tiga (3) Kementerian;
- x. Surat Setuju Terima lewat dikeluarkan mengikut tempoh yang ditetapkan selepas kelulusan Kementerian Kewangan atau Lembaga Perolehan Agensi di lima (5) Kementerian;
- xi. Kontrak lewat ditandatangani melebihi tempoh empat (4) bulan daripada tarikh keluarnya Surat Setuju Terima melibatkan 13 Kementerian; dan
- xii. Tindakan tidak diambil terhadap kontraktor yang tidak mematuhi syarat mengenai tempoh bekalan perjanjian kontrak melibatkan tiga (3) Kementerian.

Pencapaian Kementerian dari aspek Pengurusan Perolehan bagi tahun 2016 adalah seperti **Carta 3.10**.

CARTA 3.10
PENCAPAIAN PENGURUSAN PEROLEHAN BAGI TAHUN 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara

e. Kawalan Perbelanjaan


Secara keseluruhannya, 11 Kementerian mencapai tahap **Cemerlang**, 10 Kementerian berada di tahap **Baik**, dua (2) Kementerian pada tahap **Memuaskan** dan dua (2) berada pada tahap **Kurang Memuaskan**. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti yang berikut:

- Bayaran bagi Invois Tanpa Pesanan Tempatan dibuat untuk jenis perbelanjaan yang tidak dibenarkan di tiga (3) Kementerian;
- Buku Vot tidak diperiksa sekurang-kurangnya sebulan sekali oleh penyelia di empat (4) Kementerian;

- iii. Pelarasan tidak dibuat terhadap item penyesuaian dan tiada tindakan diambil bagi kes transaksi yang berlarutan dan tidak dikenal pasti masing-masing melibatkan tiga (3) Kementerian;
- iv. Had kuasa berbelanja yang dikunci masuk dalam sistem eSPKB berbeza dengan perwakilan kuasa melibatkan lapan (8) Kementerian;
- v. Proses bayaran tidak mematuhi sebahagian peraturan kewangan yang ditetapkan melibatkan 14 Kementerian;
- vi. Pengurusan bayaran pukal tidak teratur iaitu Laporan Pukal (BP21) tidak disemak dengan bil asal dan tindakan pembetulan tidak diambil ke atas kesilapan/perbezaan antara Laporan BP21 dengan bil masing-masingnya melibatkan tujuh (7) Kementerian;
- vii. Jumlah pembayaran di bawah AP 59 tahun 2016 meningkat berbanding tahun 2015 melibatkan enam (6) Kementerian;
- viii. Pembayaran kepada pembekal lewat dibuat melebihi 14 hari dari tarikh kelulusan diterima daripada Perbendaharaan; dan
- ix. Laporan siasatan AP 59 lewat dikemukakan melebihi tempoh 60 hari dari tarikh kelulusan pembayaran diterima daripada Perbendaharaan Malaysia melibatkan tiga (3) Kementerian.

Pencapaian Kementerian dari aspek Kawalan Perbelanjaan bagi tahun 2016 adalah seperti **Carta 3.11**.

CARTA 3.11
PENCAPAIAN KAWALAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara

f. Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit


Secara keseluruhannya, sebanyak 20 Kementerian mencapai tahap **Cemerlang** dan lima (5) Kementerian berada di tahap **Baik**. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i. Pemerhatian Audit telah dikeluarkan kepada 12 Kementerian berkaitan pengurusan kumpulan wang/akaun amanah dan lima (5) Kementerian telah menerima Sijil Audit Berteguran;

- ii. Lima (5) Kementerian tidak mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan bayaran balik pendahuluan diri dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan; dan
- iii. Deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan lewat/tidak diwartakan melibatkan tiga (3) Kementerian.

Pencapaian Kementerian dari aspek Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit bagi tahun 2016 adalah seperti **Carta 3.12**.

CARTA 3.12
PENCAPAIAN PENGURUSAN KUMPULAN WANG/
AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT BAGI TAHUN 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara

g. **Pengurusan Aset dan Stor**


Secara keseluruhannya, sebanyak 20 Kementerian mencapai tahap **Cemerlang**, tiga (3) Kementerian berada di tahap **Baik**, satu (1) Kementerian pada tahap **Memuaskan** dan satu (1) Kementerian di tahap **Kurang Memuaskan**. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i. Pegawai Penerima Aset tidak dilantik di setiap PTJ melibatkan tujuh (7) Kementerian;
- ii. Sebahagian harta modal dan aset bernilai rendah tidak didaftarkan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pengesahan penerimaan melibatkan 15 Kementerian dan didaftarkan tetapi tidak lengkap melibatkan lapan (8) Kementerian;
- iii. Daftar Harta Modal (KEW.PA-2) dan Daftar Aset Bernilai Rendah (KEW.PA-3) tidak diselenggarakan dengan kemas kini melibatkan lapan (8) Kementerian;
- iv. Pergerakan aset tidak direkodkan/tidak direkod dengan lengkap dan kemas kini melibatkan empat (4) Kementerian;
- v. Aset tidak diberi tanda pengenalan Hak Kerajaan Malaysia melibatkan enam (6) Kementerian dan aset tidak ditandakan dengan nombor siri pendaftaran yang betul melibatkan tujuh (7) Kementerian;
- vi. Tiga belas Kementerian tidak menjalankan pemeriksaan sekurang-kurangnya sekali setahun terhadap kesemua aset;
- vii. Penyenggaraan aset tidak teratur iaitu program penyenggaraan tidak disediakan di lima (5) Kementerian, penyenggaraan aset tidak dilaksanakan mengikut jadual di enam (6) Kementerian dan penyenggaraan yang dilaksanakan tidak direkodkan dalam daftar di tujuh (7) Kementerian;
- viii. Aset yang dibeli oleh dua (2) Kementerian tidak digunakan seperti mesin perincih, skrin projektor, mesin penebuk lubang dan komputer tablet;
- ix. Kehilangan aset Kerajaan berlaku di tiga (3) Kementerian antaranya kehilangan komputer riba, kamera digital dan kamera video. Peraturan berkaitan pengurusan kehilangan tidak dipatuhi sepenuhnya;

- x. Kad Kawalan Stok (KEW.PS-3) dan Kad Petak (KEW.PS-4) tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini di lima (5) Kementerian; dan
- xi. Pengeluaran barang stor tidak teratur di lima (5) Kementerian.

Pencapaian Kementerian dari aspek Pengurusan Aset dan Stor bagi tahun 2016 adalah seperti **Carta 3.13**.

CARTA 3.13
PENCAPAIAN PENGURUSAN ASET DAN STOR BAGI TAHUN 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara

h. Pengurusan Kenderaan Kerajaan


Secara keseluruhannya sebanyak 14 Kementerian mencapai tahap **Cemerlang**, enam (6) Kementerian berada di tahap **Baik**, tiga (3) Kementerian berada di tahap **Memuaskan**, satu (1) Kementerian berada pada tahap **Kurang Memuaskan** dan satu (1) Kementerian di **Tidak Memuaskan**. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i. Kenderaan Kerajaan kecuali Kereta Rasmi Jawatan tidak mempamerkan nama/logo Kementerian di empat (4) Kementerian;
- ii. Buku Log tidak diselenggarakan dengan lengkap melibatkan 11 Kementerian dan Buku Log tidak dikemas kini melibatkan tujuh (7) Kementerian;
- iii. Dua belas (12) Kementerian tidak mengeluarkan peringatan bertulis untuk menyelesaikan saman kepada pemandu/pegawai yang dikenakan saman kesalahan lalu lintas manakala 22 Kementerian tidak/lewat mengambil tindakan seterusnya setelah diberi peringatan bertulis dalam tempoh sebulan oleh Ketua Jabatan;
- iv. Bagi Kenderaan Rasmi Jawatan (JUSA), jumlah bahan api yang terlebih guna bagi tahun kewangan sebelum tidak dibayar oleh pegawai bertanggungjawab melibatkan tiga (3) Kementerian dan surat tuntutan tidak dikeluarkan terhadap kes jumlah penggunaan bahan api melebihi had yang diluluskan melibatkan empat (4) Kementerian;
- v. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diselenggara melibatkan 11 Kementerian;
- vi. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diperiksa oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa melibatkan 11 Kementerian;
- vii. Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan Kad Sistem Bayar Tol Tanpa Resit (KSBTTR) bagi kenderaan jabatan tidak diselenggarakan oleh pegawai kenderaan dan pemandu dengan lengkap melibatkan 10 Kementerian;
- viii. Penyata Penggunaan KSBTTR bagi kenderaan jabatan yang diterima/ dicetak daripada syarikat pembekal KSBTTR tidak disemak oleh pegawai kenderaan di 11 Kementerian;
- ix. KSBTTR diguna pakai bukan untuk tujuan rasmi melibatkan lima (5) Kementerian; dan

- x. Penyenggaraan pencegahan dan pembaikan yang dilaksanakan tidak direkod dalam Buku Log dan Daftar Penyenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14) melibatkan tujuh (7) Kementerian.

Pencapaian Kementerian dari aspek Pengurusan Kenderaan Kerajaan bagi tahun 2016 adalah seperti **Carta 3.14**.

CARTA 3.14
PENCAPAIAN PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN
BAGI TAHUN 2016




Sumber: Jabatan Audit Negara

3.6.2. Prestasi Jabatan Yang Diaudit Secara Tahunan


3.6.2.1. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan Persekutuan bagi tahun 2016 menunjukkan peningkatan berbanding tahun-tahun sebelumnya. Sebanyak 16 (88.9%) daripada 18 Jabatan telah mencapai tahap **Cemerlang** berbanding 15 Jabatan (83.3%) pada tahun 2015 dan 13 Jabatan (72.2%) pada tahun 2014. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan 18 Jabatan Persekutuan bagi tempoh tahun 2014 sehingga 2016 secara keseluruhannya adalah seperti **Carta 3.15**, manakala pencapaian tahap prestasi pengurusan kewangan yang dinilai pada tahun 2016 adalah seperti **Carta 3.16**.

CARTA 3.15
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN 2014 SEHINGGA 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara

CARTA 3.16
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara

3.6.2.2. Perbandingan prestasi pengurusan kewangan Jabatan Persekutuan bagi tempoh tahun 2014 sehingga 2016 menunjukkan peningkatan dan penurunan. Perbandingan antara prestasi tahun 2016 dengan 2015 menunjukkan peningkatan markah bagi sembilan (9) Jabatan antara 0.53% hingga 12.58%, manakala lapan (8) Jabatan mencatatkan penurunan markah antara 0.16% hingga 6.11%. Satu (1) Jabatan, iaitu Jabatan Pengairan dan Saliran tidak mencatatkan perubahan markah pada tahun 2016 berbanding 2015. Maklumat lanjut berkaitan prestasi pengurusan kewangan Jabatan

Persekutuan bagi tahun 2014 sehingga 2016 adalah seperti **Jadual 3.3, Carta 3.17 dan Carta 3.18.**

JADUAL 3.3
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN 18 JABATAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN 2014 SEHINGGA 2016


BIL.	JABATAN	2014		2015		2016	
		(%)	K	(%)	K	(%)	K
1	Unit Kerjasama Awam Swasta	93.17	6/18	96.66	3/18	98.45	1/18
2.	Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah	95.21	2/18	96.09	5 /18	97.69	2/18
3.	Unit Penyelarasan Pelaksanaan	91.72	9/18	92.90	12 /18	97.59	3/18
4.	Unit Perancang Ekonomi	92.35	8/18	93.77	10 /18	97.20	4/18
5.	Jabatan Pendidikan Tinggi	97.26	1/18	96.57	4 /18	96.42	5/18
6.	Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak	91.66	10/18	93.67	11 /18	96.30	6/18
7.	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia	91.25	12/18	95.99	7/18	95.62	7/18
8.	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	85.29	16/18	92.02	14 /18	95.56	8/18
9.	Jabatan Pengairan dan Saliran	94.94	4/18	95.12	8 /18	95.12	9/18
10.	Jabatan Peguam Negara	94.55	5 /18	91.02	15 /18	94.76	10/18
11.	Jabatan Kastam Diraja Malaysia	91.20	13/18	93.84	9 /18	93.45	11/18
12.	Jabatan Perkhidmatan Awam	95.11	3/18	96.06	6 /18	93.25	12/18
13.	Jabatan Pengangkutan Jalan	89.37	14 /18	96.66	2 /18	93.22	13/18
14.	Polis Diraja Malaysia	84.38	17/18	82.78	18/18	93.19	14/18
15.	Jabatan Akauntan Negara Malaysia	92.41	7/18	97.20	1/18	91.26	15/18
16.	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia	91.39	11/18	92.52	13/18	90.02	16/18
17.	Jabatan Imigresen Malaysia	87.76	15/18	88.53	16 /18	89.00	17/18
18.	Jabatan Kerja Raya	83.89	18/18	87.87	17/18	84.33	18/18

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: K - Kedudukan


 Sangat Baik/Cemerlang (Bermula 2015) Baik

CARTA 3.17
PENINGKATAN PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
SEMBILAN (9) JABATAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN 2016 BERBANDING 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara

CARTA 3.18
PENURUNAN PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
LAPAN (8) JABATAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN 2016 BERBANDING 2015




Sumber: Jabatan Audit Negara

3.6.2.3. Prestasi Jabatan Persekutuan Mengikut Kawalan


Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan mengikut kawalan bagi 18 Jabatan Persekutuan pada tahun 2016 mendapati tujuh (7) daripada lapan (8) kawalan berada pada tahap **Cemerlang** dan satu (1) kawalan iaitu pengurusan kenderaan berada pada tahap **Baik** seperti **Carta 3.19**. Prestasi pengurusan kewangan bagi 18 Jabatan Persekutuan mengikut kawalan pada tahun 2016 berbanding 2015 adalah seperti **Carta 3.20**.

CARTA 3.19
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN MENGIKUT KAWALAN
BAGI TAHUN 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara

CARTA 3.20
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN MENGIKUT KAWALAN
BAGI TAHUN 2016 BERBANDING 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara


a. Kawalan Pengurusan

Bagi elemen Kawalan Pengurusan, sebanyak 16 Jabatan mencapai tahap **Cemerlang** dan dua (2) Jabatan berada di tahap **Baik**. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i. Had kuasa berbelanja yang ditetapkan dalam sistem tidak selaras dengan perwakilan kuasa menandatangani baucar yang diluluskan; dan
- ii. Capaian dalam sistem tidak dibatalkan bagi pegawai yang bertukar/berhenti/bersara.

Pencapaian Jabatan dari aspek Kawalan Pengurusan pada tahun 2016 adalah seperti **Carta 3.21**.

CARTA 3.21
PENCAPAIAN KAWALAN PENGURUSAN BAGI TAHUN 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara


b. Kawalan Bajet

Sebanyak 15 Jabatan telah mencapai tahap **Cemerlang**, satu (1) Jabatan berada pada tahap **Baik**, satu (1) Jabatan pada tahap **Memuaskan** dan satu (1) Jabatan lagi pada tahap **Kurang Memuaskan**. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i. Unjuran Anggaran Keperluan Aliran Tunai yang disahkan Pegawai Pengawal lewat dikemukakan; dan

ii. Peruntukan diterima tidak dibelanjakan.

Pencapaian Jabatan dari aspek Kawalan Bajet adalah seperti **Carta 3.22**.



Sumber: Jabatan Audit Negara

c. Kawalan Terimaan


Secara keseluruhannya, sebanyak 15 Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, satu (1) Jabatan berada pada tahap **Baik**, satu (1) Jabatan berada pada tahap **Memuaskan** dan satu (1) Jabatan berada pada tahap **Kurang Memuaskan**. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i. Senarai stok borang hasil dinyatakan dalam surat pemberi alih/pengambil alih tidak disediakan semasa pertukaran pemungut;

- ii. Borang hasil yang dikeluarkan daripada stok tidak disemak sekurang-kurangnya setiap minggu oleh pegawai penyelia untuk memastikan borang hasil yang belum digunakan masih utuh;
- iii. Terimaan sewaan tidak diakaunkan sebagai hasil Kerajaan;
- iv. Akaun Belum Terima dilaporkan tidak tepat; dan
- v. Jumlah bersih Akaun Belum Terima meningkat melebihi RM10 juta atau 50% berbanding tahun sebelumnya.

Pencapaian Jabatan dari aspek Kawalan Terimaan adalah seperti **Carta 3.23**.

CARTA 3.23
PENCAPAIAN KAWALAN TERIMAAN BAGI TAHUN 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara


d. Pengurusan Perolehan

Secara keseluruhannya, kesemua 18 Jabatan mencapai tahap **Cemerlang** dari aspek Pengurusan Perolehan. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i. Kontrak tidak ditandatangani dalam tempoh empat (4) bulan dari tarikh Surat Setuju Terima;
- ii. Perolehan tidak didaftarkan dalam GPIS;
- iii. Tindakan tidak diambil terhadap kontraktor yang tidak mematuhi syarat mengenai tempoh bekalan perjanjian kontrak; dan
- iv. Minit mesyuarat keputusan tender tidak disediakan dengan teratur.

Pencapaian Jabatan dari aspek Pengurusan Perolehan adalah seperti **Carta 3.24**.

CARTA 3.24
PENCAPAIAN PENGURUSAN PEROLEHAN BAGI TAHUN 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara

e. Kawalan Perbelanjaan


Secara keseluruhannya, sebanyak 15 Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, dua (2) Jabatan berada di tahap **Baik** dan satu (1) Jabatan di tahap **Memuaskan** dari aspek Kawalan Perbelanjaan. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i. Proses bayaran tidak mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan;
- ii. Buku Vot tidak diperiksa sekurang-kurangnya sebulan sekali oleh penyelia dengan menurunkan tandatangan ringkas;

- iii. Daftar Bil tidak dicetak dan disemak oleh pegawai bertanggungjawab sekurang-kurangnya sebulan sekali; dan
- iv. Capaian dalam sistem tidak dibatalkan bagi pegawai yang bertukar/berhenti/bersara.

Pencapaian Jabatan dari aspek Kawalan Perbelanjaan adalah seperti **Carta 3.25**.

**CARTA 3.25
PENCAPAIAN KAWALAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN 2016**



Sumber: Jabatan Audit Negara


f. Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit

Bagi Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit, sebanyak 12 Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, dua (2) Jabatan berada di tahap **Baik**, satu (1) Jabatan berada di tahap **Memuaskan** dan dua (2) Jabatan berada pada tahap **Kurang Memuaskan**. Satu (1) Jabatan iaitu Unit Kerjasama Awam Swasta tidak menyelenggara apa-apa Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit pada tahun 2016. Antara kelemahan yang dikenal pasti bagi Polis DiRaja Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan yang mendapat tahap **Kurang Memuaskan** adalah seperti yang berikut:

- i. Akaun Amanah mendapat Sijil Audit Tanpa Teguran tetapi mempunyai perkara-perkara yang perlu ditambahbaik/dibetulkan;
- ii. Akaun Amanah mendapat Sijil Audit Berteguran;
- iii. Buku Daftar Permohonan Pendahuluan Diri tidak diselenggarakan dengan lengkap; dan
- iv. Deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan lewat/tidak diwartakan.

Pencapaian Jabatan dari aspek Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit adalah seperti **Carta 3.26**.

CARTA 3.26
PENCAPAIAN PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT
BAGI TAHUN 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara

g. Pengurusan Aset dan Stor


Secara keseluruhannya, sebanyak 14 Jabatan telah mencapai tahap **Cemerlang**, tiga (3) Jabatan berada di tahap **Baik** dan satu (1) Jabatan berada di tahap **Memuaskan** dari aspek Pengurusan Aset dan Stor. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i. Ketua Jabatan/Pegawai Atasan di peringkat Ibu Pejabat tidak menyediakan Laporan Awal (KEW.PA-28 atau Lampiran J) untuk dikemukakan bersama salinan Laporan Polis kepada Pegawai Pengawal dan Perbendaharaan dalam tempoh yang ditetapkan;
- ii. Aset tidak diberi tanda pengenalan Hak Kerajaan Malaysia;

- iii. Aset tidak ditandakan dengan nombor siri pendaftaran yang betul;
- iv. Pergerakan aset bagi tujuan pinjaman sementara tidak direkod pada Daftar Pergerakan Harta Modal/Aset Alih Bernilai Rendah (KEW.PA-6); dan
- v. Ketua Jabatan/Pegawai tidak membuat Laporan Polis dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan.

Pencapaian Jabatan dari aspek Pengurusan Aset dan Stor adalah seperti **Carta 3.27**.

CARTA 3.27
PENCAPAIAN PENGURUSAN ASET DAN STOR BAGI TAHUN 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara


h. Pengurusan Kenderaan Kerajaan

Secara keseluruhannya, enam (6) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, 11 Jabatan berada di tahap **Baik** dan satu (1) Jabatan berada di tahap **Memuaskan** dari aspek Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i. Penyenggaraan pencegahan dan pembaikan yang dilaksanakan tidak direkod dalam Buku Log dan Daftar Penyenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14);
- ii. Kenderaan Kerajaan tidak disenggara secara berjadual mengikut manual pengguna;
- iii. Surat tuntutan tidak dikeluarkan terhadap kes yang jumlah penggunaan bahan api bagi tahun kewangan semasa melebihi had yang diluluskan;
- iv. Kenderaan tidak digunakan dengan kelulusan Pegawai Kenderaan; dan
- v. Buku Log tidak diselenggarakan dengan lengkap.

Pencapaian Jabatan dari aspek Pengurusan Kenderaan Kerajaan adalah seperti **Carta 3.28**.

CARTA 3.28
PENCAPAIAN PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN BAGI TAHUN 2016




Sumber: Jabatan Audit Negara

3.6.3 Prestasi Jabatan Belia dan Sukan (*Across The Board*)

3.6.3.1. Pengauditan dijalankan antara bulan Disember 2016 sehingga Februari 2017 di Ibu Pejabat Jabatan Belia dan Sukan (JBS) dan 15 JBS Negeri bagi tahun 2016. Prestasi pengurusan kewangan bagi empat (4) JBS berada di tahap **Cemerlang** dengan markah antara 92.68% hingga 96.75%. Manakala lapan (8) JBS pula berada di tahap **Baik** dengan markah antara 80.09% hingga 88.65% dan empat (4) JBS di tahap **Memuaskan** dengan markah antara 72.53% hingga 78.54%. Prestasi mengikut aspek kawalan pula menunjukkan Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet dan Kawalan Terimaan berada di tahap **Cemerlang** manakala Kawalan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan serta Pengurusan Aset dan Stor adalah di tahap **Baik**. Bagaimanapun, Pengurusan


Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit berada di tahap yang **Tidak Memuaskan**. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan JBS bagi tahun 2016 secara keseluruhannya adalah seperti **Carta 3.29** dan **3.30**.

CARTA 3.29
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN BAGI TAHUN 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara

CARTA 3.30
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN MENGIKUT KAWALAN
BAGI TAHUN 2016




Sumber: Jabatan Audit Negara

3.6.3.2. Prestasi Jabatan Belia dan Sukan Mengikut Kawalan

a. Kawalan Pengurusan

Semakan Audit mendapati Kawalan Pengurusan di JBS secara keseluruhannya berada di tahap **Cemerlang**. Analisis selanjutnya mendapati Ibu Pejabat JBS dan JBS Negeri Kedah, Kelantan, Pahang, Perlis, Sabah, Selangor, W.P. Kuala Lumpur serta Labuan telah berjaya mencapai tahap **Cemerlang**. JBS Negeri Melaka, Sarawak, Perak, Negeri Sembilan dan Terengganu pula mencapai tahap **Baik** manakala JBS Negeri Pulau Pinang dan Johor di tahap **Memuaskan**. Pencapaian mengikut negeri adalah seperti **Carta 3.31**. Kedudukan kelemahan terhadap Kawalan Pengurusan adalah seperti **Jadual 3.4**.

CARTA 3.31
KEDUDUKAN PENCAPAIAN UNTUK KAWALAN PENGURUSAN
BAGI TAHUN 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara

JADUAL 3.4
KELEMAHAN TERHADAP KAWALAN PENGURUSAN DI PEJABAT JBS

BIL.	PEJABAT JBS	PENEMUAN AUDIT
1.	Pulau Pinang	i. Pemeriksaan AP308 tidak dijalankan oleh Ketua Jabatan atau wakil yang dilantik. ii. Pemeriksaan tidak dijalankan terhadap sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan termasuk perakaunan aset awam. iii. Pemeriksaan tidak direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut. iv. Pemeriksaan mengejut (AP309) tidak dilaksanakan terhadap peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas untuk menyimpan wang, setem atau barang berharga. v. Pemeriksaan AP309 tidak dijalankan sekurang-kurangnya setiap enam (6) bulan sekali.


BIL.	PEJABAT JBS	PENEMUAN AUDIT
		vi. Tindakan susulan tidak diambil terhadap keputusan mesyuarat JPKA yang lepas.
2.	Johor	i. Pemeriksaan AP309 tidak dijalankan sekurang-kurangnya setiap enam bulan sekali. ii. Mesyuarat JPKA tidak membincangkan perkara ditetapkan mengikut pekeliling.
3.	Melaka	i. Penurunan kuasa secara khusus tidak diberikan kepada pegawai yang terlibat dalam kutipan. ii. Proses kerja berkaitan pengurusan kewangan tidak disediakan. iii. Pemeriksaan mengejut (AP309) tidak dilaksanakan terhadap peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas untuk menyimpan wang, setem atau barang berharga. iv. Pemeriksaan AP309 tidak dijalankan sekurang-kurangnya setiap enam bulan sekali. v. Teguran Audit tidak diambil tindakan.
4.	Sarawak	i. Pemeriksaan AP308 tidak dijalankan oleh Ketua Jabatan atau wakil yang dilantik. ii. Pemeriksaan tidak dijalankan terhadap sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan termasuk perakaunan aset awam. iii. Pemeriksaan tidak direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut. iv. Kursus/Latihan berkaitan pengurusan kewangan tidak dirancang.
5.	Perak	i. Carta Organisasi dipamerkan tidak lengkap dan kemas kini. ii. Pemeriksaan AP308 tidak dijalankan oleh Ketua Jabatan atau wakil yang dilantik. iii. Pemeriksaan tidak dijalankan terhadap sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan termasuk perakaunan aset awam. iv. Pemeriksaan tidak direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut. v. Pemeriksaan mengejut (AP309) tidak dilaksanakan terhadap peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas untuk menyimpan wang, setem atau barang berharga. vi. Pertanyaan Audit tidak dijawab.
6.	Negeri Sembilan	i. Proses kerja berkaitan pengurusan kewangan tidak kemas kini. ii. Pemeriksaan AP308 tidak dijalankan oleh Ketua Jabatan atau wakil yang dilantik. iii. Pemeriksaan tidak dijalankan terhadap sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan termasuk perakaunan aset awam. iv. Pemeriksaan tidak direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut. v. Pemeriksaan mengejut (AP309) tidak dilaksanakan terhadap peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas untuk menyimpan wang, setem atau barang berharga.
7.	Terengganu	i. Laporan Suku Tahun Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam tidak disediakan. ii. Laporan Suku Tahun Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam tidak dihantar kepada urusetia mengikut tempoh yang ditetapkan.
8.	Perlis	i. Pemeriksaan AP308 tidak direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut. ii. Pemeriksaan mengejut AP309 tidak dijalankan sekurang-kurangnya setiap enam bulan sekali oleh Ketua Jabatan. iii. JPKA tidak bermesyuarat tiga (3) bulan sekali.
9.	Kedah	i. Penurunan kuasa secara khusus tidak diberikan kepada pegawai yang terlibat dalam kutipan. ii. Proses kerja berkaitan pengurusan kewangan tidak kemas kini.
10.	W.P. Labuan	i. Pegawai terlibat dengan pengurusan kewangan tidak diberikan kuasa/dilantik secara bertulis. ii. Pusingan tugas tidak ditetapkan/dirancang.

Sumber: Jabatan Audit Negara

b. Kawalan Perbelanjaan

Analisis mendapati Ibu Pejabat JBS dan enam (6) JBS Negeri berjaya mencapai tahap **Cemerlang**, empat (4) JBS Negeri di tahap **Baik**, tiga (3) JBS Negeri di tahap **Memuaskan** dan dua (2) JBS Negeri di tahap **Kurang Memuaskan**. Pencapaian Kawalan Perbelanjaan mengikut negeri adalah seperti di **Carta 3.32**. Kedudukan kelemahan terhadap Kawalan Perbelanjaan adalah seperti **Jadual 3.5**.

CARTA 3.32
KEDUDUKAN PENCAPAIAN BAGI KAWALAN PERBELANJAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

JADUAL 3.5
KELEMAHAN TERHADAP KAWALAN PERBELANJAAN DI PEJABAT JBS

BIL.	PEJABAT JBS	PENEMUAN AUDIT
1.	Melaka	i. Had kuasa berbelanja yang ditetapkan dalam sistem tidak selaras dengan perwakilan kuasa menandatangani baucar. ii. Proses bayaran tidak mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan. iii. Tiada bukti Laporan Pukal (BP21) disemak dengan bil asal.
2.	Kedah	i. Bayaran bagi Invois Tanpa Pesanan Tempatan dibuat ke atas perbelanjaan yang tidak dibenarkan. ii. Proses bayaran tidak mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan. iii. Bil pukal tidak dibayar melalui Sistem Bayaran Pukal. iv. Wang Panjar digunakan bukan bagi tujuan pembayaran kecil yang segera dan perbelanjaan runcit.
3.	Pulau Pinang	i. Buku Vot tidak diperiksa sekurang-kurangnya sebulan sekali oleh penyelia dengan menurunkan tandatangan ringkas. ii. Had kuasa berbelanja yang ditetapkan dalam sistem tidak selaras dengan perwakilan kuasa menandatangani baucar yang diluluskan. iii. Capaian dalam sistem tidak dibatalkan bagi pegawai yang bertukar/berhenti/bersara. iv. Kad pintar digunakan semasa ketiadaan pegawai/pegawai tidak bertugas. v. Proses bayaran tidak mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan.

BIL.	PEJABAT JBS	PENEMUAN AUDIT
4.	Perak	i. Buku Vot tidak diperiksa sekurang-kurangnya sebulan sekali oleh penyelia dengan menurunkan tandatangan ringkas. ii. Tiada bukti Laporan Pukal (BP21) disemak dengan bil asal.
5.	Selangor	i. Proses bayaran tidak mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan. ii. Tiada bukti Laporan Pukal (BP21) disemak dengan bil asal.
6.	Kelantan	i. Capaian dalam sistem tidak dibatalkan bagi pegawai yang bertukar/berhenti/bersara. ii. Kad pintar digunakan semasa ketiadaan pegawai/pegawai tidak bertugas.
7.	Johor	i. Daftar Bil tidak disemak oleh pegawai bertanggungjawab sekurang-kurangnya sekali sebulan dan ditandatangani ringkas. ii. Proses bayaran tidak mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

c. Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit

Semakan Audit mendapati Akaun Amanah, Pengurusan Pendahuluan Diri dan Pelbagai hanya diselenggara di peringkat Kementerian. Akaun Deposit hanya diselenggara di 11 JBS Negeri iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Sabah, Terengganu dan W.P. Kuala Lumpur. Semakan selanjutnya mendapati JBS Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Terengganu tidak menyelenggara Akaun Deposit tersebut seperti yang dikehendaki dalam Arahan Perbendaharaan. Prestasi pengurusan Akaun Deposit secara keseluruhannya berada di tahap **Tidak Memuaskan** seperti **Jadual 3.6**.

JADUAL 3.6
KELEMAHAN TERHADAP PENGURUSAN AKAUN DEPOSIT

BIL.	PEJABAT JBS	PENEMUAN AUDIT
1.	Negeri Sembilan	i. Akaun Utama Deposit tidak diselenggarakan. ii. Deposit tidak diakaunkan mengikut jenis deposit yang diterima. iii. Daftar/Rekod kecil tidak diselenggarakan. iv. Baki dalam daftar/rekod kecil tidak bersamaan dengan Akaun Utama Deposit v. Penyata Penyesuaian tidak disediakan dengan tepat. vi. Bayaran balik deposit tidak mengikut peraturan yang ditetapkan. vii. Deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan tidak diwartakan.
2.	Terengganu	i. Akaun Utama Deposit tidak diselenggarakan. ii. Deposit tidak diakaunkan mengikut jenis deposit yang diterima. iii. Daftar/Rekod kecil tidak diselenggarakan. iv. Baki dalam daftar/rekod kecil tidak bersamaan dengan Akaun Utama Deposit. v. Penyata Penyesuaian tidak disediakan dengan tepat. vi. Deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan tidak diwartakan.
3.	Pulau Pinang	i. Akaun Utama Deposit tidak diselenggarakan. ii. Daftar/Rekod kecil tidak diselenggarakan. iii. Baki dalam daftar/rekod kecil tidak bersamaan dengan Akaun Utama Deposit. iv. Penyata Penyesuaian tidak disediakan dengan tepat. v. Deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan tidak diwartakan.


BIL.	PEJABAT JBS	PENEMUAN AUDIT
4.	Melaka	i. Daftar/Rekod kecil tidak diselenggarakan. ii. Baki dalam daftar/rekod kecil tidak bersamaan dengan Akaun Utama Deposit. iii. Deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan tidak diwartakan.
5.	Johor	i. Daftar/Rekod kecil tidak diselenggarakan. ii. Baki dalam daftar/rekod kecil tidak bersamaan dengan Akaun Utama Deposit.
6.	Perak	i. Deposit tidak diakaunkan mengikut jenis deposit yang diterima. ii. Deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan tidak diwartakan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

d. Pengurusan Aset dan Stor

Analisis terhadap pencapaian setiap JBS mendapati hanya JBS Negeri Sabah mencapai tahap 100%; Ibu Pejabat JBS dan JBS Negeri Terengganu, Sarawak, Selangor serta W.P. Kuala Lumpur mencapai tahap **Cemerlang**; JBS Negeri Sembilan, Kelantan, W.P. Labuan, Melaka, Johor, Kedah dan Perlis mencapai tahap **Baik** manakala JBS Negeri Pahang serta Perak di tahap **Memuaskan** dan JBS Pulau Pinang berada di tahap **Kurang Memuaskan**. Tahap pencapaian setiap JBS dari aspek Pengurusan Aset dan Stor adalah seperti **Carta 3.33**. Kelemahan Pengurusan Aset dan Stor adalah seperti **Jadual 3.7**.

CARTA 3.33
KEDUDUKAN PENCAPAIAN BAGI PENGURUSAN ASET DAN STOR



Sumber: Jabatan Audit Negara

JADUAL 3.7
KELEMAHAN PENGURUSAN ASET DAN STOR

BIL.	PEJABAT JBS	PENEMUAN AUDIT
1.	Pulau Pinang	i. Agenda mesyuarat JKPAK yang ditetapkan tidak dibincangkan. ii. Hasil mesyuarat JKPAK tidak dilaporkan kepada JPKA. iii. Daftar Harta Modal tidak diselenggarakan dengan kemas kini. iv. Pergerakan aset bagi tujuan peminjaman sementara tidak direkodkan dalam Daftar Pergerakan Harta Modal (KEW.PA-6). v. Aset tidak diberi tanda pengenalan Hak Kerajaan Malaysia. vi. Aset tidak ditandakan dengan nombor siri pendaftaran. vii. Tiada tindakan susulan diambil terhadap aset yang rosak. viii. Tiada pengiraan stok. ix. Aset yang memerlukan penyenggaraan tidak disenaraikan di KEW.PA-13. x. Program penyenggaraan tidak dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan. xi. Penyenggaraan tidak direkodkan dalam Daftar Penyenggaraan.
2.	Perak	i. Agenda mesyuarat JKPAK yang ditetapkan tidak dibincangkan. ii. Tiada tindakan susulan diambil terhadap keputusan mesyuarat JKPAK yang lepas. iii. Aset diterima oleh pegawai yang tidak dilantik. iv. Aset tidak didaftarkan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. v. Aset yang memerlukan penyenggaraan tidak disenaraikan di KEW.PA-13. vi. Program Penyenggaraan tidak disediakan. vii. Pengeluaran barang stor tidak dilaksanakan dengan teratur. viii. Pegawai Pemeriksa yang dilantik terlibat secara langsung dengan stor yang diperiksa.
3.	Pahang	i. Agenda mesyuarat JKPAK yang ditetapkan tidak dibincangkan. ii. Tiada tindakan susulan diambil terhadap keputusan mesyuarat JKPAK yang lepas. iii. Aset diuruskan oleh pegawai yang tidak dilantik. iv. Program Penyenggaraan tidak disediakan. v. Program penyenggaraan tidak dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan. vi. Tiada bukti kad kawalan stok diperiksa oleh Pegawai Pemeriksa. vii. Penyimpanan stok di stor pusat/stor utama melebihi paras yang ditetapkan.
4.	Negeri Sembilan	i. Agenda mesyuarat JKPAK yang ditetapkan tidak dibincangkan. ii. Aset tidak didaftarkan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. iii. Daftar Harta Modal tidak diselenggarakan dengan kemas kini. iv. Tidak semua aset diperiksa oleh Pegawai Pemeriksa Aset. v. Aset yang memerlukan penyenggaraan tidak disenaraikan di KEW.PA-13. vi. Pemeriksaan aset tidak dijalankan dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh diarahkan oleh Jabatan untuk membuat pelupusan. vii. Barang stor diterima oleh pegawai yang tidak dilantik.
5.	Kelantan	i. Tiada tindakan susulan diambil terhadap aset yang rosak. ii. Program penyenggaraan tidak dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan. iii. Penyenggaraan tidak direkodkan dalam Daftar Penyenggaraan. iv. Pemeriksaan aset tidak dijalankan dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh diarahkan oleh Jabatan. v. Pelupusan tidak dijalankan dalam tempoh 6 bulan selepas mendapat kelulusan.
6.	W.P. Labuan	i. Tiada tindakan susulan diambil terhadap keputusan mesyuarat JKPAK yang lepas. ii. Aset tidak didaftarkan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. iii. Pergerakan aset bagi tujuan peminjaman sementara tidak direkodkan dalam Daftar Pergerakan Harta Modal (KEW.PA-6). iv. Terdapat perbezaan baki fizikal barang stor dengan baki terakhir di kad petak.

BIL.	PEJABAT JBS	PENEMUAN AUDIT
		v. Program penyenggaraan tidak dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan. vi. Penyenggaraan tidak direkodkan dalam Daftar Penyenggaraan. vii. Barang stor diterima oleh pegawai yang tidak dilantik.
7.	Melaka	i. Tiada tindakan susulan diambil terhadap keputusan mesyuarat JKPAK yang lepas. ii. Aset tidak diberi tanda pengenalan Hak Kerajaan Malaysia. iii. Aset tidak ditandakan dengan nombor siri pendaftaran. iv. Program penyenggaraan tidak dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan. v. Penyenggaraan tidak direkodkan dalam Daftar Penyenggaraan. vi. Pemeriksaan aset tidak dijalankan dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh diarahkan oleh Jabatan.
8.	Johor	i. Laporan kerosakan aset tidak menggunakan Borang Aduan Kerosakan Aset (KEW.PA-9) / KEW.PA-9(A)]. ii. Tiada tindakan susulan diambil terhadap aset yang rosak. iii. Aset yang dibeli tidak digunakan.
9.	Kedah	i. Aset tidak didaftarkan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. ii. Aset yang memerlukan penyenggaraan tidak disenaraikan di KEW.PA-13. iii. Program penyenggaraan tidak dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan. iv. Penyenggaraan tidak direkodkan dalam Daftar Penyenggaraan.
10.	Perlis	i. Tiada tindakan susulan diambil terhadap aset yang rosak. ii. Pengeluaran barang stor tidak dilaksanakan dengan teratur.

Sumber: Jabatan Audit Negara

e. Pengurusan Kenderaan Kerajaan

Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan dari aspek Pengurusan Kenderaan Jabatan adalah seperti **Jadual 3.8**.

JADUAL 3.8
KELEMAHAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BAGI PENGURUSAN KENDERAAN JABATAN


BIL.	PEJABAT JBS	PENEMUAN AUDIT
1.	Ibu Pejabat	i. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diselenggarakan dengan kemas kini. ii. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diperiksa oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa. iii. Buku Rekod Pergerakan Dan Penggunaan KSBTTR bagi kenderaan Jabatan tidak diselenggarakan dengan lengkap. iv. Buku Rekod Pergerakan Dan Penggunaan KSBTTR bagi kenderaan Jabatan tidak disimpan oleh Pegawai Kenderaan.
2.	Johor	i. Pegawai Kenderaan tidak dilantik. ii. Penggunaan kenderaan tidak mendapat kelulusan Pegawai Kenderaan. iii. Kad Inden Minyak tidak disimpan oleh Pegawai Kenderaan. iv. Penyata Pembelian/Penyata Kad tidak disemak kepada salinan resit dan disahkan oleh Pemegang Kad sebelum bayaran dilakukan. v. Buku Rekod Pergerakan Dan Penggunaan KSBTTR bagi kenderaan Jabatan tidak diselenggarakan dengan lengkap. vi. KSBTTR dan SmartTAG bagi kenderaan Jabatan tidak disimpan oleh Pegawai Kenderaan. vii. Buku Rekod Pergerakan Dan Penggunaan KSBTTR bagi kenderaan Jabatan tidak disimpan oleh Pegawai Kenderaan.

BIL.	PEJABAT JBS	PENEMUAN AUDIT
3.	Kedah	i. Penggunaan kenderaan tidak mendapat kelulusan Pegawai Kenderaan. ii. Buku Log tidak diselenggarakan dengan kemas kini. iii. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diselenggarakan dengan kemas kini. iv. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diperiksa oleh Ketua Jabatan. v. Penyata Pembelian/Penyata Kad tidak disemak kepada salinan resit dan disahkan oleh Pemegang Kad sebelum bayaran dilakukan. vi. Buku Rekod Pergerakan Dan Penggunaan KSBTTR bagi kenderaan Jabatan tidak diselenggarakan dengan lengkap. vii. Penyata Penggunaan KSBTTR bagi kenderaan Jabatan diterima daripada pembekal dan tiada semakan dilaksanakan oleh Pegawai Kenderaan.
4.	Kelantan	i. Penggunaan kenderaan tidak mendapat kelulusan Pegawai Kenderaan. ii. Buku Log tidak diselenggarakan dengan kemas kini. iii. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diselenggarakan dengan kemas kini. iv. Penyata Pembelian/Penyata Kad tidak disemak dengan salinan resit dan disahkan oleh Pemegang Kad sebelum bayaran dilakukan.
5.	Melaka	i. Penggunaan kenderaan tidak mendapat kelulusan Pegawai Kenderaan. ii. Buku Log tidak diselenggarakan dengan kemas kini. iii. Kad Inden Minyak tidak disimpan oleh Pegawai Kenderaan. iv. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diselenggarakan dengan kemas kini. v. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diperiksa oleh Ketua Jabatan. vi. Penyata Pembelian/Penyata Kad tidak disemak dengan salinan resit dan disahkan oleh Pemegang Kad sebelum bayaran dilakukan. vii. Buku Rekod Pergerakan Dan Penggunaan KSBTTR bagi kenderaan Jabatan tidak diselenggarakan dengan lengkap.
6.	Pahang	i. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diselenggarakan dengan kemas kini. ii. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diperiksa oleh Ketua Jabatan. iii. Penyata Pembelian/Penyata Kad tidak disemak dengan salinan resit dan disahkan oleh Pemegang Kad sebelum bayaran dilakukan. iv. Buku Rekod Pergerakan Dan Penggunaan KSBTTR bagi kenderaan Jabatan tidak diselenggarakan dengan lengkap. v. Penyata Penggunaan KSBTTR bagi kenderaan Jabatan diterima daripada pembekal dan tiada semakan dilaksanakan oleh Pegawai Kenderaan.
7.	Pulau Pinang	i. Buku Log tidak diselenggarakan dengan kemas kini. ii. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diperiksa oleh Ketua Jabatan. iii. Penyata Pembelian/Penyata Kad tidak disemak dengan salinan resit dan disahkan oleh Pemegang Kad sebelum bayaran dilakukan. iv. Buku Rekod Pergerakan Dan Penggunaan KSBTTR bagi kenderaan Jabatan tidak diselenggarakan dengan lengkap. v. Penyata Penggunaan KSBTTR bagi kenderaan Jabatan diterima daripada pembekal dan tiada semakan dilaksanakan oleh Pegawai Kenderaan.
8.	Perlis	i. Penyata Pembelian/Penyata Kad tidak disemak dengan salinan resit dan disahkan oleh Pemegang Kad sebelum bayaran dilakukan. ii. Buku Rekod Pergerakan Dan Penggunaan KSBTTR bagi kenderaan Jabatan tidak diselenggarakan dengan lengkap. iii. Penyata Penggunaan KSBTTR bagi kenderaan Jabatan diterima daripada pembekal dan tiada semakan dilaksanakan oleh Pegawai Kenderaan.
9.	W.P. Labuan	i. Penggunaan kenderaan tidak mendapat kelulusan Pegawai Kenderaan. ii. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diselenggarakan dengan kemas kini.

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.6.4 Prestasi Pejabat Pertubuhan Keselamatan Sosial [PERKESO] (*Across The Board*)

3.6.4.1 Pengauditan pengurusan kewangan telah dilaksanakan di 13 Pejabat PERKESO Negeri (PPN). Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan bagi tahun 2016 di dua (2) PPN di tahap **Cemerlang**, empat (4) PPN di tahap **Baik**, enam (6) PPN di tahap **Memuaskan** dan satu (1) PPN di tahap **Kurang Memuaskan**. Kedudukan tahap prestasi keseluruhan PPN adalah seperti **Carta 3.34**.



Sumber: Jabatan Audit Negara

3.6.4.2. Analisis Audit terhadap Kawalan Pengurusan di 13 PPN mendapati empat (4) PPN berada pada tahap **Cemerlang**, lima (5) PPN di tahap **Baik** dan empat (4) PPN di tahap **Memuaskan**. Kawalan Terimaan yang diuruskan oleh PPN menunjukkan lapan (8) PPN di tahap **Cemerlang**, empat (4) PPN di tahap **Baik** dan satu (1) PPN di tahap **Memuaskan**. Analisis bagi Kawalan Perbelanjaan menunjukkan 12 PPN mempunyai pencapaian di tahap **Cemerlang** dan satu (1) PPN di tahap **Baik**. Bagi Pengurusan Aset dan Stor, dua (2) PPN berada di tahap **Cemerlang**, satu (1) PPN di tahap **Baik**, satu (1) PPN di tahap **Memuaskan**, dua (2) PPN di tahap **Kurang Memuaskan** dan tujuh (7) PPN di tahap **Tidak Memuaskan**. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 3.9**.

JADUAL 3.9
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN MENGIKUT
KAWALAN DI PEJABAT PERKESO NEGERI UNTUK 13 NEGERI BAGI TAHUN 2016

PEJABAT NEGERI	TAHAP PRESTASI MENGIKUT KAWALAN (%)			
	PENGURUSAN	TERIMAAN	PERBELANJAAN	ASET DAN STOR
Perak	83.33	98.75	100.00	93.52
Sarawak	87.81	96.67	95.00	93.24
Pahang	98.12	100	100	75.47
Johor	79.03	91.25	97.72	83.16
Selangor	99.06	96.25	97.14	58.00
Kelantan	85.48	82.50	94.43	69.64
Perlis	99.53	93.33	85.00	57.34
Pulau Pinang	85.72	92.67	92.00	58.88
Kedah	85.93	80.00	100.00	59.37
Negeri Sembilan	72.14	83.84	99.72	64.22
Terengganu	96.49	86.25	93.00	53.07
Sabah	74.43	94.00	95.00	59.14
Melaka	78.27	75.67	100	38.75
Purata Tahap Prestasi Berdasarkan Kawalan	86.56	90.09	96.08	66.45

Cemerlang
 Baik
 Memuaskan
 Kurang Memuaskan
 Tidak Memuaskan

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.6.4.3 Kelemahan Pengurusan Aset dan Stor di tujuh (7) PPN yang berada di tahap **Tidak Memuaskan** adalah seperti **Jadual 3.10**.

JADUAL 3.10
KELEMAHAN PENGURUSAN ASET DAN STOR DI PEJABAT PERKESO NEGERI

BIL.	PEJABAT NEGERI	PENEMUAN AUDIT
1.	Selangor	i. Empat (4) aset yang dipinjam tidak direkodkan dalam Daftar Pergerakan Harta Modal/ Aset Bernilai Rendah (KEW.PA-6). ii. Sebanyak 16 aset tidak dilabel Hak Milik PERKESO. iii. Tempoh pelantikan Pegawai Pemeriksa Aset melebihi dua (2) tahun. iv. Buku Log tidak lengkap. v. Rekod Pergerakan Kad Inden Minyak tidak disediakan. vi. Rekod Pergerakan dan Penggunaan KSBTTR tidak disediakan. vii. Senarai Harta Modal Kerajaan Yang Memerlukan Penyelenggaraan Berjadual (KEW.PA-13) tidak disediakan. viii. Program Penyelenggaraan tidak disediakan. ix. Aset yang disenggara tidak direkod dalam Rekod Penyelenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14).
2.	Pulau Pinang	i. Laporan Tahunan Harta Modal dan Aset Alih Bernilai Rendah (KEW.PA-8) dan Laporan Kedudukan Stok (KEW.PS-13) tidak disediakan. ii. Penerimaan 11 aset dan barang stor diperakui oleh pegawai yang tidak diberi kuasa. iii. Senarai Aset di Lokasi (KEW.PA-7) tidak disediakan. iv. Daftar Pergerakan Harta Modal/ Aset Bernilai Rendah (KEW.PA-6) tidak diselenggara. v. Sebanyak 28 aset dan inventori tidak dilabelkan dengan Hak Milik

BIL.	PEJABAT NEGERI	PENEMUAN AUDIT
		PERKESO. vi. Tiga (3) aset yang dibeli tidak digunakan. vii. Rekod Pergerakan Kad Inden Minyak tidak disediakan dan tiada bukti pengesahan pemandu dan pegawai kenderaan di Penyata Pembelian Minyak. viii. Rekod Pergerakan Kad Bayaran Tol Tanpa Resit tidak disediakan. ix. Senarai Harta Modal Kerajaan Yang Memerlukan Penyelenggaraan Berjadual (KEW.PA-13) tidak disediakan.
3.	Melaka	i. Penerimaan aset dan barang stor diperakui oleh pegawai yang tidak dilantik. ii. Perbezaan rekod dalam Senarai Aset di Lokasi (KEW.PA-7). iii. Pendaftaran tidak dibuat bagi 2 aset dan inventori. iv. Empat (4) aset tidak dilabel. v. Kerosakan 6 inventori tidak dilaporkan menggunakan Borang Aduan Kerosakan Aset (KEW.PA-9). vi. Pegawai Kenderaan tidak dilantik secara bertulis. vii. Buku Log tidak lengkap. viii. Rekod Pergerakan Kad Inden Minyak tidak disediakan. ix. Rekod Pergerakan dan Penggunaan KSBTTR tidak diselenggara dengan lengkap. x. Senarai Harta Modal Kerajaan Yang Memerlukan Penyelenggaraan Berjadual (KEW.PA-13) tidak disediakan. xi. Penyelenggaraan tidak direkodkan dalam Rekod Penyelenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14).
4.	Kedah	i. Tiada pengesahan penerimaan pada senarai daftar bekalan stok. ii. Daftar Harta Modal/Inventori (KEW.PA-2/KEW.PA-3) dan Senarai Daftar Harta Modal/Inventori (KEW.PA-4/KEW.PA-5) belum dikemas kini. iii. Pendaftaran tiga (3) aset melebihi tempoh 14 hari dari tarikh perakuan terima. iv. Senarai aset di Lokasi (KEW.PA-7) tidak disediakan mengikut format yang ditetapkan. v. Daftar Pergerakan Harta Modal/ Aset Bernilai Rendah (KEW.PA-6) tidak diselenggara. vi. Kad Petak (KEW.PS-4) tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. vii. Baki fizikal dan baki rekod alat tulis di sistem EPS adalah berbeza. viii. Sepuluh (10) aset dan inventori tidak dilabelkan Hak Milik PERKESO. ix. Lapan (8) aset dan inventori tidak digunakan. x. Laporan kerosakan tidak dibuat dengan menggunakan Borang Aduan Kerosakan Aset (KEW.PA-9). xi. Pemeriksaan Aset tidak dibuat sekurang-kurangnya sekali setahun. xii. Pegawai kenderaan tidak dilantik secara bertulis. xiii. Rekod Pergerakan Kad Inden Minyak tidak disediakan. xiv. Tiada bukti semakan pada Penyata Petronas <i>Smartpay</i> dan resit asal pembelian minyak. xv. Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan KSBTTR tidak diselenggara.
5.	Perlis	i. Kad Petak (KEW.PS-4) tidak kemas kini. ii. Borang Aduan Kerosakan Aset (KEW.PA-9) tidak diselenggara. iii. Pegawai kenderaan tidak dilantik secara bertulis. iv. Rekod Pergerakan Kad Inden Minyak tidak lengkap dan kemas kini serta tiada bukti pengesahan dibuat dengan resit pembelian. v. Rekod Pergerakan dan Penggunaan KSBTTR tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. vi. Senarai Harta Modal Kerajaan Yang Memerlukan Penyelenggaraan Berjadual (KEW.PA-13) dan Rekod Penyelenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14) tidak diselenggara. vii. Laporan Lembaga Pemeriksa (KEW.PA-17) tidak dikemukakan. viii. Sijil Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-19) tidak disediakan.
6.	Terengganu	i. Daftar Harta Modal/Inventori (KEW.PA-2/KEW.PA-3) tidak kemas kini. ii. Senarai Aset Di Lokasi (KEW.PA-7) bagi dua (2) lokasi tidak disediakan. iii. Sebanyak 20 aset dan inventori tidak dilabelkan dengan Hak Milik PERKESO manakala 6 aset tidak dilabel nombor siri pendaftaran. iv. Daftar Pergerakan Harta Modal/Aset Bernilai Rendah (KEW.PA-6) tidak disediakan. v. Terdapat perbezaan nombor siri pendaftaran bagi 15 aset dan inventori antara Laporan Pemeriksaan Harta Modal/Inventori (KEW.PA-10/KEW.PA-


BIL.	PEJABAT NEGERI	PENEMUAN AUDIT
		11) berbanding Senarai Daftar Harta Modal/Inventori (KEW.PA-4/KEW.PA-5). vi. Enam (6) aset dalam Senarai Daftar Harta Modal (KEW.PA-4) tidak tersenarai dalam Laporan Pemeriksaan Harta Modal (KEW.PA-10). vii. Laporan Tahunan Keseluruhan Pengurusan Stor (KEW.PS-15) dan Penyata Penyelaras Stok (KEW.PS-17) tidak disediakan. viii. Buku Log tidak lengkap dan kemas kini. ix. Rekod Pergerakan Kad Inden Minyak tidak disediakan. x. Senarai Harta Modal Kerajaan Yang Memerlukan Penyelenggaraan Berjadual (KEW.PA-13) dan Rekod Penyelenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14) tidak disediakan.
7.	Sabah	i. Tiga (3) Senarai Aset Di Lokasi (KEW.PA-7) tidak disediakan. ii. Borang Aduan Kerosakan Aset (KEW.PA-9) tidak diselenggara. iii. Daftar Pergerakan Harta Modal/Aset Bernilai Rendah (KEW.PA-6) tidak diselenggara. iv. Buku Log tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. v. Rekod Pergerakan Kad Inden Minyak tidak diselenggara. vi. Senarai Harta Modal Kerajaan Yang Memerlukan Penyelenggaraan Berjadual (KEW.PA-13) dan Rekod Penyelenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14) tidak diselenggara.

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.6.5 Prestasi Badan Berkanun Persekutuan (BBP)

3.6.5.1 Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan BBP pada tahun 2016 menunjukkan peningkatan. Analisis menunjukkan 16 BBP (42.1%) berada di tahap **Cemerlang**, 19 BBP (50%) di tahap **Baik**, tiga (3) BBP (7.9%) di tahap **Memuaskan**. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan BBP secara keseluruhan bagi tempoh tahun 2014 sehingga 2016 adalah seperti **Carta 3.35**.


CARTA 3.35
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN BBP
BAGI TAHUN 2014 SEHINGGA 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara

3.6.5.2 Pencapaian tahap prestasi pengurusan kewangan bagi 38 BBP yang dinilai pada tahun 2016 adalah seperti **Carta 3.36**.

CARTA 3.36
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN 38 BBP BAGI TAHUN 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: * Agensi pertama kali diberi penarafan mengikut kriteria penilaian pengurusan kewangan BBP

3.6.5.3 Perbandingan prestasi pengurusan kewangan BBP bagi tahun 2013 dan 2016 menunjukkan berlaku peningkatan dan penurunan terhadap prestasi pengurusan kewangan. Maklumat lanjut berkaitan kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan BBP bagi tahun 2013 dan 2016 adalah seperti **Jadual 3.11**. Sebanyak 19 BBP menunjukkan peningkatan prestasi antara 0.1% hingga

22.3% seperti **Carta 3.37** manakala 18 BBP menunjukkan penurunan prestasi antara 0.4% hingga 8.9% seperti **Carta 3.38**. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) baru pertama kali diberi penarafan mengikut kriteria penilaian pengurusan kewangan BBP.

JADUAL 3.11
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN 38 BBP
BAGI TAHUN 2016 BERBANDING 2013

BIL.	BBP	2013		2016	
		(%)	K	(%)	K
1.	Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)	91.65	6 / 37	94.38	1 / 38
2.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	96.67	1 / 37	94.28	2 / 38
3.	Universiti Malaya (UM)	86.37	23 / 37	92.56	3 / 38
4.	Universiti Malaysia Pahang (UMP)	86.03	25 / 37	92.44	4 / 38
5.	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	93.04	3 / 37	92.08	5 / 38
6.	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	83.77	28 / 37	91.60	6 / 38
7.	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)	85.67	26 / 37	91.58	7 / 38
8.	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)	69.30	37 / 37	91.55	8 / 38
9.	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	92.69	4 / 37	91.41	9 / 38
10.	Universiti Putra Malaysia (UPM)	93.07	2 / 37	91.30	10 / 38
11.	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	91.99	5 / 37	90.97	11 / 38
12.	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	89.23	9 / 37	90.88	12 / 38
13.	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	83.64	30 / 37	90.71	13 / 38
14.	Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)	87.08	19 / 37	90.34	14 / 38
15.	Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)	88.20	14 / 37	90.12	15 / 38
16.	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	88.72	13 / 37	90.05	16 / 38
17.	Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA)	86.75	10 / 37	89.90	17 / 38
18.	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	88.82	34 / 37	89.87	18 / 38
19.	Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)	81.36	20 / 37	89.64	19 / 38
20.	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	88.77	11 / 37	88.39	20 / 38
21.	Universiti Sains Malaysia (USM)	88.75	12 / 37	87.55	21 / 38
22.	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	85.63	27 / 37	87.50	22 / 38
23.	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	88.09	15 / 37	87.46	23 / 38
24.	Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)	82.72	32 / 37	87.18	24 / 38


BIL.	BBP	2013		2016	
		(%)	K	(%)	K
25.	Lembaga Tabung Haji (LTH)	86.73	21 / 37	86.80	25 / 38
26.	Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)	87.84	17 / 37	86.55	26 / 38
27.	Lembaga Getah Malaysia (LGM)	83.69	29 / 37	86.29	27 / 38
28.	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	97.30	*	85.75	28 / 38
29.	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	88.06	16 / 37	85.28	29 / 38
30.	Universiti Utara Malaysia (UUM)	86.28	24 / 37	84.50	30 / 38
31.	Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)	90.55	8 / 37	84.29	31 / 38
32.	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	69.51	36 / 37	84.21	32 / 38
33.	Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)	83.54	31 / 37	82.97	33 / 38
34.	Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)	86.39	22 / 37	82.60	34 / 38
35.	Bank Simpanan Nasional (BSN)	90.61	7 / 37	81.76	35 / 38
36.	Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LABUAN FSA)	87.32	18 / 37	79.22	36 / 38
37.	Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA)	81.51	33 / 37	76.74	37 / 38
38.	Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)	78.98	35 / 37	75.97	38 / 38

Nota: K – Kedudukan

* Penarafan pertama kali pada tahun 2016 berdasarkan kriteria penilaian pengurusan kewangan BBP. Pengauditan DBKL pada tahun 2013 berdasarkan kriteria penilaian pengurusan kewangan Agensi Kerajaan Persekutuan


Sangat Baik/ Cemerlang (Bermula 2015)
 Baik
 Memuaskan

CARTA 3.37
PENINGKATAN TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN 19 BBP
BAGI TAHUN 2016 BERBANDING 2013



Sumber: Jabatan Audit Negara

CARTA 3.38
PENURUNAN TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN 18 BBP
BAGI TAHUN 2016 BERBANDING 2013




Sumber: Jabatan Audit Negara

3.6.5.4 Prestasi Badan Berkanun Persekutuan Mengikut Kawalan

Analisis Audit terhadap aspek utama pengurusan kewangan merangkumi kawalan terhadap Pengurusan, Bajet, Terimaan, Pengurusan Perolehan dan Perbelanjaan telah menunjukkan pencapaian yang baik pada tahun 2016. Sebanyak 26 BBP (68.4%) mencapai tahap **Cemerlang** untuk Kawalan Pengurusan, 32 BBP (84.2%) untuk Kawalan Bajet, 29 BBP (76.3%) untuk

Kawalan Terimaan, 23 BBP (60.5%) untuk Pengurusan Perolehan dan 21 BBP (55.3%) untuk Kawalan Perbelanjaan. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 3.39**.


CARTA 3.39
PRESTASI KAWALAN PENGURUSAN, BAJET, TERIMAAN,
PENGURUSAN PEROLEHAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara

Analisis Audit terhadap pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit; Aset dan Stor; Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan mendapati 18 BBP (47.4%) mencapai tahap **Cemerlang** dalam Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit; 17 BBP (44.7%) dalam Pengurusan Aset dan Stor; 34 BBP (89.5%) dalam Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman; dan tujuh (7) BBP (18.4%) dalam Pengurusan Penyata Kewangan. Selain itu, dua (2) BBP (5.3%) berada di tahap **Tidak Memuaskan** bagi Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit serta Pengurusan Aset dan Stor; satu (1) BBP (2.6%) dalam Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman; dan empat (4) BBP (10.5%) dalam Pengurusan Penyata Kewangan. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 3.40**.

CARTA 3.40
PRESTASI KAWALAN KUMPULAN WANG PINJAMAN DAN DEPOSIT,
ASET DAN INVENTORI, PELABURAN DAN PINJAMAN SERTA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara

a. Kawalan Pengurusan


i. Analisis menunjukkan 26 BBP (68.4%) berada di tahap **Cemerlang**, 11 BBP (28.9%) menunjukkan tahap **Baik** dan satu (1) BBP (2.6%) menunjukkan tahap **Memuaskan**. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- Pegawai terlibat dengan pengurusan kewangan tidak diberi kuasa secara bertulis;
- Pusingan tugas tidak dilaksanakan;
- Manual Prosedur Kerja tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini;
- Penempatan secara pentadbiran tidak mendapat kelulusan JPA;
- Pengisian perjawatan tidak mengikut waran;
- Latihan bagi pegawai tidak mengikut tempoh yang ditetapkan; dan

- Pemeriksaan mengejut tidak dijalankan mengikut peraturan.

ii. Pencapaian dari aspek Kawalan Pengurusan adalah seperti **Carta 3.41**.

CARTA 3.41
PRESTASI KAWALAN PENGURUSAN




Sumber: Jabatan Audit Negara

iii. Analisis Audit terhadap prestasi mengikut elemen di bawah Kawalan Pengurusan menunjukkan sebanyak 33 BBP mencapai tahap **Cemerlang** dalam struktur organisasi, diikuti dengan 27 BBP mencapai tahap **Cemerlang** dalam sistem dan prosedur. Selain itu, 27 BBP pula mendapat tahap **Cemerlang** dalam Jawatankuasa Kewangan dan Unit

Audit Dalam (UAD) manakala 21 BBP mencapai tahap **Cemerlang** dalam pengurusan sumber manusia. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 3.42**.

CARTA 3.42
PRESTASI MENGIKUT ELEMEN KAWALAN PENGURUSAN




Sumber: Jabatan Audit Negara

b. Kawalan Bajet

- i. Analisis menunjukkan 32 BBP (84.2%) berada di tahap **Cemerlang**, tiga (3) BBP (7.9%) menunjukkan prestasi di tahap **Baik** dan tiga (3) BBP (7.9%) adalah di tahap **Memuaskan**. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:
 - Cadangan bajet tidak mengambil input daripada bahagian/cawangan, tidak diluluskan oleh Ketua Eksekutif/Ketua Pengarah dan tidak dibentangkan kepada Lembaga Pengarah;
 - Pindah peruntukan tidak diluluskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis; dan
 - Pindah peruntukan tidak dikemas kini dalam Buku Vot.
- ii. Pencapaian dari aspek Kawalan Bajet adalah seperti **Carta 3.43**.


CARTA 3.43
PRESTASI KAWALAN BAJET



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Analisis Audit terhadap prestasi mengikut elemen di bawah Kawalan Bajet menunjukkan 34 BBP yang diaudit mendapat tahap **Cemerlang** bagi Penyediaan Bajet, 30 BBP mendapat tahap **Cemerlang** bagi Kelulusan Viremen/Pindah/Tambahan Peruntukan dan 30 BBP mendapat tahap **Cemerlang** bagi Pemantauan Kemajuan/Prestasi Perbelanjaan seperti **Carta 3.44**.

CARTA 3.44
PRESTASI MENGIKUT ELEMEN KAWALAN BAJET



Sumber: Jabatan Audit Negara


c. Kawalan Terimaan

- i. Analisis menunjukkan 29 BBP (76.3%) mencapai tahap **Cemerlang**, lima (5) BBP (13.2%) di tahap **Baik**, dua (2) BBP (5.3%) di tahap **Memuaskan** dan dua (2) BBP (5.3%) di tahap **Kurang Memuaskan**. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:
 - Baki stok Borang Hasil tidak bersamaan dengan baki sebenar;
 - Resit Rasmi tidak direkodkan dalam Buku Tunai atau Buku Tunai Elektronik pada hari yang sama;
 - Borang Hasil yang diterima tidak disemak dan diperakui betul tentang ketepatan nombor siri di setiap helaian pertama buku resit;
 - Pungutan tidak dimasukkan ke bank dengan segera;
 - Kemasukan pungutan ke bank tidak dicatatkan ke dalam Buku Tunai atau Buku Tunai Elektronik pada hari yang sama;
 - Pegawai bertanggungjawab tidak menyemak slip bayar masuk bank selepas kemasukan ke bank bagi menentukan jumlah sebenar yang telah dibankkan;

- Laporan penghutang dan laporan pengumuman penghutang tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini; dan
- Tindakan susulan tidak diambil terhadap jumlah hutang tertunggak dan tunggakan yang tidak dapat dipungut tidak dilaporkan.

ii. Pencapaian dari aspek Kawalan Terimaan adalah seperti **Carta 3.45**.


CARTA 3.45
PRESTASI KAWALAN TERIMAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Analisis Audit terhadap prestasi mengikut elemen di bawah Kawalan Terimaan menunjukkan lebih 50% BBP mendapat tahap **Cemerlang** dalam Pengurusan Borang Hasil, Peraturan Penerimaan Wang, Kemasukan Pungutan Ke Bank, Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil dan Pemantauan Terhadap Penghutang. Selain itu, hanya satu (1) BBP di tahap **Tidak Memuaskan** bagi Pengurusan Borang Hasil, empat (4) BBP di tahap **Tidak Memuaskan** bagi Kemasukan Pungutan Ke Bank dan tiga (3) BBP di tahap **Tidak Memuaskan** bagi Pemantauan Terhadap Penghutang. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 3.46**.

CARTA 3.46
PRESTASI MENGIKUT ELEMEN KAWALAN TERIMAAN




Sumber: Jabatan Audit Negara

d. Pengurusan Perolehan

- i. Analisis menunjukkan 23 BBP (60.5%) mencapai tahap **Cemerlang**, 14 BBP (36.9%) di tahap **Baik** dan satu (1) BBP (2.6%) di tahap **Memuaskan**. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:
- Perancangan Perolehan Tahunan tidak disediakan untuk semua urusan tender yang hendak dilaksanakan, tidak disahkan oleh Pegawai Pegawal dan tidak dikemukakan kepada Kementerian Kewangan dalam tempoh yang ditetapkan;

- Pembelian terus bagi bekalan/perkhidmatan melebihi had yang ditetapkan;
 - Kajian pasaran tidak dibuat;
 - Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga dan Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga tidak dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan;
 - Minit mesyuarat keputusan Sebut Harga tidak disediakan;
 - Bon pelaksanaan tidak dikutip mengikut kadar yang ditetapkan;
 - Pengurusan perolehan secara tender tidak teratur;
 - Kontrak yang ditandatangani tidak didaftarkan dalam Daftar Kontrak;
 - Daftar/rekod pembayaran kontrak tidak diselenggarakan;
 - Klausula Pencegahan Rasuah tidak dimasukkan dalam kontrak; dan
 - Syarat kontrak tidak disemak dan diluluskan oleh Penasihat Undang–Undang Agensi atau Panel Peguam.
- ii. Pencapaian dari aspek Pengurusan Perolehan adalah seperti **Carta 3.47**.


CARTA 3.47
PRESTASI PENGURUSAN PEROLEHAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Analisis Audit terhadap prestasi mengikut elemen di bawah Pengurusan Perolehan mendapati 18 BBP mendapat tahap **Cemerlang** dalam Kawalan Am, 29 BBP mendapat tahap **Cemerlang** dalam Kaedah Perolehan dan 20 BBP mendapat tahap **Cemerlang** dalam Pengurusan Kontrak. Selain itu, tiga (3) BBP di tahap **Tidak Memuaskan** bagi Kawalan Am dan satu (1) BBP di tahap **Tidak Memuaskan** bagi Pengurusan Kontrak. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 3.48**.

CARTA 3.48
PRESTASI MENGIKUT ELEMEN PENGURUSAN PEROLEHAN



Sumber: Jabatan Audit Negara


e. Kawalan Perbelanjaan

- i. Analisis menunjukkan 21 BBP (55.3%) berada pada tahap prestasi yang **Cemerlang**, 13 BBP (34.2%) di tahap **Baik** dan empat (4) BBP (10.5%) di tahap **Memuaskan**. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:
 - Penyata Penyesuaian Bank tidak disediakan mengikut tempoh yang ditetapkan, tidak disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab dan pelarasan tidak dibuat terhadap item yang tidak disesuaikan;
 - Capaian dalam sistem terhadap kelulusan baucar bayaran tidak dibatalkan bagi pegawai yang bertukar/berhenti/bersara;
 - Had kuasa meluluskan baucar bayaran yang ditetapkan dalam sistem tidak selaras dengan perwakilan kuasa;
 - Baucar bayaran ditandatangani oleh pegawai yang tidak diberi kuasa, melebihi had kuasa berbelanja yang dibenarkan serta tidak disokong dengan dokumen sokongan asal, lengkap dan sempurna;
 - Pengasingan tugas tidak diwujudkan di antara pegawai yang menyedia dan meluluskan baucar;

- Daftar Bil tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini;
- Bil tidak dijelaskan dalam tempoh 14 hari dari tarikh ia diterima atau tempoh yang ditetapkan oleh Agensi; dan
- Baki wang tunai di tangan tidak sama dengan baki pada Buku Tunai Wang Runcit.

ii. Pencapaian dari aspek Kawalan Perbelanjaan adalah seperti **Carta 3.49**.


CARTA 3.49
PRESTASI KAWALAN PERBELANJAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Analisis Audit terhadap prestasi mengikut elemen di bawah Kawalan Perbelanjaan mendapati 33 BBP mendapat tahap **Cemerlang** bagi Kawalan Am, 14 BBP bagi Perakaunan Perbelanjaan dan 29 BBP bagi elemen Pengurusan Pembayaran. Selain itu, masing-masing satu (1) BBP di tahap **Tidak Memuaskan** bagi elemen Kawalan Am dan Perakaunan Perbelanjaan. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 3.50**.

CARTA 3.50
PRESTASI MENGIKUT ELEMEN KAWALAN PERBELANJAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

f. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit


- i. Analisis menunjukkan sebanyak 18 BBP (47.4%) mencapai tahap **Cemerlang**, 13 BBP (34.2%) di tahap **Baik**, tiga (3) BBP (7.9%) di tahap **Memuaskan**, dua (2) BBP (5.3%) di tahap **Kurang Memuaskan** dan dua (2) BBP (5.3%) di tahap **Tidak Memuaskan**. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- Kelulusan pinjaman tidak direkod dalam buku perkhidmatan, resit pembelian tidak difailkan dalam fail peribadi, daftar pendahuluan diri tidak diselenggarakan dengan lengkap, bayaran balik dan penyelarasan tidak dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan serta penalti tidak dikenakan bagi bayaran yang lewat dijelaskan; dan
- Lejar am deposit tidak diselenggara dengan lengkap, lejar subsidiari tidak diselenggara walaupun terdapat banyak deposit yang sama

jenisnya serta deposit tidak diwartakan bagi yang tidak dituntut melebihi 12 bulan daripada tarikh deposit tidak diperlukan.

- ii. Pencapaian dari aspek Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit adalah seperti **Carta 3.51**.


CARTA 3.51
PRESTASI PENGURUSAN KUM PULAN WANG PINJAMAN DAN DEPOSIT



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Analisis Audit terhadap prestasi mengikut elemen di bawah Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit menunjukkan sembilan (9) BBP mencapai tahap **Cemerlang** dalam Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan 27 BBP berada di tahap **Cemerlang** dalam Pengurusan Akaun Deposit. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 3.52**.

CARTA 3.52
PRESTASI MENGIKUT ELEMEN
PENGURUSAN KUMPULAN WANG PINJAMAN DAN DEPOSIT



Sumber: Jabatan Audit Negara


g. Pengurusan Aset dan Stor

- i. Analisis menunjukkan 17 BBP (44.7%) mencapai tahap **Cemerlang**, 10 BBP (26.3%) menunjukkan prestasi **Baik**, lima (5) BBP (13.2%) di tahap **Memuaskan**, empat (4) BBP (10.5%) di tahap **Kurang Memuaskan** dan dua (2) BBP (5.3%) di tahap **Tidak Memuaskan**. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:
 - Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan tidak ditubuhkan, laporan berkaitan pengurusan aset tidak disediakan dan tidak dikemukakan kepada kementerian mengikut tempoh yang ditetapkan. Selain itu, tiada pelantikan pegawai penerima aset dibuat;
 - Daftar Harta Modal (KEW.PA-2) dan Daftar Inventori (KEW.PA-3) tidak diselenggarakan dengan lengkap. Senarai Aset Di Lokasi (KEW.PA-7) tidak disediakan dan Kad Kawalan Stok [KEW.PS-3 (Stor Pusat dan Stor Utama)] dan Kad Petak [KEW.PS-4 (Stor Pusat, Stor Utama dan Stor Unit)] juga tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;
 - Pemeriksaan aset tidak dilaksanakan mengikut peraturan, Pegawai Pemeriksa Aset dan Stok tidak dilantik secara bertulis dan Laporan Pemeriksaan Harta Modal (KEW.PA-10) dan Laporan Pemeriksaan

Inventori (KEW.PA-11) serta Laporan Pemeriksaan (KEW.PS-14) tidak disediakan. Selain itu, Pegawai Pemverifikasi Stok juga tidak dilantik dan verifikasi stok tidak dilaksanakan;

- Fail Sejarah dan Buku Log Kenderaan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden juga tidak dikemas kini dengan lengkap dan Kad Inden Minyak tidak disimpan oleh Pegawai Kenderaan;
 - Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan (KEW.PA-13) dan program penyenggaraan tidak disediakan oleh agensi. Selain itu, penyenggaraan yang dilaksanakan tidak direkod dengan lengkap dan kemas kini dalam Daftar Penyenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14);
 - Pelupusan aset tidak dilaksanakan dengan teratur; dan
 - Kehilangan dan hapus kira tidak diurus dengan teratur.
- ii. Pencapaian dari aspek Pengurusan Aset dan Stor adalah seperti **Carta 3.53**.


CARTA 3.53
PRESTASI PENGURUSAN ASET DAN STOR



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Analisis Audit terhadap prestasi mengikut elemen di bawah Pengurusan Aset dan Stor menunjukkan BBP telah mencapai tahap **Cemerlang** iaitu sebanyak 21 BBP bagi Kawalan Am, 27 BBP bagi Pengurusan Penerimaan Aset, 18 BBP bagi Pendaftaran Aset dan 17 BBP bagi Penggunaan, Penyimpanan dan Pemeriksaan Aset. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 3.54**.


CARTA 3.54
PRESTASI MENGIKUT ELEMEN PENGURUSAN ASET DAN STOR



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Selain itu, 25 BBP mencapai tahap **Cemerlang** dalam Penyenggaraan Aset, 27 BBP bagi Pelupusan Aset dan dua (2) BBP bagi Kehilangan dan Hapus Kira. Terdapat BBP di tahap **Tidak Memuaskan** iaitu sembilan (9) BBP bagi Penyenggaraan Aset, satu (1) BBP bagi Pelupusan dan sepuluh (10) BBP bagi Kehilangan Dan Hapus Kira. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 3.55**.

CARTA 3.55
PRESTASI MENGIKUT ELEMEN PENGURUSAN ASET DAN STOR




Sumber: Jabatan Audit Negara

h. Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman

- i. Analisis menunjukkan 34 BBP mencapai tahap **Cemerlang**, satu (1) BBP di tahap **Baik** dan **Tidak Memuaskan** manakala dua (2) BBP **Tidak Berkenaan**. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:
 - Polisi dan prosedur berkaitan pelaburan serta laporan berkala untuk memantau pelaburan tidak disediakan;
 - Laporan Jawatankuasa Pelaburan tidak dilaporkan ke Lembaga Pengarah Agensi;
 - Rekod pinjaman tidak lengkap, teratur dan kemas kini;
 - Perjanjian pinjaman tidak disediakan;
 - Pembayaran balik tidak mengikut jadual yang ditetapkan; dan
 - Tiada tindakan diambil terhadap peminjam yang mempunyai tunggakan bayaran balik.
- ii. Pencapaian dari aspek Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman adalah seperti **Carta 3.56**.

CARTA 3.56
PRESTASI PENGURUSAN PELABURAN DAN PINJAMAN




Sumber: Jabatan Audit Negara

i. **Pengurusan Penyata Kewangan**

- i. Analisis menunjukkan tujuh (7) BBP (18.4%) mempunyai prestasi pada tahap **Cemerlang**, 15 BBP (39.5%) berada di tahap **Baik**, tujuh (7) BBP (18.4%) di tahap **Memuaskan**, lima (5) BBP (13.2%) di tahap **Kurang Memuaskan** dan empat (4) BBP (10.5%) di tahap **Tidak Memuaskan**. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:
- Sijil Pematuhan SAGA tidak diperoleh daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia;
 - Jawatankuasa Pelaksana SAGA tidak ditubuhkan dan tidak bermesyuarat;
 - Penyata kewangan yang dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara mempunyai kesilapan persembahan, pengiraan dan angka; dan
 - Penyerahan Laporan Tahunan ke kementerian tidak dibuat selaras dengan peraturan iaitu sebelum 30 September setiap tahun.
- ii. Pencapaian dari aspek Pengurusan Penyata Kewangan adalah seperti **Carta 3.57**.


CARTA 3.57
PRESTASI PENGURUSAN PENYATA KEWANGAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Analisis Audit terhadap prestasi mengikut elemen di bawah Pengurusan Penyata Kewangan menunjukkan sebanyak enam (6) BBP mendapat tahap **Cemerlang** bagi Pelaksanaan Sistem Perakaunan dan Kewangan Berkomputer dan 29 BBP mendapat tahap **Cemerlang** bagi Penyerahan Dan Pembentangan Penyata Kewangan seperti **Carta 3.58**.

CARTA 3.58
PRESTASI MENGIKUT ELEMEN PENGURUSAN PENYATA KEWANGAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

3.7 SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun 2016 berada pada tahap **Baik** berdasarkan kepada markah keseluruhan pematuhan terhadap peraturan pengurusan kewangan. Bagaimanapun, terdapat beberapa Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan yang perlu meningkat dan memantapkan lagi kawalan dalaman pengurusan kewangan agar isu yang dibangkitkan tidak berulang serta mengurangkan risiko ketidakpatuhan yang lebih serius. Sehubungan itu, Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti yang berikut:

- 3.7.1** Memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan dengan memberi latihan sewajarnya secara berterusan. Selain itu, penilaian ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai berkenaan hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa;
- 3.7.2** Pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di Bahagian lain memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan sampel dan skop yang terhad;

- 3.7.3** Memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan pembetulan dan pencegahan.
- 3.7.4** Ketua Jabatan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang telah dipastikan melakukan ketidakpatuhan serius sehingga menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan menjejaskan imej Kerajaan;
- 3.7.5** Berusaha mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik untuk mengekalkan kecemerlangan tahap prestasi pengurusan kewangan. Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Daripada Perspektif Jabatan Audit Negara Edisi 2 boleh dijadikan rujukan;
- 3.7.6** Menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan yang terlibat dalam pengurusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi serta penglibatan secara *hands on* dalam urusan tersebut; dan
- 3.7.7** Melaksanakan pusingan tugas setiap lima (5) tahun terhadap pegawai yang diberi tanggungjawab kewangan terutamanya pengurusan terimaan, perolehan serta perbelanjaan untuk memastikan tiada ruang dan peluang untuk pegawai melakukan ketidakpatuhan yang serius.

KEMENTERIAN LUAR NEGERI

4. PENGURUSAN KEWANGAN PEJABAT PERWAKILAN MALAYSIA DI LUAR NEGERA

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Kementerian Luar Negeri (Kementerian) adalah bertanggungjawab untuk memelihara, mengukuh dan mempertingkatkan hubungan dan kerjasama dua hala antara Malaysia dengan negara luar. Ia merangkumi pelbagai bidang iaitu politik dan keselamatan; perdagangan dan pelaburan; kebudayaan dan sosial; sains dan teknologi; pelancongan dan pendidikan. Untuk tujuan ini, Kementerian telah menubuhkan 106 pejabat perwakilan di 81 buah negara. Semua pejabat tersebut diketuai sama ada oleh Duta Besar, Wakil Tetap, Pesuruhjaya Tinggi, Konsul Jeneral atau Konsul. Berdasarkan rekod Jabatan Akauntan Negara (JANM) perbelanjaan mengurus bagi semua pejabat perwakilan Malaysia di luar negara bagi tahun 2016 adalah berjumlah RM390.64 juta.

4.1.2. Mulai tahun 2013, Sistem Perakaunan Luar Negeri (SPLN) telah mula digunakan secara berperingkat oleh pejabat perwakilan Malaysia di luar negara. Semua transaksi terimaan dan bayaran yang dilaksanakan melalui SPLN di luar negara dapat dikemas kini secara automatik ke dalam *Government Financial Management and Accounting System* (GFMAS) setiap hari berbanding purata dua (2) bulan kelewatan yang lazimnya berlaku semasa menggunakan kaedah manual. Rekod kewangan yang melibatkan transaksi bayaran; terimaan; deposit dan pendahuluan seperti Baucar Bayaran; Buku Vot; Laporan Bulanan; Buku Tunai; Penyata Terimaan dan Bayaran; Resit; Penyata Pemungut; Penyata Terimaan dan Serahan; Senarai Kedudukan Pendahuluan; Lejar dan Penyata Baki Individu Akaun Deposit juga boleh dijana daripada SPLN. Dengan itu, SPLN dapat memudahkan proses kerja dan mengurangkan risiko kesilapan perekodan. Bagi transaksi bayaran, terdapat dua (2) kemudahan yang boleh digunakan oleh pejabat perwakilan iaitu secara *Telegraphic Transfer* (TT) dan Panjar 3/12. Pada tahun 2016, SPLN telah ditambah baik kepada 1SPLN selaras dengan pelaksanaan perakaunan akrual. Sehingga 31 Disember 2016, sebanyak 101 (95.3%) daripada 106 pejabat perwakilan telah melaksanakan 1SPLN.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pejabat perwakilan Malaysia di luar negara melaksanakan pengurusan kewangan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

4.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan memberi tumpuan terhadap lima (5) elemen pengurusan kewangan iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Deposit/Pendahuluan serta Pengurusan Aset dan Stor. Transaksi yang disemak adalah transaksi yang berlaku pada tahun 2016 meliputi bulan setakat lawatan Audit dibuat. Selain itu, pengauditan juga dilaksanakan terhadap pengurusan 1SPLN. Pengauditan telah dijalankan di enam (6) pejabat perwakilan Malaysia di luar negara seperti **Jadual 4.1**.

JADUAL 4.1
PEJABAT PERWAKILAN MALAYSIA DI LUAR NEGARA
YANG DIAUDIT PADA TAHUN 2016

PEJABAT PERWAKILAN	PELAKSANAAN SPLN/1SPLN	BULAN LAWATAN AUDIT
Kedutaan Besar Malaysia di Abu Dhabi, UAE	2013/2016	Disember 2016
Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah, Mesir	2014/2016	Disember 2016
Kedutaan Besar Malaysia di Seoul, Korea Selatan	2013/2016	Mac 2016
Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo, Japan	2013/2016	Mac 2016
Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Canberra, Australia	2013/2016	Mei 2016
Konsulat Jeneral Malaysia di Melbourne, Australia	2013/2016	Mei 2016

Sumber: Jabatan Audit Negara

4.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan di pejabat perwakilan Malaysia di luar negara yang dilawati. Selain itu, pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai berkaitan telah dijalankan di pejabat berkenaan. *Exit Conference* bersama Duta Besar Malaysia/Konsulat Jeneral di Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara telah diadakan selepas pengauditan selesai dijalankan.

4.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan di pejabat perwakilan Malaysia di luar negara pada tahun 2016 mendapati secara umumnya tahap prestasi pengurusan kewangan pejabat perwakilan yang dilawati antara bulan Mac hingga Disember 2016 adalah baik. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang memerlukan tindakan penambahbaikan seperti yang berikut:


4.5.1. Kawalan Pengurusan

4.5.1.1. Pengauditan dilaksanakan terhadap aspek kawalan pengurusan meliputi Manual Prosedur Kerja (MPK), Fail Meja, fungsi Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA), penurunan kuasa, tindakan susulan

terhadap teguran Audit yang dibangkitkan dan pemeriksaan mengejut mengikut Arahan Perbendaharaan 309.

4.5.1.2. Semakan Audit mendapati secara umumnya tahap pematuhan terhadap Kawalan Pengurusan bagi semua pejabat perwakilan Malaysia di luar negara yang dilawati adalah memuaskan. Bagaimanapun, pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah, pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Seoul, pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo, pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Canberra dan Konsulat Jeneral Malaysia di Melbourne masih perlu memberi perhatian terhadap MPK, Fail Meja, fungsi JPKA, penurunan kuasa, tindakan susulan terhadap teguran Audit yang dibangkitkan dan pemeriksaan mengejut. Tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan Kawalan Pengurusan adalah seperti **Carta 4.1**.

CARTA 4.1
TAHAP PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN
DALAM KAWALAN PENGURUSAN



Sumber: Jabatan Audit Negara


4.5.2. Kawalan Terimaan

4.5.2.1. Pengauditan terhadap aspek Kawalan Terimaan meliputi perekodan transaksi terimaan, penyelenggaraan Buku Tunai dan Borang Hasil serta kemasukan pungutan ke bank.

4.5.2.2. Pada umumnya, transaksi terimaan secara elektronik telah direkodkan dengan teratur dan dokumen kewangan seperti Buku Tunai; Resit; Penyata Pemungut; Penyata Terimaan dan Serahan serta Penyata Terimaan dan Bayaran telah dijana seperti yang ditetapkan dalam modul 1SPLN. Bagaimanapun, masih

terdapat kelemahan dalam kawalan terimaan seperti pengurusan Borang Hasil di Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo, Jepun dan kemasukan kutipan wang ke bank dengan segera di Kedutaan Besar Malaysia di Abu Dhabi, UAE serta Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah, Mesir. Tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan Kawalan Terimaan adalah seperti **Carta 4.2**.

CARTA 4.2
TAHAP PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN
DALAM KAWALAN TERIMAAN




Sumber: Jabatan Audit Negara

4.5.3. Kawalan Perbelanjaan

4.5.3.1. Pengauditan terhadap aspek Kawalan Perbelanjaan meliputi transaksi perbelanjaan yang direkodkan secara elektronik dan dokumen kewangan seperti Baucar Bayaran; Buku Vot; Laporan Bulanan serta Penyata Terimaan dan Bayaran yang dijana daripada 1SPLN.

4.5.3.2. Semakan Audit mendapati secara umumnya tahap pematuhan terhadap Kawalan Perbelanjaan bagi semua pejabat perwakilan yang dilawati adalah baik. Bagaimanapun, pengurusan penyelenggaraan Daftar Bil perlu dipertingkatkan di Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah, Mesir, Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Canberra dan Konsulat Jeneral Malaysia di Melbourne, Australia bagi memantapkan lagi Kawalan Perbelanjaan di pejabat perwakilan berkenaan. Tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung Kawalan Perbelanjaan adalah seperti **Carta 4.3**.

CARTA 4.3
TAHAP PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN
DALAM KAWALAN PERBELANJAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

4.5.3.3. Semakan selanjutnya terhadap peruntukan dan perbelanjaan mengurus tahun 2016 di peringkat Kementerian dan JANM melalui Penyata Lengkap Perbelanjaan Mengurus Sehingga Bulan 13 Pada 31 Disember 2016 (Laporan A499) yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia mendapati peruntukan yang diluluskan untuk keseluruhan 106 pejabat perwakilan Malaysia di luar negara adalah berjumlah RM390.64 juta dan jumlah tersebut telah dibelanjakan sepenuhnya.

4.5.3.4. Semakan Audit terhadap Laporan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) Pejabat Perwakilan Bil. 4 Tahun 2016 bagi setiap pejabat perwakilan Malaysia di luar negara yang dilawati mendapati peruntukan mengurus adalah berjumlah RM34.34 juta berbanding perbelanjaannya yang berjumlah RM33.03 juta (96.2%). Maklumat peruntukan dan perbelanjaan mengurus bagi setiap pejabat perwakilan Malaysia di luar negara tersebut adalah seperti **Jadual 4.2**.

JADUAL 4.2
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS PEJABAT PERWAKILAN
MALAYSIA DI LUAR NEGARA YANG DILAWATI BAGI TAHUN 2016

PEJABAT PERWAKILAN	PERUNTUKAN	PERBELANJAAN	PERBELANJAAN
	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Kedutaan Besar Malaysia di Abu Dhabi, UAE	4.69	3.85	82.1
Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah, Mesir	3.79	3.59	94.7


PEJABAT PERWAKILAN	PERUNTUKAN	PERBELANJAAN	PERBELANJAAN (%)
	(RM Juta)	(RM Juta)	
Kedutaan Besar Malaysia di Seoul, Korea Selatan	4.64	4.59	98.9
Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo, Japan	14.39	14.35	99.7
Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Canberra, Australia	4.43	4.29	96.8
Konsulat Jeneral Malaysia di Melbourne, Australia	2.40	2.36	98.3
JUMLAH	34.34	33.03	96.2

Sumber : Laporan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun Pejabat Perwakilan Bil. 4 Tahun 2016

4.5.4. Pengurusan Deposit/Pendahuluan

Semakan Audit terhadap Pengurusan Deposit/Pendahuluan mendapati kesemua pejabat perwakilan di luar negara yang dilawati mempunyai akaun deposit/pendahuluan kecuali Kedutaan Besar Malaysia di Abu Dhabi dan Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah. Semakan selanjutnya mendapati secara umumnya, prestasi Pengurusan Deposit/Pendahuluan di empat (4) pejabat perwakilan Malaysia di luar negara yang dilawati adalah baik kecuali di pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Canberra, Australia dan di Konsulat Jeneral Malaysia di Melbourne, Australia pada tahap memuaskan. Tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan Pengurusan Deposit/ Pendahuluan bagi empat (4) pejabat perwakilan Malaysia di luar negara adalah seperti **Carta 4.4**.

CARTA 4.4
TAHAP PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN DALAM
PENGURUSAN DEPOSIT/PENDAHULUAN




Sumber: Jabatan Audit Negara

4.5.5. Pengurusan Aset dan Stor

Semakan Audit mendapati secara umumnya tahap pematuhan terhadap Pengurusan Aset dan Stor bagi semua pejabat perwakilan Malaysia di luar negara yang dilawati adalah memuaskan. Bagaimanapun, pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Abu Dhabi, Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah, Kedutaan Besar Malaysia di Seoul, Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo dan Konsulat Jeneral Malaysia di Melbourne masih belum mematuhi sepenuhnya peraturan berkaitan urusan pendaftaran aset, pelabelan aset, pemeriksaan aset dan penyelenggaraan Buku Log kenderaan rasmi. Semakan Audit mendapati tiada pelupusan aset dilaksanakan di kesemua pejabat perwakilan yang dilawati kecuali di Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Canberra. Tahap pematuhan peraturan kewangan berhubung dengan Pengurusan Aset dan Stor adalah seperti Carta 4.5.

CARTA 4.5
TAHAP PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN
DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR



Sumber: Jabatan Audit Negara

4.5.6. Pengurusan Panjar

Semakan terhadap Pengurusan Panjar meliputi peraturan mengenai buku tunai akaun panjar, penyata penyesuaian dan kawalan buku cek. Secara umumnya, Pengurusan Panjar di pejabat perwakilan Malaysia di luar negara yang dilawati adalah baik kecuali kawalan buku cek di pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Abu Dhabi, Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah, Kedutaan Besar Malaysia di Seoul dan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Canberra. Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Abu Dhabi dan Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah tidak menyimpan stok buku cek yang belum digunakan

dalam peti besi manakala tiada bukti yang menunjukkan buku cek yang diterima daripada bank diperiksa di Kedutaan Besar Malaysia di Seoul. Pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Canberra, Australia pula tidak merekodkan buku cek dan cek yang digunakan untuk pembayaran pada baucar mulai 20 hingga 29 April 2016 di Daftar Kew.67.

4.5.7. Pengurusan Sistem Perakaunan Luar Negeri

4.5.7.1. Di peringkat pejabat perwakilan, semakan Audit telah dijalankan terhadap tiga (3) modul utama 1SPLN iaitu PTJ Kewangan, Panjar 3/12 dan Sistem Lejar Akaun Subsidiari meliputi perkara seperti **Jadual 4.3**.

JADUAL 4.3
ASPEK YANG DILIPUTI BAGI SEMAKAN TERHADAP
PELAKSANAAN SISTEM PERAKAUNAN LUAR NEGERI

MODUL 1SPLN	FUNGSI MODUL	SUB MODUL YANG DILIPUTI
PTJ Kewangan	Merekodkan semua transaksi terimaan dan bayaran melalui TT yang dilakukan oleh PTJ luar negara	Pembayaran Melalui <i>Telegraphic Transfer</i> (TT) • Waran Peruntukan • Baucar Bayaran
Panjar 3/12	Merekodkan semua transaksi terimaan dan bayaran Panjar 3/12 yang dilakukan oleh PTJ luar negara	Panjar 3/12 • Apungan (jika berkaitan) • Baki Awal Panjar • Bayaran • Terimaan • Penyata Pemungut • Deposit • Rekupmen • Penyesuaian Bank • Proses Bulanan
Sistem Lejar Akaun Subsidiari	Mengakaunkan transaksi pendahuluan bagi kakitangan Kerajaan	• Penyelenggaraan Akaun Subsidiari • Proses Kerja Pendahuluan - Bayaran Melalui TT • Proses Kerja Pendahuluan - Bayaran Melalui Panjar 3/12

Sumber: Jabatan Audit Negara

4.5.7.2. Pada umumnya, semakan Audit terhadap pengurusan 1SPLN di pejabat perwakilan Malaysia di luar negara yang dilawati mendapati 1SPLN telah mula dilaksanakan sebagaimana yang dirancang iaitu pada tahun 2016. Secara umumnya, 1SPLN telah membantu memudahkan proses kerja; mengurangkan kadar kesilapan perekodan dan berupaya mengawal perbelanjaan mengikut peruntukan yang disalurkan. Bagaimanapun, terdapat perkara yang perlu diberi perhatian bagi penambahbaikan 1SPLN seperti berikut:

- a. Gangguan rangkaian komputer (networking); dan
- b. Pegawai yang bertukar/tidak bekerja di Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo, Jepun masih berada dalam sistem dan berstatus aktif.

4.5.8. Kawalan Keselamatan Pejabat Perwakilan

4.5.8.1. Perwakilan Malaysia sentiasa menerima kunjungan daripada pelbagai pihak bagi tujuan perbincangan dan lawatan rasmi. Sehubungan itu, adalah penting bagi Perwakilan Malaysia untuk mempunyai pejabat yang berada dalam keadaan rapi, bersih, selesa dan teratur serta selamat.

4.5.8.2. Lawatan Audit mendapati perkara berikut:

- a. Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah, Mesir adalah berhampiran dengan Medan Mustafa Kamal yang kini ditutup dan diawasi oleh pihak tentera 24 jam setiap hari disebabkan medan ini merupakan satu dari kawasan ikon revolusi Mesir. Tujuh (7) perjawatan bagi jawatan pegawai keselamatan telah diluluskan, namun enam (6) daripadanya telah diisi oleh pegawaiambilan tempatan yang terdiri daripada individu pelbagai latar belakang dan tidak mempunyai pengalaman dalam aspek keselamatan secara formal. Selain itu, CCTV hanya dipasang di tingkat bawah bangunan tanpa meliputi lima (5) tingkat yang lain. Sistem lif di pejabat Kedutaan agak uzur dengan hanya tiga (3) orang sahaja yang boleh memasukinya dalam satu-satu masa untuk mengelakkan berlakunya kejadian lif tersekat.
- b. Kelemahan keselamatan di Bangunan Pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia Canberra, Australia antaranya binaan pagar yang rendah, berukuran 3.5 kaki/1.1 meter memudahkan berlakunya pencerobohan, kekurangan kamera litar tertutup, ketiadaan kad akses untuk mengawal orang awam masuk ke kawasan pejabat, papan tanda yang tidak jelas dan alat pemadam api tidak diselenggara untuk memastikan alat tersebut boleh digunakan. Keadaan binaan pagar seperti di **Gambar 4.1** dan **Gambar 4.2**.

GAMBAR 4.1



*Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Canberra,
Australia
- Binaan Pagar Yang Rendah
(30.06.2016)*

GAMBAR 4.2



*Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Canberra,
Australia
- Binaan Pagar Yang Rendah
(30.06.2016)*

4.6. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan dan memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan di pejabat perwakilan Malaysia di luar negara, adalah disyorkan supaya Kementerian mengambil tindakan seperti perkara yang berikut:

- 4.6.1.** Menentukan semua pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan diberikan latihan sewajarnya sebelum bertugas di luar negara bagi memastikan pengurusan kewangan dilaksanakan dengan berkesan dan teratur;
- 4.6.2.** Memastikan setiap pejabat perwakilan mematuhi aspek penting berhubung pengurusan kewangan khususnya pengurusan aset dan stor seperti mendaftar dan melabel aset, melaksanakan pemeriksaan aset dan menyelenggarakan Buku Log Kenderaan dengan lengkap dan kemas kini;
- 4.6.3.** Mengambil tindakan segera dengan memastikan bangunan pejabat perwakilan Malaysia di luar negara dilengkapi dengan kawalan keselamatan sewajarnya dan disenggarakan sebaiknya bagi menjaga keselamatan pejabat dan imej Kerajaan Malaysia; dan
- 4.6.4.** Memastikan masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan Sistem Perakaunan Luar Negeri diberi perhatian oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia dengan sewajarnya bagi memastikan sistem beroperasi dengan baik.

BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

5. PEJABAT PERWAKILAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DI LUAR NEGARA

5.1. LATAR BELAKANG

Pejabat perwakilan di luar negara telah ditubuhkan bertujuan untuk membantu dalam memelihara, mengukuh dan mempertingkatkan hubungan dan kerjasama dua hala dengan negara luar. Ia merangkumi pelbagai bidang politik dan keselamatan, perdagangan dan pelaburan, kebudayaan dan sosial, pelancongan, pendidikan serta sains dan teknologi. Selaras dengan itu, beberapa agensi Badan Berkanun Persekutuan (BBP) telah dibuka dan beroperasi di luar negara untuk mempertingkatkan serta mengukuhkan terutamanya aktiviti perdagangan dan pelaburan serta mempromosikan Malaysia kepada negara luar.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pejabat perwakilan BBP di luar negara mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan.

5.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan memberi tumpuan terhadap lima (5) elemen pengurusan kewangan iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Pendahuluan Diri/Pelbagai dan Deposit serta Pengurusan Aset dan Stor. Transaksi yang disemak adalah transaksi yang berlaku pada tahun 2016 meliputi bulan setakat lawatan Audit dibuat. Pengauditan telah dijalankan di tujuh (7) pejabat perwakilan BBP di luar negara seperti **Jadual 5.1**.

JADUAL 5.1
PEJABAT PERWAKILAN BBP DI LUAR NEGARA
YANG DIAUDIT PADA TAHUN 2016

AGENSI BBP	PEJABAT PERWAKILAN	
	BIL	LOKASI
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)	2	Seoul, Korea Selatan
		Tokyo, Japan
Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM/TOURISM)	2	Seoul, Korea Selatan
		Tokyo, Japan
Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Negara (MATRADE)	3	Seoul, Korea Selatan
		Tokyo, Japan
		Kaherah, Mesir
	7	

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.4 METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan di pejabat perwakilan Malaysia di luar negara yang dilawati. Selain itu, pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai berkaitan telah dijalankan di pejabat berkenaan.

5.5. PENEMUAN AUDIT


Pengauditan yang dijalankan di pejabat perwakilan BBP di luar negara pada tahun 2016 mendapati secara umumnya tahap prestasi pengurusan kewangan pejabat perwakilan berkenaan adalah baik. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan yang memerlukan tindakan penambahbaikan seperti yang berikut:

5.5.1. Kawalan Pengurusan

5.5.1.1. Pengauditan terhadap aspek kawalan pengurusan adalah untuk menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkenaan telah diwujudkan. Aspek kawalan pengurusan yang disemak antaranya adalah penyediaan Manual Prosedur Kerja, Fail Meja, fungsi Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun, penurunan kuasa, tindakan susulan hasil daripada teguran Audit dan pemeriksaan mengejut mengikut Arahan Perbendaharaan 309.

5.5.1.2. Semakan Audit mendapati secara umumnya pematuhan terhadap kawalan pengurusan bagi semua pejabat perwakilan yang dilawati adalah baik. Bagaimanapun, terdapat ketidakpatuhan dalam penyediaan Manual Prosedur Kerja dan kelewatan memberi maklum balas teguran Unit Audit Dalam selama 17 hari dari tempoh yang ditetapkan di Pejabat LPPM Tokyo. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan Kawalan Pengurusan adalah seperti **Carta 5.1**.

CARTA 5.1
TAHAP PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN
DALAM KAWALAN PENGURUSAN




Sumber: Jabatan Audit Negara

5.5.2. Kawalan Perbelanjaan

5.5.2.1. Pengauditan terhadap aspek Kawalan Perbelanjaan adalah untuk memastikan wang awam dibelanjakan dengan cekap dan berhemah selaras dengan undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan. Pihak Audit tidak menjalankan semakan mengenai pengurusan perbelanjaan di Pejabat MATRADE di Kaherah kerana fungsi tersebut telah diambil alih oleh pejabat MATRADE di Jeddah, Arab Saudi. Secara umumnya, prestasi Kawalan Perbelanjaan bagi enam (6) pejabat perwakilan yang dilawati adalah baik. Bagaimanapun, pejabat MIDA dan LPPM di Seoul dan pejabat MIDA dan LPPM di Tokyo tidak mematuhi sepenuhnya peraturan berhubung dengan penyelenggaraan Buku Vot, Daftar Bil dan prosedur pembayaran. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung Kawalan Perbelanjaan adalah seperti **Carta 5.2**.

**CARTA 5.2.
TAHAP PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN
DALAM KAWALAN PERBELANJAAN**




Sumber: Jabatan Audit Negara

5.5.2.2. Semakan Audit mendapati Buku Vot di Pejabat MIDA Seoul dan Tokyo tidak dapat disediakan dengan lengkap dan teratur kerana masalah sistem SAGA 8.2, manakala perbelanjaan telah melebihi peruntukan di Pejabat LPPM Seoul dan Tokyo. Selain itu, terdapat bil yang masih belum dijelaskan walaupun melebihi tempoh 14 hari di Pejabat LPPM di Tokyo.

5.5.3. Pengurusan Pendahuluan Diri/Pelbagai dan Deposit

5.5.3.1. Secara umumnya, Pengurusan Pendahuluan Diri/Pelbagai adalah untuk memastikan pendahuluan diberi mengikut had yang dibenarkan dan diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Pengurusan deposit bertujuan memastikan wang deposit yang diakaunkan dengan teratur. Wang ini akan dikembalikan apabila ia tidak lagi diperlukan. Semakan Audit mendapati Pejabat MIDA di Seoul dan Tokyo serta Pejabat MATRADE di Kaherah tidak menguruskan pendahuluan diri/pelbagai dan deposit. Secara keseluruhannya, prestasi Pengurusan Pendahuluan Diri/Pelbagai dan Deposit di empat (4) pejabat perwakilan yang dilawati adalah baik. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan Pengurusan Pendahuluan Diri/Pelbagai dan Deposit adalah seperti **Carta 5.3**.

CARTA 5.3.
TAHAP PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN DALAM
PENGURUSAN PENDAHULUAN DIRI/PEBAGAI DAN DEPOSIT




Sumber: Jabatan Audit Negara

5.5.4. Pengurusan Aset Dan Stor

5.5.4.1. Pengauditan ini dijalankan bertujuan untuk memastikan aset dan stor yang diperoleh untuk kegunaan pejabat direkodkan, disimpan dan dikawal dengan sempurna. Secara keseluruhannya, pematuhan terhadap Pengurusan Aset dan Stor oleh pejabat perwakilan adalah baik. Bagaimanapun, masih terdapat ketidakpatuhan antaranya aset tidak didaftarkan, tiada bukti pemeriksaan aset dan Buku Log Kenderaan tidak dilengkapi, dikemas kini serta tidak disemak oleh pegawai bertanggungjawab di Pejabat MIDA di Tokyo dan pejabat LPPM di Seoul serta pejabat LPPM di Tokyo. Kedudukan pematuhan peraturan kewangan berhubung dengan Pengurusan Aset dan Stor adalah seperti **Carta 5.4.**

**CARTA 5.4.
TAHAP PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN
DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOK**



Sumber: Jabatan Audit Negara

5.5.4.2. Semakan Audit di Pejabat LPPM Tokyo mendapati Daftar Aset (KEW. PA-2) dan Daftar Inventori (KEW. PA-3) masih belum dicetak dari sistem MySPA. Selain itu, ruangan pemeriksaan aset tidak dilengkapkan dalam Daftar Aset (KEW. PA-2) dan Daftar Inventori (KEW. PA-3) walaupun pemeriksaan aset telah dilaksanakan di Pejabat LPPM Korea dan Pejabat MIDA Tokyo.

5.5.4.3. Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan pemeriksaan aset bagi tahun 2015 telah dilaksanakan di Pejabat LPPM Tokyo kerana Daftar Pemeriksaan Aset dan Inventori (KEW.PA10 dan KEW.PA11) tidak disediakan.

5.5.4.4. Semakan Audit terhadap Buku Log Kenderaan di Pejabat LPPM Seoul mendapati tiada bukti yang menunjukkan Pegawai Kenderaan telah membuat pemeriksaan terhadap kadar penggunaan bahan api.

5.5.5. Pengurusan Panjar

Pengauditan Pengurusan Panjar meliputi buku tunai akaun panjar, penyata penyesuaian bank dan kawalan buku cek. Semakan Audit mendapati tiada bukti penerimaan buku cek daripada bank diperiksa seperti yang telah ditetapkan di Pejabat LPPM Seoul dan Tokyo.

5.5.6. Sistem Perakaunan

Pejabat LPPM menggunakan sistem perakaunan berkomputer yang dikenali sebagai *Imprest Accounting System* mulai tahun 2008. Ujian *walk through* yang

dijalankan di Pejabat LPPM Seoul dan Tokyo mendapati perbelanjaan melebihi peruntukan masih boleh dilakukan walaupun peruntukan tidak mencukupi.

5.6. SYOR AUDIT

Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah yang berkenaan telah dimaklumkan mengenai penemuan Audit terhadap pejabat perwakilan BBP di luar negara supaya tindakan pemantauan diambil terhadap kelemahan dibangkitkan. Selain itu, bagi meningkatkan lagi tahap pengurusan di pejabat perwakilan tersebut adalah disyorkan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- 5.6.1.** Menjalankan penyeliaan yang lebih kerap dan rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai di bawah seliaan yang terlibat dalam urusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi;
- 5.6.2.** Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai dengan memberi latihan yang sewajarnya serta mengadakan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai dalam menjalankan urusan kewangan; dan
- 5.6.3.** Menggalakkan pewujudan budaya kerja berasaskan amalan terbaik untuk meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan.

6. PENGAUDITAN MENGEJUT DI KEMENTERIAN

6.1. LATAR BELAKANG

Pengauditan Mengejut dilaksanakan selaras dengan kehendak Seksyen 6, Akta Audit 1957 yang menyatakan bahawa Ketua Audit Negara hendaklah dalam pengauditannya membuat apa-apa pemeriksaan yang difikirkannya perlu untuk menentukan sama ada segala langkah telah diambil untuk memelihara keselamatan pungutan dan penjagaan wang awam; pengeluaran dan pembayaran wang dibuat mengikut undang-undang; penggunaan; serta akaun dan rekod kewangan diselenggarakan dengan betul dan kemas kini. Pengauditan Mengejut merupakan satu pendekatan pengauditan yang dilaksanakan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan kepada auditi.

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif Pengauditan Mengejut adalah untuk menentukan sama ada hasil, wang awam, harta awam dan barang berharga di bawah jagaan/seliaan pegawai yang diberikan tanggungjawab diakaunkan dengan teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat.

6.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan terhadap penerimaan wang, wang panjar, setem/mesin *franking*/setem hasil, borang hasil yang dikawal, wang yang diterima untuk dibahagi-bahagikan, barang berharga, kad pintar bayaran, barang individu tahanan sementara dan barangan sensitif/keselamatan bagi tahun 2016 di 265 Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Pusat Kos (PK) Kerajaan Persekutuan di bawah 20 Kementerian seluruh negara. Tempoh menjalankan pengauditan mengejut adalah satu hari atau mengikut keperluan berdasarkan saiz auditi.

6.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi Pengauditan Mengejut adalah melalui pemeriksaan fizikal terhadap wang tunai, harta awam dan barang berharga, analisis terhadap rekod-rekod kewangan, temu bual dengan pihak Auditi, pengamatan keadaan semasa pada tarikh pengauditan seperti kawalan keselamatan ke atas kaunter kutipan, pegawai keselamatan bertugas, keadaan/kandungan peti besi serta lawatan mengejut di lokasi operasi/penyimpanan/stor.

6.5. PENEMUAN AUDIT

6.5.1. Pada tahun 2016, Pengauditan Mengejut telah dilaksanakan di 265 PTJ/PK Kerajaan Persekutuan di 20 Kementerian seperti **Jadual 6.1**.

JADUAL 6.1
**PENGAUDITAN MENGEJUT DI PUSAT TANGGUNGJAWAB/
PUSAT KOS MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016**

BIL.	KEMENTERIAN	BILANGAN PUSAT TANGGUNGJAWAB/ PUSAT KOS YANG DIAUDIT
1.	Jabatan Perdana Menteri	37
2.	Kementerian Kesihatan Malaysia	40
3.	Kementerian Pendidikan Malaysia	21
4.	Kementerian Dalam Negeri	51
5.	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	10
6.	Kementerian Komunikasi dan Multimedia	4
7.	Kementerian Sumber Manusia	9
8.	Kementerian Kewangan Malaysia	15
9.	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	8
10.	Kementerian Pengangkutan	12
11.	Kementerian Belia dan Sukan	12
12.	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	7
13.	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan	3
14.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	8
15.	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	7
16.	Kementerian Pertahanan	3
17.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	5
18.	Kementerian Kerja Raya	7
19.	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	5
20.	Kementerian Pendidikan Tinggi	1
JUMLAH		265

Sumber: Jabatan Audit Negara

6.5.2. Secara keseluruhannya Pengauditan Mengejut mendapati secara keseluruhannya sejumlah 72 (28%) daripada 265 pejabat yang diperiksa telah mematuhi kesemua peraturan dan prosedur utama yang ditetapkan manakala 193 (73%) pejabat tidak mematuhi sebahagian peraturan dan prosedur utama. Butiran lanjut seperti **Jadual 6.2**.

JADUAL 6.2
PENEMUAN AUDIT PADA TAHUN 2016

BIL.	PENEMUAN AUDIT	BILANGAN PTJ/PK YANG TIDAK MEMATUHI
1.	WANG KUTIPAN	
1.1	Resit Rasmi tidak dikeluarkan bagi setiap penerimaan.	4
1.2	Resit Rasmi tidak dikeluarkan secara bersiri.	3
1.3	Kutipan lewat direkod ke dalam Buku Tunai.	5
1.4	Resit rasmi Perbendaharaan tidak diterima untuk jumlah yang dibankkan.	9
1.5	Jumlah wang kutipan lewat dibankkan.	14
1.6	Pegawai bertanggungjawab tidak menyemak cetakan di slip bayaran masuk bank/penyata pemungut.	12
1.7	Kutipan yang tidak sempat dibankkan tidak disimpan di tempat selamat atau dalam peti besi.	4
2	DAFTAR MEL	
2.1	Daftar Mel tidak diselenggara bagi terimaan melalui pos.	10
3	BORANG HASIL	
3.1	Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan dengan kemas kini bagi merekodkan stok resit, lesen dan borang akuan terima lain yang diterima atau dikeluarkan.	26
3.2	Semua stok Resit Rasmi, lesen dan borang akuan terima lain yang belum digunakan tidak disimpan dalam peti besi, bilik kebal atau di tempat yang selamat.	12
3.3	Tiada perakuan resit rasmi dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat.	24
3.4	Baki stok hasil tidak bersamaan dengan baki sebenar.	25
4	NOTIS PEMBERITAHUAN ORANG AWAM	
4.1	Notis Pemberitahuan Orang Awam untuk mendapatkan resit rasmi tidak dipamerkan di tempat yang mudah dilihat.	23
5	PANJAR WANG RUNCIT	
5.1	Tiada surat kelulusan had apungan Panjar Wang Runcit (PWR) semasa pengauditan dijalankan.	13
5.2	Baki fizikal wang PWR tidak bersamaan dengan baki Buku Tunai PWR.	21
5.3	Baucar bayaran PWR tidak direkodkan dengan lengkap dalam Buku Tunai PWR.	26
5.4	Tiada bukti baucar bayaran PWR diluluskan oleh Ketua Jabatan.	8
5.5	Terdapat tuntutan rekupmen yang masih tidak diterima.	13
6	WANG UNTUK DIBAHAGI-BAHAGIKAN	
6.1	Baki wang agihan tidak bersamaan dengan baki senarai penerima.	3
6.2	Daftar Pembayaran tidak disediakan, tidak dikemaskini dan tidak disemak oleh Ketua Jabatan atau wakilnya.	2
6.3	Baki wang agihan tidak dibankkan dalam tempoh 21 hari dari tarikh cek.	3
6.4	Bank draf/slip bayar masuk bank/penyata pemungut tidak diperolehi bagi membuktikan baki wang yang tidak dapat diagihkan telah dimasukkan semula ke dalam akaun.	2

BIL.	PENEMUAN AUDIT	BILANGAN PTJ/PK YANG TIDAK MEMATUHI
7	PERWAKILAN KUASA	
7.1	Tiada perwakilan kuasa secara bertulis disediakan bagi pegawai yang menerima wang kutipan, menulis, menandatangani dan membatalkan resit.	18
7.2	Kad akses tidak berada pada pegawai yang diberi kuasa.	3
7.3	Kad akses/kata laluan bagi pegawai bertukar/berhenti belum dibatalkan.	10
8	SETEM POS/MESIN FRANKING	
8.1	Baki stok setem fizikal tidak bersamaan dengan Daftar Setem.	31
8.2	Terdapat penerimaan dan pengeluaran setem tidak direkodkan. Baki setem di daftar tidak disahkan oleh Ketua Pejabat.	38
9	PETI BESI/BILIK KEBAL	
9.1	Peti besi/bilik kebal tidak digunakan untuk menyimpan segala wang kutipan dan barang-barang rasmi yang berharga dengan selamat.	17
9.2	Peti besi tidak mempunyai anak kunci dan kod kombinasi berasingan dan dipegang oleh pegawai yang sama serta tidak diberi kuasa.	71
9.3	Peti besi tidak dikejut pada rangka bina bangunan, jika bersesuaian.	8
10	PEMERIKSAAN MENGEJUT	
10.1	Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh enam (6) bulan.	74
10.2	Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam buku yang disimpan.	53
11	KAWALAN PERBELANJAAN	
11.1	Had kuasa berbelanja yang ditetapkan dalam sistem tidak selaras dengan perwakilan kuasa menandatangani baucar yang diluluskan.	12
11.2	Baucar bayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap.	18
11.3	Terdapat baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/cap "TELAH BAYAR".	12
11.4	Terdapat perbezaan pembayaran diantara jumlah yang dibayar dengan jumlah tuntutan yang dibuat.	4
11.5	Bayaran baucar tidak dibuat kepada penerima yang sah (tiada Salinan penyata bank dilampirkan).	3
11.6	Pesanan Kerajaan diluluskan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa.	3
11.7	Terdapat bil yang diterima dibayar lewat melebihi tempoh 14 hari.	10
11.8	Terdapat bil yang diterima tidak dicap "TARIKH TERIMA" bagi tujuan pemantauan bayaran.	13
11.9	Daftar Bil tidak diselenggarakan dengan lengkap dan tidak dikemas kini.	7
11.10	Buku Vot/Buku Vot elektronik tidak disemak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh penyelia.	14

Sumber: Jabatan Audit Negara

6.5.3. Ketua pejabat yang berkenaan telah dimaklumkan mengenai perkara yang dibangkitkan dan tindakan penambahbaikan telah diambil seperti meningkatkan

kawalan dalaman serta memastikan peraturan kewangan yang berkuatkuasa dipatuhi.

6.6. SYOR AUDIT

Bagi mengelakkan kelemahan yang dibangkitkan daripada berulang, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan yang terlibat hendaklah memastikan:

- 6.6.1.** Semua daftar dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;
- 6.6.2.** Perkara yang dibangkitkan diambil tindakan pembetulan dan pencegahan dengan segera;
- 6.6.3.** Mempertingkatkan seliaan terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai bawahan;
- 6.6.4.** Memberi latihan secara berterusan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam urusan kewangan; dan
- 6.6.5** Mengenakan tindakan punitif terhadap pegawai yang gagal melaksanakan tugas mengikut peraturan ditetapkan.

BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

7. PENGAUDITAN MENGEJUT DI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN IBU PEJABAT, NEGERI DAN DAERAH

7.1. LATAR BELAKANG

7.1.1. Pengauditan Mengejut dilaksanakan selaras dengan kehendak Seksyen Akta Audit 1957 yang menyatakan bahawa Ketua Audit Negara hendaklah dalam pengauditannya membuat apa-apa pemeriksaan yang difikirkannya perlu untuk menentukan sama ada segala langkah berjaga-jaga yang munasabah telah diambil untuk melindungi pemungutan dan penjagaan wang awam atau wang lain yang tertakluk kepada pengauditannya.

7.1.2. Pengauditan Mengejut merupakan satu pendekatan Audit yang dilaksanakan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan kepada Auditi.

7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif Pengauditan Mengejut adalah untuk menentukan sama ada hasil, wang awam, harta awam dan barang berharga di bawah jagaan/seliaan pegawai yang diberikan tanggungjawab diakaunkan dengan teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat.

7.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan terhadap penerimaan wang, wang panjar, setem/mesin *franking*/setem hasil, Borang Hasil Dikawal, wang yang diterima untuk dibahagi-bahagikan, barang berharga, sijil pelaburan, kad pintar bayaran, barang individu tahanan sementara dan barangan sensitif/keselamatan bagi tahun 2016 di 148 pejabat di 47 Badan Berkanun Persekutuan. Tempoh menjalankan Pengauditan Mengejut adalah satu hari atau mengikut keperluan berdasarkan saiz auditi.

7.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi Pengauditan Mengejut adalah melalui pemeriksaan fizikal terhadap wang tunai, harta awam dan barang berharga, analisis terhadap rekod-rekod kewangan, temu bual dengan pihak Auditi, pengamatan keadaan semasa pada tarikh pengauditan seperti kawalan keselamatan ke atas kaunter kutipan, pegawai keselamatan bertugas, keadaan/kandungan peti besi serta lawatan mengejut di lokasi operasi/ penyimpanan/ stor.

7.5. PENEMUAN AUDIT

7.5.1. Pada tahun 2016, Pengauditan Mengejut telah dilaksanakan di 148 pejabat di 47 Badan Berkanun Persekutuan seperti **Jadual 7.1**.

JADUAL 7.1
PENGAUDITAN MENGEJUT
DI 148 PEJABAT BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	BILANGAN PEJABAT
1	Bank Simpanan Nasional (BSN)	4
2	Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)	3
3	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)	7
4	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	1
5	Lembaga Getah Malaysia (LGM)	2
6	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	4
7	Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN)	1
8	Lembaga Kemajuan Wilayah Keda (KEDA)	1
9	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	1
10	Lembaga Koko Malaysia (KOKO)	1
11	Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)	1
12	Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)	4
13	Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP)	1
14	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	10
15	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)	3
16	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)	2
17	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)	4
18	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA)	1
19	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)	4
20	Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM)	2
21	Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)	4
22	Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)	2
23	Lembaga Tabung Haji (LTH)	2
24	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (MAIWP)	1
25	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	26
26	Majlis Sukan Negara (MSN)	3
27	Maktab Koperasi Malaysia (MKM)	1
28	Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)	3
29	Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)	2
30	Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (KRAFTANGAN)	2

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	BILANGAN PEJABAT
31	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)	1
32	Perbadanan Perusahaan Industri Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp.)	2
33	Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA)	1
34	Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)	1
35	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	5
36	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	1
37	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)	12
38	Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)	6
39	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)	1
40	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)	2
41	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	5
42	Suruhanjaya Tenaga (ST)	3
43	Universiti Kuala Lumpur (UniKL)	1
44	Universiti Sains Malaysia (USM)	1
45	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	1
46	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	1
47	Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)	1
JUMLAH		148

Sumber: Jabatan Audit Negara

7.5.2. Pengauditan Mengejut yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya sejumlah 39 pejabat atau 26% daripada 148 pejabat tersebut telah mematuhi kesemua peraturan dan prosedur utama yang ditetapkan manakala sejumlah 109 pejabat atau 74% masih tidak mematuhi peraturan seperti **Jadual 7.2**.

JADUAL 7.2
PENEMUAN AUDIT PADA TAHUN 2016

BIL.	PENEMUAN AUDIT	BILANGAN PEJABAT YANG TIDAK MEMATUHI
1.	WANG KUTIPAN	
1.1	Resit Rasmi tidak dikeluarkan bagi setiap penerimaan.	2
1.2	Resit Rasmi tidak dikeluarkan secara bersiri.	3
1.3	Kutipan lewat direkod ke dalam Buku Tunai.	6
1.4	Pegawai bertanggungjawab tidak menyemak cetakan di slip bayaran masuk bank/penyata pemungut.	23
1.5	Jumlah kutipan lewat dibankkan.	10
1.6	Kutipan yang tidak sempat dibankkan tidak disimpan di tempat selamat atau dalam peti besi	2

BIL.	PENEMUAN AUDIT	BILANGAN PEJABAT YANG TIDAK MEMATUHI
2	DAFTAR MEL	
2.1	Daftar Mel tidak diselenggara dengan kemas kini dan lengkap.	6
3	BORANG HASIL	
3.1	Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan dengan kemas kini bagi merekodkan stok resit, lesen dan borang akuan terima lain yang diterima atau dikeluarkan.	10
3.2	Semua stok Resit Rasmi, lesen dan borang akuan terima lain yang belum digunakan tidak disimpan dalam peti besi, bilik kebal atau di tempat yang selamat.	9
3.3	Tiada perakuan resit rasmi dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat.	20
3.4	Baki stok hasil tidak bersamaan dengan baki sebenar.	9
4	NOTIS PEMBERITAHUAN ORANG AWAM	
4.1	Notis Pemberitahuan Orang Awam untuk mendapatkan resit rasmi tidak dipamerkan di tempat yang mudah dilihat.	18
5	KUTIPAN HASIL MENGGUNAKAN KAD KREDIT	
5.1	Tiada logo kad kredit dipaparkan.	1
5.2	Buku Daftar Kad Kredit tidak diselenggarakan.	2
6	PANJAR WANG RUNCIT	
6.1	Tiada surat kelulusan had apungan Panjar Wang Runcit (PWR) semasa pengauditan dijalankan.	14
6.2	Baki fizikal wang PWR tidak bersamaan dengan baki Buku Tunai PWR.	8
6.3	Baucar bayaran PWR tidak direkodkan dengan lengkap dalam Buku Tunai PWR.	8
6.4	Terdapat perbelanjaan yang tidak dibenarkan dibuat melalui PWR telah dibuat.	2
6.5	Tiada bukti baucar bayaran PWR diluluskan oleh Ketua Jabatan.	5
6.6	Terdapat tuntutan rekupmen yang masih tidak diterima.	10
7	PANJAR SEPERDUA BELAS/TIGA PERDUA BELAS/KHAS	
7.1	Tiada bukti kelulusan diperolehi untuk menyelenggara akaun panjar.	1
7.2	Baucar bayaran tidak direkod dalam Bukut Tunai Panjar	1
7.3	Tiada bukti baucar bayaran diluluskan oleh Ketua Jabatan	1
8	PERWAKILAN KUASA	
8.1	Tiada perwakilan kuasa secara bertulis disediakan bagi pegawai yang menerima wang kutipan, menulis, menandatangani dan membatalkan resit.	22
8.2	Kad akses tidak berada pada pegawai yang diberi kuasa.	1
8.3	Kad akses/kata laluan bagi pegawai bertukar/berhenti belum dibatalkan.	3
9	SETEM POS/MESIN FRANKING	
9.1	Baki stok setem fizikal tidak bersamaan dengan Daftar Setem.	15

BIL.	PENEMUAN AUDIT	BILANGAN PEJABAT YANG TIDAK MEMATUHI
9.2	Terdapat penerimaan dan pengeluaran setem tidak direkodkan. Baki setem di daftar tidak disahkan oleh Ketua Pejabat.	22
10	SETEM HASIL/MESIN FRANKING	
10.1	Pegawai yang membuat penaksiran dan mengutip adalah pegawai yang sama bagi mesin franking .	1
10.2	Catatan tidak dibuat oleh pegawai penyelia sebaik sahaja mesin franking direset semula bagi bacaan semasa, jumlah kutipan semasa dan frank yang dibatalkan.	1
10.3	Wang yang dikutip tidak disesuaikan dengan jumlah di mesin franking oleh pegawai penyelia.	1
10.4	Buku daftar utama (PDS BD 1, 2 dan 3) tidak disemak/ditandatangani ringkas setiap hari dengan buku tunai oleh pegawai penyelia.	2
11	PETI BESI/BILIK KEBAL	
11.1	Peti besi/bilik kebal tidak digunakan untuk menyimpan segala wang kutipan dan barang-barang rasmi yang berharga dengan selamat.	4
11.2	Surat penurunan kuasa tidak diberikan kepada pegawai yang memegang anak kunci dan nombor kombinasi atau kod kombinasi dan anak kunci peti besi/bilik kebal dipegang pegawai yang sama.	36
11.3	Peti besi tidak dikekat pada rangka bina bangunan, jika bersesuaian.	13
12	PEMERIKSAAN MENGEJUT	
12.1	Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh enam (6) bulan.	59
12.2	Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam buku yang disimpan.	48
13	KAWALAN PERBELANJAAN	
13.1	Had kuasa berbelanja yang ditetapkan dalam sistem tidak selaras dengan perwakilan kuasa menandatangani baucar yang diluluskan.	9
13.2	Baucar bayaran yang diluluskan melebihi had kuasa berbelanja yang dibenarkan.	5
13.3	Baucar bayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap.	4
13.4	Terdapat baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/cap "TELAH BAYAR".	24
13.5	Pembelian dilakukan sebelum Pesanan Kerajaan dikeluarkan terlebih dahulu.	3
13.6	Pesanan Kerajaan diluluskan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa.	1
13.7	Terdapat bil yang diterima dibayar lewat melebihi tempoh 14 hari.	13
13.8	Terdapat bil yang diterima tidak dicap "TARIKH TERIMA" bagi tujuan pemantauan bayaran.	15
13.9	Daftar Bil tidak diselenggarakan dengan lengkap dan tidak dikemas kini.	8
13.10	Buku Vot/Buku Vot elektronik tidak disemak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh penyelia.	10
13.11	Tanggungan dan perbelanjaan tidak dicatat dengan betul di dalam Buku Vot (Jika tidak menggunakan sistem elektronik).	1

Sumber: Jabatan Audit Negara

7.5.3 Ketua Pegawai Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan yang berkenaan telah dimaklumkan perkara yang dibangkitkan dan telah diminta untuk mengambil tindakan sewajarnya seperti meningkatkan kawalan dalaman serta mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Ketua Pegawai Eksekutif berkenaan telah memaklumkan bahawa tindakan pembetulan telah diambil terhadap penemuan Audit yang dibangkitkan.

7.6 SYOR AUDIT

Secara keseluruhan, bagi mengelakkan penemuan Audit yang sama berulang, disyorkan supaya Ketua Pegawai Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan mengambil tindakan seperti berikut:

- 7.6.1** Memastikan perkara yang dibangkitkan diambil tindakan pembetulan dan pencegahan dengan segera.
- 7.6.2** Mempertingkatkan seliaan terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai bawahan.
- 7.6.3** Memberikan latihan secara berterusan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam urusan kewangan berkaitan.
- 7.6.4** Membuat pusingan kerja terutamanya di tempat kerja yang mempunyai risiko tinggi.
- 7.6.5** Ketua Pegawai Eksekutif perlu mengarahkan Unit Audit Dalam menjalankan pengauditan di Pusat Tanggungjawab yang lain untuk memastikan kelemahan yang sama tidak berlaku di pejabat berkenaan.
- 7.6.6** Mengenakan tindakan punitif terhadap pegawai yang gagal melaksanakan tugas mengikut peraturan ditetapkan.



Bahagian IV


PENGLIBATAN JABATAN AUDIT NEGARA
DALAM PENILAIAN KHAS BAGI
MENINGKATKAN AKAUNTABILITI
PENGURUSAN WANG AWAM

PENGLIBATAN JABATAN AUDIT NEGARA DALAM PENILAIAN KHAS BAGI
MENINGKATKAN AKAUNTABILITI PENGURUSAN WANG AWAM

Selain menjalankan pengauditan bagi memenuhi kehendak undang-undang, Jabatan Audit Negara telah menjalankan penilaian khas terhadap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi. Penglibatan Jabatan Audit Negara dalam perkara ini adalah seperti yang berikut:

**8. PENILAIAN KHAS TERHADAP PRESTASI PENGURUSAN
KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI**

Jabatan Audit Negara telah membuat penilaian khas terhadap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah kawalan pegawai Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA). Penilaian ini adalah untuk tujuan pengesahan jawatan mereka. Bagi tahun 2016, penilaian telah dibuat terhadap pengurusan kewangan di bawah kawalan 63 Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Agensi. Secara umumnya, prestasi pengurusan kewangan di bawah kawalan pegawai berkenaan adalah baik. Penglibatan Jabatan Audit Negara membuat penilaian ini secara tidak langsung telah menyumbang kepada pengukuhan pengurusan kewangan Kerajaan memandangkan pegawai yang dinilai itu akan memastikan pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktiviti di bawah jagaan mereka dibuat dengan lebih berakauntabiliti dan berintegriti.



Penutup

Pada umumnya, tahap prestasi pengurusan kewangan di peringkat Kementerian bagi tahun kewangan 2016 menunjukkan peningkatan berbanding tahun-tahun sebelumnya. Pada tahun 2016, semua 25 Kementerian (100%) mencapai tahap **Cemerlang** dalam penilaian Indeks Akauntabiliti berbanding 16 daripada 25 Kementerian (64.0%) pada tahun 2015 dan 20 daripada 24 Kementerian (83.3%) pada tahun 2014.

Prestasi pengurusan kewangan di 18 Jabatan Persekutuan yang diaudit secara tahunan juga menunjukkan peningkatan di mana 16 jabatan (88.89%) telah mencapai tahap **Cemerlang** dan dua (2) di tahap **Baik**. Manakala prestasi pengurusan kewangan di 38 Badan Berkanun Persekutuan yang diaudit secara pusingan tiga (3) tahun, menunjukkan 16 BBP (39.5%) berada pada tahap **Cemerlang**, 19 BBP (52.6%) pada tahap **Baik** dan tiga (3) BBP (7.9%) pada tahap **Memuaskan**. Prestasi pengurusan kewangan ini boleh dipertingkatkan sekiranya Pegawai Pengawal/ Ketua Jabatan bukan sahaja mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, juga mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Sehubungan itu, bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, adalah disyorkan Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan mengambil tindakan seperti berikut:

- a. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan di Jabatan serta Pusat Tanggungjawab di bawah kawalannya untuk memastikan tindakan pembetulan diambil sekiranya berlaku kelemahan yang sama seperti dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada sampel dan skop tertentu sahaja;
- b. Bagi memperbaiki lagi tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands on* dalam urusan tersebut;
- c. Kementerian/Jabatan perlu memperkasakan peranan Unit Audit Dalam (UAD) antaranya ialah dengan memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, perancangan audit tahunan perlu disediakan dengan teliti supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, penilaian dibuat secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalaman malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak dan *outcome* kepada organisasi;

- d. Isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara hendaklah dibincangkan dengan terperinci dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit. Mesyuarat juga hendaklah membincangkan tindakan *corrective* dan *preventive* yang akan diambil bagi memastikan isu yang sama tidak berulang lagi;
- e. Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Agensi hendaklah mempengerusikan setiap *Exit Conference* bersama pegawai Jabatan Audit Negara supaya isu yang dibangkitkan diketahui lebih awal dan segera mengambil tindakan positif selain usaha penambahbaikan;
- f. Jabatan Akauntan Negara Malaysia memainkan peranan yang penting dalam memantapkan pengurusan kewangan Kerajaan iaitu dengan memastikan Unit Nazirannya menjalankan pemeriksaan di Pusat Tanggungjawab secara terancang;
- g. Ketua Jabatan perlu mewujudkan sistem *check and balance*, menjalankan pusingan tugas, pemantauan yang rapi dan menjalankan pemeriksaan mengejut, mengadakan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai serta memberi latihan kepada pegawai yang terlibat dalam bidang pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan mereka. Ini adalah bagi mengelakkan pegawai kurang mahir atau kurang berpengetahuan menggunakan budi bicara apabila membuat keputusan; dan
- h. Rekod mengenai aset sentiasa dikemaskinikan oleh Kementerian/Jabatan sebagai persiapan Kerajaan Persekutuan ke arah pelaksanaan perakaunan berasaskan akruan.

Jabatan Audit Negara


Putrajaya

8 Mei 2017



Lampiran A1

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2016



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2016, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Tanggungjawab Pihak Berkuasa Kewangan Terhadap Penyata Kewangan

Pihak Berkuasa Kewangan bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia. Pihak Berkuasa Kewangan juga bertanggungjawab menetapkan kawalan dalaman yang perlu diwujudkan bagi memberi jaminan yang munasabah bahawa penyata kewangan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah bahawa penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.


Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit terhadap amaun yang dilaporkan dan pendedahan mengenainya dalam penyata kewangan. Pemilihan prosedur Audit yang akan digunakan bergantung kepada pertimbangan

Juruaudit selepas melaksanakan penilaian risiko. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi menyatakan pendapat saya mengenai penyata kewangan ini.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan pada 31 Disember 2016 serta prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Pelaporannya adalah selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
8 MEI 2017



Lampiran A2

- PERNYATAAN KETUA SETIAUSAHA
PERBENDAHARAAN DAN AKAUNTAN NEGARA
MALAYSIA
- PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA
31 DISEMBER 2016
- PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN
WANG TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN
31 DISEMBER 2016
- PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2016
- PENYATA AKAUN MEMORANDUM PADA
31 DISEMBER 2016
- NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

PERNYATAAN KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN DAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2016 dan Nota Kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawai Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua pejabat perakaunan Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Kementerian.

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2016.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2016.



TAN SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR BIN ABDULLAH
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
24 Februari 2017



DATO' HAJI CHE PEE BIN SAMSUDIN
Akauntan Negara Malaysia
24 Februari 2017

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2016

		<u>2016</u>	<u>2015</u>
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	16,063,461,692	22,972,548,115
PELABURAN	4	23,309,872,026	25,754,372,536
		<u>39,373,333,718</u>	<u>48,726,920,651</u>
DIPEGANG BAGI : KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	11,863,127,086	11,863,127,086
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	20,323,759,248	28,385,609,134
